

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 55 Selasa 24 November 2015

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2016

Jawatankuasa:-

Jadual:-

Maksud B.28 (Halaman 25)

Maksud B.29 (Halaman 81)

Maksud B.30 (Halaman 126)

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada

Peraturan Mesyuarat (Halaman 24)

Anggaran Pembangunan 2016

Jawatankuasa:-

Maksud P.28 (Halaman 25)

Maksud P.29 (Halaman 81)

Maksud P.30 (Halaman 126)

**MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA**

Selasa, 24 November 2015

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]** minta Menteri Pendidikan Tinggi menyatakan adakah sistem pendidikan tinggi mengambil kira aspek kemahiran insaniah dalam diri mahasiswa. Ini kerana pembelajaran di universiti pada masa kini, lebih berorientasikan kepada penilaian pencapaian akademik. Apakah langkah kementerian dalam memastikan graduan yang dihasilkan adalah seimbang daripada segi akademik dan insaniah

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]:
Terima kasih Yang Berhormat Parit atas soalan berkaitan dengan penilaian pelajar daripada aspek kemahiran insaniah.

Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 untuk pendidikan tinggi yang dilancarkan telah menggariskan hala tuju transformasi sistem pendidikan tinggi negara. Lonjakan Satu dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia pendidikan tinggi menetapkan strategi dan inisiatif untuk menghasilkan graduan yang holistik, berciri keusahawanan dan seimbang.

Bagi merealisasikan hasrat ini, terdapat keperluan untuk memperkasakan kaedah pentaksiran bersepadu di institusi pendidikan tinggi (IPT) dan ia akan dilaksanakan melalui pelaporan purata nilai kumulatif bersepadu (iCGPA). Kaedah pelaporan iCGPA menggambarkan pencapaian akademik dan penguasaan kemahiran insaniah yang holistik dan seimbang bagi memenuhi aspirasi pelajar PPPMPT yang merangkumi lapan domain hasil pembelajaran dalam *spider web* seperti berikut:

- (i) pengetahuan;
- (ii) kemahiran praktikal;
- (iii) kemahiran dan tanggungjawab sosial;
- (iv) nilai, sikap dan profesionalisme;
- (v) kemahiran komunikasi kepimpinan dan kerja berpasukan;
- (vi) kemahiran penyelesaian masalah dan kemahiran saintifik;
- (vii) kemahiran pengurusan maklumat dan pembelajaran sepanjang hayat;
dan,

(viii) kemahiran mengurus dan keusahawanan.

Pelaporan iCGPA bertujuan membantu mengenal pasti kekuatan dan peluang penambahbaikan yang diperlukan oleh pelajar. Ia juga dapat membantu bakal majikan mengenal pasti kesesuaian graduan dalam memenuhi keperluan pekerjaan. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Terima kasih atas jawapan yang diberikan oleh Menteri sebentar tadi. Saya melihat bahawa iCGPA ini merupakan satu perkara baru yang pada pandangan saya amat bersesuaian untuk dilaksanakan pada masa kini memandangkan kita memerlukan para graduan yang dilahirkan bukan sahaja cemerlang dalam bidang akademik, malah juga dalam kemahiran insaniah.

Berdasarkan kepada modul pembangunan kemahiran insaniah untuk institusi pengajian tinggi, saya dapat latihan yang dilaksanakan adalah pendek iaitu satu bulan hingga dua bulan sahaja. Ini menyebabkan tidak semua bidang pembelajaran insaniah dapat dipenuhi. Kalau di negara maju, latihan ini dijalankan ...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan.

Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]: Okey. Selama lebih daripada setahun. Jadi, soalan saya ...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ...

Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]: Soalan, soalan.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan.

Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]: Soalan saya ialah bila dan bagaimanakah iCGPA ini akan dilaksanakan oleh kementerian. Kedua, adakah semua universiti bersedia untuk melaksanakan iCGPA ini? Sekian, terima kasih.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Terima kasih Yang Berhormat Parit atas soalan yang berkaitan dengan pelaksanaan iCGPA. Untuk makluman Yang Berhormat Parit, lima buah universiti rintis program fakulti sudah dijalankan pada bulan September tahun ini.

Universitinya adalah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) untuk Sarjana Muda Sains Komputer, Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat yang terdiri daripada 100 orang pelajar dan universiti yang kedua yang melaksanakan iCGPA adalah Universiti Teknologi MARA untuk Sarjana Muda (Kepujian) Pengurusan Seni Kulineri, Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan yang terdiri daripada 40 orang pelajar. Universiti Malaysia Terengganu, sebuah universiti komprehensif juga melaksanakan iCGPA untuk Ijazah Sarjana Muda Komputer dengan *Informative Maritime* yang terdiri daripada 65 orang pelajar. Universiti Malaysia Pahang, sebuah universiti teknikal juga melaksanakan inisiatif ini untuk Sarjan Muda Sains Komputer Kejuruteraan Perisian dengan kepujian dan ini terdiri daripada 150 orang pelajar.

■1010

Universiti yang kelima adalah Universiti Malaysia Kelantan untuk Sarjana Muda Sains Gunaan Sains Kelestarian yang mempunyai 55 orang pelajar. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya ialah bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberikan contoh-contoh kursus yang disebutkan dalam modul-modul tadi terutama sekali kepada pelajar-pelajar yang mengikuti bidang sains dan teknologi dan juga dalam bidang sains sosial? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Yang Berhormat, tadi saya sudah beritahu berkaitan dengan program sarjana yang berkaitan dengan sains dan teknologi serta kursus ini ditawarkan di Universiti Malaysia Pahang memandangkan ini ialah sebuah universiti teknikal dan kursus itu dijalankan di Fakulti Sistem Komputer dan Kejuruteraan Perisian. Sekian, terima kasih.

2. **Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]** minta Menteri Kesihatan menyatakan projek Hospital Parit Buntar yang terbengkalai sejak tapaknya dirasmikan pada tahun 2008.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Parit Buntar. Sebelum saya menjawab, saya ingin mengalu-alukan rombongan 40 orang ahli Perkumpulan Perempuan Negeri Pulau Pinang yang berbaju warna biru itu, di atas sebelah sana.

Tuan Yang di-Pertua, projek Hospital Parit Buntar merupakan salah satu projek dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh. Tapak projek yang dicadangkan adalah seluas 40 ekar di kawasan simpang Parit Buntar. Lebih kurang lima kilometer dari hospital sekarang di Parit Buntar. Hasil ujian tanah yang dilaksanakan oleh pihak Jabatan Kerja Raya, mendapati keadaan tanah sedia ada memerlukan kerja-kerja tanah yang *extensive* dan melibatkan kos yang tinggi. Ini melibatkan reka bentuk hospital perlu diubahsuai bagi memastikan penggunaan tanah yang minimum bagi membendung kos.

Bagi mempercepatkan pembinaan hospital, pelaksanaan projek dijalankan dalam tiga fasa. Fasa pertama ialah kerja-kerja awalan tanah dan lain-lain yang berkaitan, kosnya dalam RM150,000 dan telah pun siap pada 27 Disember 2012. Fasa kedua, kerja-kerja tanah dan rawatan tanah. Ini melibatkan tanah bendang Tuan Yang di-Pertua, tanah sawah, yang mana selut terpaksa dikorek dan ditambun dengan tanah merah dan ini melibatkan kos RM10,355,000 dan kerja telah siap pada bulan Jun 2015 dan ini pun terlewat dua bulan kerana kita juga prihatin tentang penanam padi, pesawah di sana. Kita memberikan peluang kepada mereka untuk menuai hasil dan lewat dua bulan, Tuan Yang di-Pertua.

Fasa ketiga dijangka akan bermula pada bulan Julai 2016, tahun depan Tuan Yang di-Pertua. *Designnya* ialah untuk 76 buah katil dan semuanya ada Tuan Yang di-Pertua. Kalau lihat di sini, apa yang dirancang untuk hospital ini *special* kerana ada enam buah bilik klinik pakar, yang sedia ada cuma satu sahaja di hospital lama. Ada 10 buah mesin dialisis Unit Rawatan Rapi, ada mesin x-ray, enam buah bilik bersalin dan dua bilik bedah. Hospital yang lama tidak ada bilik bedah tetapi yang sekarang ini kita rancang terdapat dua buah dewan bedah Tuan Yang di-Pertua. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan mengapakah daripada asal pengumuman yang dibuat pada tahun 2011 melibatkan 300 buah katil, kemudian tahun 2013 turun kepada 200 buah katil, kemudian dalam *interview* dengan DO menjadi 150 buah katil dan yang terkini dan jawapannya sudah kira pasti ialah 76 buah katil. Apakah 76 buah katil ini boleh meletakkan status Hospital Parit Buntar dan Bagan Serai sebagai hospital pakar?

Kedua, peralatan ataupun logistik seperti ambulans yang hari ini sudah terlalu daif di Parit Buntar, mohon kementerian melihat kerana Parit Buntar terpaksa mengambil kira daripada Sungai Acheh di sebelah Penang, dari Perak, Bagan Serai dan Parit Buntar dan dari Kulim-Bandar Baharu, Kedah. Hospital paling dekat ialah Taiping di Perak dan Seberang Jaya di seberang. Jadi suasana itu menyebabkan kami di Parit Buntar dan saya kira Yang Berhormat Bagan Serai, sahabat saya juga akan mengalami masalah dari sudut kepadatan penduduk dalam suasana hospital yang akan didirikan ini hanya melibatkan 76 buah katil yang tidak mungkin menampung. Mohon penjelasan Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, kita memang mendengar pelbagai pengumuman, tetapi kalau lihat keadaan sekarang di Parit Buntar, saya memang pernah bekerja di Hospital Sungai Bakap selama 2-4 tahun, sebab itu saya tahu benarlah mengenai Hospital Parit Buntar yang melibatkan tiga buah negeri iaitu negeri Perak, Kedah dan juga Pulau Pinang. Di Pulau Pinang juga terdapat USM, MRSM dan peningkatan penduduk memang makin meningkat di mana sekarang ini terdapat 184,000 orang penduduk di sana dan dijangka pada tahun 2020 meningkat kepada 200,000 orang.

Jadi hari ini kalau kita lihat daripada segi *Beds Occupancy Rate* (BOR), sekarang jumlah katil di Hospital Parit Buntar yang lama mempunyai 120 buah katil tetapi *beds occupancy* diterima antara tengok balik sejarahnya daripada tahun 2006 sehingga 2010, dia punya *Beds Occupancy Rate* (BOR) hanya 35% sehingga 43%, jadi rendah. Mungkin di antaranya disebabkan tidak ada pakar, sebab itu orang tidak pergi ke sana sebaliknya pergi ke Taiping ataupun ke Seberang Jaya.

Jadi, memandangkan *Beds Occupancy Rate* (BOR) itu rendah, jadi kita tidak memerlukan hospital yang besar lagi. Peruntukan yang kita dapat hanya RM120 juta. Dengan keadaan tanah tapak yang agak dalam dan selepas itu menambun tanah sudah membelanjakan RM100 juta, tinggal lagi tidak banyak. Jadi, anggaran kos sekarang juga sudah meningkat. Kos untuk membina hospital baru ini sudah hampir RM150 juta.

Untuk menampung ataupun menyelesaikan masalah kepakaran pakar ini, kalau sekarang kita cuma ada satu bilik pakar di hospital lama tetapi hari ini kita sudah mencadangkan di hospital yang baru akan ada enam buah bilik pakar, maknanya kita akan ada lebih banyak lagi lawatan pakar-pakar dari Taiping. Hospital ini memang direka supaya boleh *expand* dan dibesarkan dengan mudah antara 100 hingga 200 buah katil dengan mudah. Ini yang kita cuba buat dan saya yakin ini dapat menyelesaikan masalah sementara penduduk di Parit Buntar.

Berkenaan dengan hospital lama, kita cadangkan untuk mengekalkannya sebagai *out patient*. Di kawasan Parit Buntar sekarang memang banyak sebenarnya, ada 30– nanti saya tengok dia punya rekod, yang ada sekarang boleh menampung keperluan penduduk di sana, banyak klinik yang ada. Kita ada 32 buah klinik di kawasan berkenaan. Mana dia? Maklumatnya telah hilang...

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Nanti, nanti. Kita ada 11 buah klinik kesihatan, 32 buah klinik desa dan 35 buah klinik swasta di sana. Saya ingat ia mencukupi buat masa sekarang Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Bagan Serai.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. soalan tambahan saya berkaitan dengan hospital ini kerana Hospital Daerah Parit Buntar akan dibina di Parlimen Bagan Serai. Jadi saya dengan sahabat saya Yang Berhormat Parit Buntar ini, hal kesihatan rakyat ini bagi kami ialah hal yang sangat penting. Ini adalah projek yang menjadi buah mulut dan ukuran kepada penilaian rakyat kepada kerajaan hari ini kerana telah diluluskan sejak tahun 2008.

Saya ingin memohon sekali lagi pertanyaan kepada kementerian, apakah ada perancangan yang khusus untuk mewujudkan klinik-klinik pakar kerana rakyat dulu seramai 180,000 tetapi kini sudah menghampiri 200,000 orang. Dengan kehadiran klinik pakar ini akan mengurangkan kes-kes kematian disebabkan lambatnya mendapat *treatment*.

Saya minta satu lagi Kementerian Kesihatan, hendak bertanya adakah pemilihan kontraktor yang akan membuat hospital ini dibuat dengan teliti di mana kontraktor yang sepatutnya bersih dari segala masalah, berpengalaman dan berkelayakan.

■1020

Ini kerana kita tidak mahu lagi jadi macam kalau ada hospital-hospital dahulu yang hospital yang hendak buat itu yang dahulu sakit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, memang saya jangka Yang Berhormat Bagan Serai akan bangun. Ini orang kecil, akal banyak ini. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, memang daerah dia dekat, boleh pakatlah 'kot' Yang Berhormat Parit Buntar ini dengan Yang Berhormat Bagan Serai. Memang dirancang, sebab itu saya kata tadi tentang klinik pakar ini, sekarang ini di Parit Buntar ada satu sahaja klinik pakar. Sekarang kita sudah rancang untuk *announce* klinik pakar. Jadi maknanya ramai pakar yang boleh datang melawat, tidak jauh pun dari Taiping, tidak jauh. Saya ingat boleh memenuhi masalah permohonan atau permintaan rujuk tempat.

Tuan Yang di-Pertua, projek ini akan ditender terbuka. Jadi makna mereka akan buat penilaian dan kita akan lantik kontraktor yang berwibawalah, Tuan Yang di-Pertua, *insya-Allah*. Terima kasih.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Putatan, soalan spesifik di Parit Buntar. Yang Berhormat Putatan jauh daripada Parit Buntar.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Ini isu nasional, isu kementerian, Tuan Yang di-Pertua. Ini saya mahu tanya kementerian.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, terpulang kepada Menteri jawab atau tidak. Sila Yang Berhormat Putatan.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini soalan nasional. Dalam Kementerian Kesihatan ini, saya mendengar bahawa banyak hospital yang terbengkalai selain daripada Parit Buntar dan Bagan Serai. Saya mahu tahu, ada satu Laporan Audit, saya tak mahu sebut di hospital mana, di mana lifnya katil pun tidak boleh masuk. Jadi saya mahu tanya, berapa lagi hospital-hospital yang terbengkalai sekarang di seluruh negara? Rakyat mahu tahu. Itu Tuan Yang di-Pertua, itu soalan pendek.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi yang hospital tidak dikasi tahu di mana lif kecil itu macam mana Menteri jawab? *[Ketawa]*

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, ini soalan...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Dalam Laporan Audit, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Terima kasih Yang Berhormat Putatan. Hal ini saya tidak ada maklumat dan saya akan jawab secara bertulis. *[Ketawa]*

3. Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) apakah perancangan kementerian untuk meningkatkan rondaan dan mengetatkan penguatkuasaan polis di Bintulu kerana masalah pengedaran dadah kembali semula dan semakin berleluasa sejak kebelakangan ini; dan
- (b) adakah kementerian mempunyai rancangan untuk menaik taraf Ibu Pejabat Polis Daerah Bintulu dan menambah kekuatan anggota polis untuk membantu menjalankan operasi serbuan dan penangkapan yang lebih berkesan dan berjaya di Bintulu.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Nur Jazlan bin Mohamed]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya menjawab soalan ini, saya hendak mengucapkan tahniahlah kepada Yang Berhormat Bintulu kerana selama empat penggal jadi Ahli Parlimen sejak tahun 1999, nampaknya Bintulu makin lama makin rancak perkembangan ekonominya. Sekarang ini sudah hampir-hampir menandingi bandar-bandar utama lain di Sarawak seperti Kuching, Sibu, Miri dan sebagainya. Sudah tentu apabila perkembangan ekonomi begitu baik, maka gejala-gejala yang tidak sihat juga akan meningkat kerana di mana ada wang, di situlah ada segala-galanya yang baik atau buruk.

Jadi di kawasan Bintulu ini pihak KDN memang memahami masalah yang dihadapi oleh wakil rakyat seperti Yang Berhormat Bintulu yang melihat mengenai perkembangan aktiviti-aktiviti yang kurang sihat yang berlaku di kawasan Bintulu.

Jadi, soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Bintulu ini sebenarnya telah diambil tindakan oleh pihak KDN. Kita menumpukan aktiviti polis terutama hendak menangani masalah dadah ini kepada serbuan-serbuan kepada tempat-tempat tertentu, sarang penagih, pusat hiburan. Ini merupakan satu perkembangan yang pesat di kawasan Bintulu, pusat hiburan yang makin bercambah tetapi juga membawa gejala-gejala penggunaan dadah di sana dan juga aktiviti untuk mengekang kegiatan pengedar.

Jadi secara spesifiknya untuk membanteras masalah dadah dari segi pengedaran, penyalahgunaan dan penagihan dadah di kawasan Bintulu, PDRM telah merancang dan melaksanakan tindakan seperti berikut:

- (i) mempertingkatkan hubungan kerjasama di antara agensi penguatkuasaan tempatan seperti PDRM, AADK, APMM dan pihak berkuasa tempatan dalam perkongsian maklumat risikan dalam menjalankan operasi bersepadu;
- (ii) mengumpulkan maklumat risikan untuk mengenal pasti pengedar-pengedar dadah dan seterusnya menjalankan tindakan penguatkuasaan untuk mendakwa mereka di mahkamah serta mengambil tindakan pencegahan di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985;
- (iii) mengadakan Ops Sarang dan Ops Tapis secara berkala di kawasan-kawasan sasaran untuk membanteras kegiatan penagihan dan penyalahgunaan dadah;
- (iv) meningkatkan rondaan pencegahan jenayah oleh MPV di kawasan yang menjadi tumpuan kejadian jenayah dan rondaan oleh Unit Rondaan Bermotosikal juga di kawasan perniagaan, kilang-kilang dan kawasan tumpuan ramai;
- (v) memantau aktiviti pengedaran, penyalahgunaan dan penagihan dadah di pesisiran pantai melalui Pasukan Gerakan Marin PDRM; dan
- (vi) mengadakan kempen kesedaran kepada semua lapisan masyarakat melalui pameran, ceramah, forum, sidang media untuk memberikan pendedahan trend dan ancaman dadah yang terkini.

Bagi menjawab soalan (b) daripada Yang Berhormat Bintulu, PDRM memang sedang meningkatkan keupayaan IPD Bintulu kerana PDRM sekarang ini sedang memohon peruntukan di bawah RMKe-11 untuk membina balai polis iaitu Balai Polis Samalaju. Kertas cadangan perjawatan mengikut kategori A sebanyak 159 perjawatan telah dipohon untuk kelulusan dan sekarang ini menunggu kelulusan. Untuk sebagai langkah pencegahan sementara waktu, pihak IPD juga telah menerima pemberian sementara dari Lembaga Kemajuan Bintulu iaitu satu Pondok Polis Samalaju yang telah beroperasi sejak 21 Julai 2012.

Jadi, untuk meningkatkan lagi keberkesanan pihak polis di kawasan Bintulu ini, dicadangkan bahawa di IPD Bintulu ini, jawatan Superintenden Polis yang ada sekarang ini

dicadangkan bahawa pangkat ini akan dinaikkan kepada pangkat ACP atau *Assistant Commissioner of Police*. Jadi, seorang pegawai polis yang lebih senior akan ditempatkan di kawasan Bintulu di IPD Bintulu ini. Juga, di Balai Polis Samalaju yang telah didirikan, juga cadangan Ketua Polis Balai juga akan ditingkatkan kepada pangkat ASP iaitu *Assistant Superintendent of Police*.

Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih tadi jawapan diberi begitu panjang dan bagi sokongan kepada kita di kawasan Bintulu ini.

Tuan Yang di-Pertua, masalahnya sekarang rakyat tidak boleh terima apa yang berlaku di kawasan. Juga, tadi terima kasihlah Yang Berhormat Timbalan Menteri ada beritahu macam-macam tindakan akan diambil. Masalah ini, jawapan ini memang daripada dahulu kita boleh dengar tetapi rakyat kata ini memang jawapan memang hendak selesai masalah tetapi di bawah tidak diselesaikan.

Contoh tadi kata banyak tindakan akan diambil tetapi sekarang rakyat nampak berkeliling orang jual dadah. Semua rakyat boleh nampak tetapi bahagian jaga dadah ini tidak boleh nampak, tidak boleh tahu di mana. Inilah jadi masalah. Satu masalah lagi, ada sekali tangkapan, memang terbukti itu orang, Bintulu pun tahu itu orang jual dadah, tetapi akhir sekali itu dadah jadi tepung, lepas. Rakyat tidak boleh terima.

Inilah saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, macam mana kita boleh mengawal masalah begini? Macam mana kita boleh selesaikan ini dadah? Ini sekarang masalah tiap-tiap malam kalau pukul 4 lebih, pukul 5, sudah mula jual berkeliling kata macam di Taman Dagang sana. Senang-senang orang boleh nampak, orang pergi beli.

Jadi isu ini- tadi sentuh itu balai mahu naik taraf. Ini Samalaju saya pun ada pelik sedikit.

■1030

Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri kata ia Samalaju mahu tunggu kelulusan Rancangan Malaysia Ke-11. Dulu kata Rancangan Malaysia Ke-10 sudah lulus, sekarang tunggu lagi Rancangan Malaysia Ke-11. Saya pun keliru entah mana satu. Inilah, saya ucap terima kasih kerana daripada Superintenden naik taraf pergi ACP tetapi di sini saya mahu tanya, ada tambah anggota kah kalau balai sudah dinaiktarafkan? Saya minta Yang Berhormat Menteri jawab, jangan kongkalikung. Jadi, terima kasih.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Susah betul Yang Berhormat Bintulu ini, puji dia pasal perkembangan ekonomi yang baik di Bintulu pun dia masih lagi tanya soalan. Saya hendak jawab soalan yang (b) dahulu ya. Tadi saya telah menjawab di sini bahawa balai polis IPD yang patut dibina itu memang dimohon daripada RMKe-10 tetapi kerana kekangan peruntukan, dilewatkan dan dimohon semula di RMKe-11. Jadi kita menunggu keputusan RMKe-11 ya. Daripada segi perjawatan, saya telah sebut tadi bahawa kertas perjawatan telah dimasukkan. Maknanya kita tak menunggu balai itu dibina dahulu, kita sudah masukkan dahulu permohonan

untuk 159 perjawatan balai polis yang baru ini. Jadi, yang penting Yang Berhormat Bintulu, kekuatan...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: IPD ada tambah orang tak?

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Itulah dia, dalam 159 orang itulah yang telah dimohon ini, kita menunggu kelulusan tersebut. Jadi, sebenarnya masalah dadah di Bintulu ini, dia rumit sedikit kerana dia bukan melibatkan dadah yang berbentuk tradisional seperti ganja, cандu dan sebagainya. Di kawasan Bintulu ini, dadah yang dijual secara berleluasa ini dia sebenarnya adalah merupakan dadah yang daripada kimia dan bentuk dadah kimia ini sentiasa berubah daripada tahun ke tahun kerana dadah tersebut diolah untuk menjadi satu bahan dadah yang lebih kuat dan sebagainya. Ini juga menimbulkan masalah kepada pihak polis kerana pada tiap-tiap kali dadah yang baru dikeluarkan, ia memerlukan perubahan kepada perundangan dan sebagainya. Memerlukan perubahan kepada keupayaan polis untuk menilai dadah tersebut dan ini menambahkan masalah lagi kepada pihak polis untuk mendapatkan kejayaan apabila tindakan-tindakan yang telah dibuat telah menangkap orang yang tertentu.

Jadi yang pentingnya Yang Berhormat Bintulu, segala tindakan yang telah saya sebut tadi sedang dijalankan bukan akan dibuat. Ia sedang dijalankan tetapi menunggu hasil yang boleh diterima oleh rakyat. Mengikut statistik kami di pihak polis, jumlah tangkapan dan juga rampasan dadah di kawasan Bintulu ini begitu rendah. Dalam bentuk kilogram sahaja bukan ratus kilogram, bentuk beberapa kilogram sahaja.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Ya lah, itu sebab saya kata tadi kekangan hendak membuktikan bahawa rampasan tersebut adalah dadah. Ini merupakan juga masalah yang dihadapi oleh polis. Jadi, sila berikan masa sedikit untuk pihak polis. Kita sedang menumpukan perhatian kita kepada Bintulu kerana kita hendakkan Bintulu menjadi sebuah kawasan ekonomi yang lebih berjaya di kawasan negeri Sarawak. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang minat pasal soal Bintulu?

4. **Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan statistik jumlah ibu tunggal, jumlah anak yatim dan warga emas di seluruh negara mengikut kaum dan negeri serta manfaat yang telah diterima oleh golongan ini setakat ini.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]: Tuan Yang di-Pertua, ibu tunggal, anak yatim dan warga emas merupakan antara golongan yang menerima manfaat melalui program yang dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Definisi ibu tunggal meliputi tiga kategori seperti berikut:

- (i) perempuan yang menjadi ketua isi rumah bertaraf perkahwinan baru atau bercerai, berpisah tetap dan mempunyai anak yang belum berkahwin dalam isi rumah yang sama;

- (ii) perempuan yang menjadi ketua isi rumah tetapi mempunyai suami atau suami tidak sihat dan tidak berkemampuan untuk bekerja dan mempunyai anak yang belum berkahwin dalam isi rumah yang sama; dan
- (iii) perempuan yang menjadi ketua isi rumah tidak pernah berkahwin tetapi mempunyai anak angkat atau anak tidak sah taraf.

Berdasarkan banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, jumlah ibu tunggal ialah 235,240 orang iaitu 137,416 orang terdiri daripada kaum Melayu, 48,458 orang kaum Cina, 19,717 orang kaum India dan 20,176 orang bumiputera, 1,103 orang lain-lain kaum dan 8,370 orang bukan warganegara.

Manakala pecahan ibu tunggal mengikut negeri memandangkan senarai adalah panjang, oleh itu kami akan menjawab soalan ini secara bertulis.

Mengenai anak yatim pula, statistik Kementerian Pendidikan Malaysia menyatakan bahawa pecahan statistik anak yatim, jumlahnya adalah seramai 150,073 orang dan pecahan statistik anak yatim mengikut negeri akan dijawab secara bertulis.

Bagi warga emas pula, statistik Jabatan Perangkaan Malaysia menyatakan bahawa anggaran jumlah warga emas pada tahun 2015 adalah 2.82 juta orang atau 9.1% daripada jumlah keseluruhan penduduk iaitu 31 juta orang.

Daripada jumlah tersebut, pecahan statistik warga emas mengikut kaum ialah bumiputera seramai 1.6 juta, Cina seramai 964,700 orang. India seramai 198,400 orang. Lain-lain kaum seramai 13,800 orang dan bukan warganegara seramai 80,300 orang. Pecahan warga emas mengikut negeri akan dijawab secara bertulis. Manfaat yang diterima oleh golongan ibu tunggal, anak yatim dan warga emas melalui perkhidmatan yang diberikan oleh jabatan dan agensi di bawah KPWKM adalah seperti berikut:

- (i) Program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal iaitu (I-KIT);
- (ii) Program 1AZAM KPWKM;
- (iii) Bantuan Geran Pelancaran;
- (iv) Bantuan kanak-kanak;
- (v) Bantuan orang tua;
- (vi) Pusat aktiviti warga emas;
- (vii) Program khidmat bantu di rumah;
- (viii) Rumah Seri Kenangan dan Rumah Ihsan;
- (ix) Rumah warga tua di Sarawak dan Sabah;
- (x) Pemberian geran kepada pertubuhan sukarela kebajikan anak yatim dan warga emas; dan
- (xi) Rumah kanak-kanak.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh RMKe-11, tumpuan akan diberikan kepada usaha memperkasakan masyarakat bagi meningkatkan *inclusivity* melalui penyediaan keperluan komuniti termasuk keluarga, belia, wanita, kanak-kanak dan warga emas. Usaha bersepada akan diambil untuk meningkatkan kualiti hidup warga emas seperti berikut:

- (i) menambah baik persekitaran yang menyokong warga emas dan;
- (ii) menggalakkan penuaan aktif.

Kementerian juga telah melancarkan Pelan Tindakan Pemerkasaan Ibu Tunggal pada 22 Oktober 2015. Pelan tindakan ini telah merangka 19 langkah strategik berdasarkan tiga buah teras strategik iaitu memperkasa ekonomi ibu tunggal, meningkatkan kesejahteraan sosial ibu tunggal dan meningkatkan pelaksanaan penyelidikan dan penyelarasan pembangunan ibu tunggal. Kementerian memberi perhatian terhadap kebajikan anak yatim dengan menyediakan bantuan kewangan kepada anak yatim yang memerlukan melalui skim bantuan kewangan bulanan. Selain itu, kementerian meluluskan bantuan geran kepada pertubuhan sukarela kebajikan yang memelihara kanak-kanak yang kurang bernasib baik termasuk anak yatim. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Rantau Panjang.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan yang begitu lengkap yang diberi.

■1040

Persoalan di sini, kita tahu kemantapan institusi keluarga adalah menjadi asas kepada kemantapan sebuah pembangunan masyarakat. Saya ingin tahu sejauh manakah program-program yang dilaksanakan oleh kementerian sebab saya lihat dalam Bajet 2016, peruntukannya semakin berkurangan. Sedangkan sasaran yang diperlukan itu sangat memerlukan dana yang mencukupi.

Jadi, sejauh manakah kementerian melihat isu ini? Sejauh manakah insentif yang telah diberikan kepada pihak swasta untuk memastikan penglibatan mereka untuk bersama membantu golongan seperti ibu tunggal, anak yatim dan warga emas ini? Terima kasih.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Okey, terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Rantau Panjang. Kita semua ambil maklum, peruntukan yang diberikan kepada kementerian memang telah pun dikurangkan. Akan tetapi kita di kementerian ini, kami akan ambil strategi bekerjasama dengan NGO dan juga korporat-korporat dan juga kementerian yang lain supaya kita semua bekerjasama untuk melancarkan atau merancangkan program di bawah strategi NBOS.

Di samping itu, kami juga telah pun menyediakan bantuan Perbendaharaan yang boleh dipohon oleh NGO supaya mereka juga bersama untuk bantu kerajaan untuk mengadakan program-program pendidikan atau program-program kesedaran kepada ahli-ahli keluarga. Di samping itu untuk maklumat Yang Berhormat, untuk kita boleh membangunkan dan untuk memperkasakan lagi ibu tunggal, baru-baru ini kementerian di bawah pimpinan Yang Berhormat Menteri telah pun mengarahkan Timbalan Menteri yang seorang lagi untuk menubuhkan satu *task force* pemerkasaan ibu tunggal. Mesyuarat berkenaan telah memutuskan beberapa perkara seperti berikut:

- (i) Membuat *lab* bagi mewujudkan *profiling* untuk golongan ibu tunggal secara menyeluruh bagi memastikan tiada keciran;
- (ii) Menubuhkan jawatankuasa teknikal bagi membincangkan pelan tindakan dengan lebih mendalam dan memastikan keterlibatan agensi swasta dan institusi pengajian tinggi untuk menganggotai jawatankuasa tersebut;
- (iii) Mewujudkan satu *roadmap* bagi pelaksanaan pelan tindakan tersebut;
- (iv) Mesyuarat akan membawa isu-isu ibu tunggal ke Majlis Penasihat dan Perundingan Wanita. Di samping itu, satu *task force* untuk membangunkan warga tua juga telah pun ditubuhkan yang dipengerusikan oleh saya yang mana kita akan melaksanakan strategi yang telah pun ditetapkan iaitu penerangan aktif. Kapasiti Institusi Penyelidikan Penuaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia akan ditingkatkan bagi menjalankan lebih banyak penyelidikan bagi menyokong penuaan aktif. Program *university of the third age*, dengan izin, akan diperluaskan untuk memberikan peluang kepada warga emas terus belajar dan memperoleh pengetahuan serta kemahiran melalui kerjasama dengan universiti, kolej komuniti dan pusat aktiviti warga emas. Di samping itu, NGO akan digalakkan melaksanakan program pembelajaran berdasarkan bantuan kendiri. Kempen nasional untuk meningkatkan kesedaran sosial mengenai kesukarelawan golongan profesional yang bersara akan dilancarkan untuk menggalakkan mereka mengambil bahagian dalam aktiviti berdasarkan komuniti. Kempen ini akan membolehkan mereka kekal aktif dan menyumbang pengetahuan kemahiran serta pengalaman mereka untuk manfaat masyarakat;
- (v) Bagi kanak-kanak pula, kita akan ambil strategi *the institutionalisation* iaitu di bawah seksyen 30(1e) anak pelihara dan seksyen 30(1b) *feed person*. Kita akan menggalakkan anak-anak yatim ini dipelihara oleh saudara mara atau yang layak dan sesuai dan bukannya dimasukkan ke institusi yang sedia ada.

Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di Semenanjung kita ada kementerian, satu kementerian tetapi di Sabah, Sarawak kita ada juga kementerian kebajikan. Jadi, kadangkala kita mempunyai masalah sekiranya ada kita nampak bahawa rakyat perlu bantuan OKU, ibu tunggal dan lain-lain, proses untuk mendapatkan bantuan begitu lama sekali. Jadi, saya mahu tahu sama ada ia *direct* pergi kementerian di *Federal* atau negeri yang punya kuasa untuk beri bantuan ini? Terima kasih.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat. Sebenarnya JKM ini, ia adalah di bawah *concurrent list* iaitu di bawah *state* dan juga di bawah *Federal*. Oleh itu *Federal* dan *state* akan bekerjasama untuk beri bantuan. Kalau di bawah

bantuan, bantuan kanak-kanak, bantuan orang tua, bantuan OKU dan semua ini adalah di bawah peruntukan *Federal*. Hanya bantuan am, ia di bawah negeri.

Akan tetapi walau bagaimanapun, pegawai jabatan kebajikan di dalam satu jabatan, mereka akan bekerjasama dan kita selalu akan selaraskan apa strategi dan juga pelan tindakan di negeri dan juga *Federal*. Kalau ada masalah, permohonan itu tidak disiasat atau dijawab dengan cepat, sila beritahu kepada kami dan kami akan siasat. Terima kasih.

5. **Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan sebagaimana kita maklum, nelayan mendapat elaun sara hidup bulanan. Apakah kerajaan bercadang untuk memperluaskan skim elaun sara hidup kepada penoreh getah dan pesawah memandangkan pendapatan mereka juga sama seperti nelayan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,* salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat yang bertanya, daripada Langkawi. Memang nelayan kita beri elaun sara hidup sebanyak RM300 sebulan bagi nelayan zon 'A', nelayan tradisional dan bagi zon 'B' dengan 'C', kita bagi RM250 elaun sebulan. Elaun sara hidup Tuan Yang di-Pertua, manakala nelayan darat RM200 sebulan. Berbanding dengan apa Yang Berhormat tanya iaitu apa yang kita beri kepada pesawah padi. Apa yang kita beri kepada pesawah padi tidak dalam bentuk elaun sara hidup tetapi begitu banyak sekali kita beri kepada petani-petani padi.

Kerajaan membelanjakan sebanyak RM2.2 bilion setahun untuk pesawah-pesawah padi Tuan Yang di-Pertua, yang terdiri daripada benih padi sah sebanyak 80,000 metrik tan benih kepada 300 petani dan setiap hektar kita bagi 140 kilogram bersamaan dengan tujuh beg biasanya kita hantar kepada mereka. Kedua, baja asas iaitu urea dan sebatian. Empat beg bagi setiap hektar dan 12 beg sebatian bagi setiap satu hektar dengan nilai RM560 satu hektar. Selain daripada itu, insentif baja tambahan, baja-baja yang lain, NPK dan juga tambahan yang lain, *foliar growth enhancer* dan sebagainya. Kita beri sebanyak RM400 untuk NPK dan tiga lagi yang saya sebutkan itu bernilai sebanyak RM140, racun RM200. Begitu juga kita ada beri bantuan untuk membajak tanah sawah RM100 dan kapur setiap tiga musim sekali sebanyak RM905. Keempat, subsidi harga padi dulunya RM248, satu metrik tan tetapi telah dinaikkan untuk tahun depan RM300 setiap metrik tan.

■1050

Kalau ia ada mencapai 10 metrik tan kali dengan 300 bermakna 3,000. Untuk padi huma dan padi bukit petani-petani di Sarawak dan Sabah, bantuan sebanyak 200 kilogram baja sebatian satu hektar yang bersamaan dengan lapan beg, RM62 satu beg dan kita juga beri urea cecair 15 liter satu hektar bernilai RM224.50. Total Tuan Yang di-Pertua, untuk padi bukit RM950 satu hektar, padi sawah RM2,540 satu hektar berbanding dengan nelayan yang kita beri hanya RM300 elaun sara hidup.

Kenapakah kita beri elaun sara hidup kepada nelayan? Ini kerana keadaan mereka terjejas dalam banyak hal berhubung kait dengan iklim. Apabila tengkujuh mereka tidak boleh turun ke laut untuk menangkap ikan dan dengan sebab itu pendapatan tiada. Jadi dengan sebab itulah maka perlunya kita bantu mereka dalam bentuk elaun sara hidup. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian di atas jawapan itu tadi. Namun begitu dalam soalan saya, saya ada menyentuh juga tentang masalah yang dihadapi oleh penoreh getah. Jadi sekarang ini keadaan harga getah sangatlah di paras yang sangat rendah iaitu daripada RM7 turun kepada RM2 atau pun kurang daripada itu.

Apakah tindakan kerajaan untuk mengembalikan harga getah ke paras yang boleh dianggap sebagai munasabah katakan dalam RM4 dan apakah tidak ada perancangan kerajaan untuk berbincang dengan Kerajaan China kerana saya difahamkan sekarang ini Malaysia sangat rapat dengan negara China dan negara China adalah merupakan pembeli getah yang paling tinggi di dunia ini.

Pada masa yang sama mereka telah mengeluarkan *stockpile* mereka. Apakah tidak boleh Kerajaan Malaysia secara perseorangan untuk berbincang dengan Kerajaan China untuk membeli harga getah daripada Malaysia dengan harga yang lebih baik secara kontrak berseorangan.

Saya juga ingin mengetahui apakah perkembangan yang ada sekarang kepada penoreh getah yang mana pada masa yang lalu telah dimaklumkan bahawa negara-negara pengeluar getah utama seperti Malaysia, Thailand dan Vietnam sedang berusaha untuk mewujudkan satu persefikatan bagi menstabilkan harga getah. Terima kasih.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mungkin yang bertanya Yang Berhormat lupa saya Timbalan Menteri Pertanian MOA bukan perladangan ataupun KKLW tetapi ada catatan di sini, jawapan saya ingat untuk mengelakkan salah faham lebih baik saya tidak usah jawablah. Jadi *next time* Tuan Yang di-Pertua, soalan itu dikemukakan kepada KKLW ataupun perladangan. Terima kasih.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tuan Yang di-Pertua, pasal padi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pokok Sena jauh daripada Yang Berhormat Langkawi ya? Mana dekat sama Yang Berhormat Temerloh?

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Kami naik bot kalau hendak *pi*.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua hari ini memang nampak berseri, ceria. Baik terima kasih Yang Berhormat Menteri sahabat saya. Saya mengakui apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi bahawa banyak pemberian yang diberikan kepada sektor padi kepada petani-petani tetapi apa yang saya hendak bangkitkan ialah kerana tidak dijawab dalam penggulungan oleh Timbalan II Menteri Kementerian Pertanian ini.

Oleh sebab pengurangan yang begitu banyak dalam item-item yang ada dalam buku bajet ini, yang saya fikir bahawa ini menunjukkan bahawa tidak ada satu inisiatif yang lebih tinggi untuk kementerian ini meningkatkan hasil padi dalam negara kita ini. Umpamanya macam saya katakan bahawa kenapa insentif peningkatan hasil padi itu dimansuhkan? Sedangkan inilah yang akan mendorong petani-petani untuk meningkatkan hasil padi mereka itu daripada satu musim kepada satu musim yang lain.

Walaupun diberikan peruntukan yang begitu besar Tuan Yang di-Pertua, berbagai-bagai kepada petani tetapi petani tetap juga berhadapan dengan masalah kos sara hidup yang tinggi kerana pendapatan mereka ialah RM1.20 campur *tiga kupang*. Jadi RM1.50 satu kilo padi dia jual tetapi dia kena beli beras yang elok ini, yang boleh makan ini yang disebut oleh Menteri semasa penggulungan pada peringkat dasar ini ialah RM2.20. Dia jual padi Yang Berhormat Kalabakan, RM1.50 dengan subsidi RM1.50 satu kilo tetapi dia hendak beli beras dengan harga RM2.20 satu kilo.

Jadi kos sara hidup dia sangat tinggi. Jadi saya minta supaya dikembalikan balik bahawa insentif peningkatan hasil padi ini untuk mereka dapat meningkatkan hasil padi mereka dan dapat pula pertambahan kepada pendapatan mereka. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena. Tuan Yang di-Pertua, kita hendak pergi satu-satu destinasi ada banyak cara. Bukan satu laluan sahaja, banyak laluan. Kita tengok kalau laluan itu tidak berapa sesuai kita carilah laluan yang lebih baik. Ini Skim Peningkatan Hasil ini kita sudah laksanakan RM20 juta kita peruntukkan setahun tetapi tidak berjaya.

Sebab apa tidak berjaya? Sebabnya sikap yang tidak positif dan tidak bertanggungjawab. Ada penyalahgunaan, ada yang menambah hasil lima tan, ambil padi orang lain jadi 10 tan. So *how do you control this?* Kita akan bayar kepada mereka yang bukannya meningkatkan hasil tetapi menyalahgunakan dengan menambahkan hasil seolah-olah dicapai dengan padi orang lain. So *this is* Tuan Yang di-Pertua *subject to abuse we don't do, go on with this, stop it and we come up*. Kita datang dengan pelbagai langkah yang lebih berkesan iaitu umpamanya hendak meningkatkan hasil padi, kita ada MARDI yang mengeluarkan benih padi sah yang lebih baik daripada semasa ke semasa untuk meningkatkan sehingga kalau boleh sampai 10 metrik tan, 12 metrik tan per hektar.

Ini kita punya matlamat, apabila produktiviti *is increased then* tidak perlu subsidi, peningkatan hasil. Satu metrik tan RM1,200 kerajaan telah tetapkan harga padi pada tahap RM1,200. Selain daripada itu, tadi saya sebut kita telah beri RM300 satu metrik tan mulai tahun hadapan, daripada RM284 kepada RM300. *This is our way* untuk hendak membela nasib petani yang rajin untuk meningkatkan hasil padi mereka. Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Temerloh, sila.

Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Kita tahu bahawa harga komoditi yang jatuh ini memang memberi kesan yang teruk menjaskan penoreh getah, pesawah dan lain-lainnya. Perkara ini

memang berterusan dan berlanjutan sejak sekian lama. Jadi, apakah tindakan pihak kerajaan untuk memastikan bukan hanya dalam bentuk elaun sara hidup diberikan kepada mereka tetapi untuk meningkatkan pendapatan dan juga produktiviti mereka memandangkan Bajet 2016 ini telah memberikan RM852 juta untuk meningkatkan pendapatan dan produktiviti mereka melalui FELCRA dan juga RISDA.

Jadi supaya tidak bersifat hanya sekadar memberi ikan tetapi kita beri kail kepada mereka supaya jangka panjang mereka boleh meningkatkan pendapatan dan juga produktiviti mereka. Terima kasih.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Sebahagian daripada soalan itu kena tujuhan kepada KKLW tetapi sebahagian ada relevan *to* kepada Kementerian Pertanian Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi soalannya umum, bagaimana hendak meningkatkan pendapatan petani?

■1100

Selain daripada subsidi, selain daripada segi bantuan, kita hendak beri kail, hendak bagi pancing, bukannya hendak bagi ikan. Konsepnya pembangunan masyarakat petani itu sendiri. *Human capital development, entrepreneurship is the answer* Tuan Yang di-Pertua. Jawapannya ialah keusahawanan. Kita kena bangunkan satu budaya keusahawanan di kalangan petani. Petani menjadi satu *business*. Pertanian adalah satu perniagaan. Kita hendak mereka terlibat dalam rantaian lain seperti memproses hasil-hasil atau produk-produk pertanian. Ini sedang kita galakkan. Belia kita wujudkan program apa yang dipanggil agropreneur muda. Bukan untuk cucuk tanam sahaja, mereka terlibat dengan pemprosesan, pemasaran, promosi dan sebagainya. *This is the way* kita hendak meningkatkan taraf hidup petani-petani dalam tempoh jangka yang panjang. *It takes time*, orang kata. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

[*Soalan No.6 - YB. Dato' Takiyuddin bin Hassan (Kota Bharu) tidak hadir*]

7. **Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan bilakah kementerian akan melaksanakan "dredging" di Kuala Sungai Limbang yang semakin tohor untuk mengatasi masalah banjir di Bandar Limbang dan perkampungan di sepanjang Sungai Limbang semasa air pasang.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Limbang. Saya hendak ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Limbang. Yang Berhormat Menteri telah pun bersetuju meluluskan peruntukan sebanyak RM10 juta untuk kerja-kerja mengorek muara Sungai Limbang, sekian terima kasih.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih. Terima kasih.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pengorekan muara sungai merupakan satu projek jangka pendek. Akan tetapi tentu kementerian mempunyai program atau projek jangka panjang. Jadi soalan tambahan saya, apakah teknologi

atau reka bentuk terkini untuk mengatasi masalah muara sungai yang tohor di seluruh negara, terima kasih.

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Hulu Langat. Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar menyedari tentang perkara tersebut kerana di Malaysia ini ada 102 muara sungai yang utama di mana yang kritikal 26, yang separa kritikal 40 ataupun dalam tahap ketara dan yang belum serius 36. Jumlah 102 muara sungai di Malaysia, muara sungai. *Alhamdulillah* sejak September 1995 kerajaan menubuhkan NAHRIM atau pun Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia dan disinilah segala isu tentang pemindahan teknologi, reka bentuk dan sebagainya ditumpukan dan sehingga ini, setakat ini kita telah pun membawa masuk satu ataupun dua teknologi tentang pembaikan muara sungai ini terutamanya sungai tohor kerana banyak kaitan dengan ombak, kaitan dengan sempadan dan sebagainya.

Jadi teknologi tempatan sedang dibina, kajian tengah dibuat, *Alhamdulillah* ada gesaan daripada pihak Yang Berhormat. *Insya-Allah* kajian seterusnya akan tetap dilakukan dan dalam masa yang tidak lama mungkin kita dapat menggunakan teknologi kita sendiri tanpa bergantung daripada teknologi daripada luar khususnya untuk menyelesaikan masalah mendapan lumpur atau pasir dan sebagainya yang boleh menjelaskan kedalaman muara sungai-sungai di seluruh negara yang berjumlah 102 tadi. Sekian, terima kasih.

8. **Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]** minta Menteri Pendidikan Tinggi menyatakan seperti yang diumumkan oleh Ketua Menteri Sarawak, di mana UEC akan diterima oleh Kerajaan Sarawak termasuk kemasukan ke UNIMAS, bagaimana UNIMAS akan melaksanakannya serta cara aplikasi kemasukan, kursus-kursus yang boleh didaftar dan adakah graduan terlibat boleh mendapat kerja kerajaan di dalam seluruh Malaysia.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]: Terima kasih Yang Berhormat Stampin atas soalan yang berkaitan dengan UEC. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi sebelum ini telah mengambil pendirian untuk tidak mengiktiraf Unified Examination Certificate dengan izin atau UEC. Bagi tujuan kemasukan ke universiti awam atau UA akan meneruskan pendirian ini di atas sebab-sebab yang berikut:

- (i) UEC tidak selari dengan kurikulum kebangsaan seperti yang dinyatakan dalam Akta Pendidikan 1996;
- (ii) Bahasa Melayu dalam UEC tidak setara dengan SPM;
- (iii) Liputan secara negara dalam kurikulum UEC adalah tidak mencukupi; dan
- (iv) Syarat am kelayakan masuk UA hendaklah lulus SPM dengan kepujian dalam bahasa Melayu.

Walau bagaimanapun, kerajaan terbuka untuk mempertimbangkan UEC untuk diterima pakai sebagai kelayakan masuk ke UA jika pindaan terhadap kandungan kurikulum UEC dibuat agar selari dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan. Sekian terima kasih.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan saya berdasarkan syarat-syarat yang diberikan oleh Yang Berhormat tadi, memandangkan Menteri dari Sarawak menyatakan bahawa institusi pengajian kepunyaan Kerajaan Negeri Sarawak tetap akan menerima UEC sebagai salah satu syarat kemasukan. Soalan saya, adakah ianya membawa maksud bahawa graduan daripada institusi tersebut akan diterima di IPTA jika kalau mereka berhasrat untuk melanjutkan pembelajaran di IPTA kerana ijazah mereka adalah berasaskan UEC. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Terima kasih atas soalan Yang Berhormat yang berkaitan dengan pengiktirafan. Saya hendak sampaikan kepada Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini bahawa pendirian kementerian yang tegas adalah konsisten. Jadi tidak perlulah kita hendak memanjangkan isu ini. Sekian terima kasih.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh, hendak minta kebenaran? Pada pendapat saya Menteri tidak menjawab soalan saya.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, saya ingin bertanyakan soalan tambahan berkaitan dengan universiti juga. Oleh kerana soalan Yang Berhormat Stampin ini berkaitan dengan antaranya adakah graduan terlibat boleh mendapat kerja kerajaan di seluruh Malaysia. Yang ingin saya bangkitkan ialah yang telah pun saya pernah bangkitkan di Parlimen ini berkaitan dengan kurus-kursus yang ditawarkan oleh sesetengah universiti yang tidak diiktiraf tetapi masih lagi ditawarkan kepada pelajar.

Sebagai contoh Universiti Sains Islam Malaysia yang menawarkan jurusan syariah dan undang-undang. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah telah diiktiraf ijazah mereka sebab setakat yang saya, *subject to correction* kalau sekiranya tidak betul. Setakat yang saya tahu Bar Council Lembaga Kelayakan dan Peperiksaan untuk Undang-undang ini masih tidak mengiktiraf pelajar-pelajar yang mengambil jurusan undang-undang Di USIM.

Maknanya mereka ambil kursus, *graduate* tetapi tidak boleh jadi peguam sebab tidak diiktiraf. Jadi persoalan saya *in the first place*, bagaimanakah kursus ini boleh ditawarkan dalam keadaan akhirnya pelajar ini tidak layak untuk menjadi peguam ataupun *practice* sebagai seorang peguam bela dan peguam cara. Begitu juga saya difahamkan, saya tertakluk kepada *correction* daripada Yang Berhormat Menteri. Universiti Malaysia Kelantan katanya menawarkan kursus *engineering* dan keusahawanan. Akan tetapi akhirnya tidak diiktiraf, pelajar tidak boleh jadi *engineer*, tidak boleh jadi usahawan, dua-dua tidak. *Engineer* pun tidak, usahawan pun tidak. Tidak ketahuan.

■1110

Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri kenapakah kursus-kursus seperti ini masih lagi terus ditawarkan. Minta pandangan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, yang itu kalau Yang Berhormat Menteri tidak mahu jawab, tidak apa kerana soalan asal mengenai dengan UEC.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya inilah saya akan balas di mana sebenarnya soalan ini ada berkaitan dengan UEC dan kemasukan ke universiti. Jadi tidak perlu saya jawab soalan ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua, ini ada berkaitan dengan *qualifying* Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Tuan Yang di-Pertua, minta pengesahan daripada Stampin. Saya berpendapat bahawa soalan saya tidak dijawab oleh Yang Berhormat Menteri. Jadi minta pandangan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, saya bagi peluang lagi sekali. Singkatkan. Singkatkan, Yang Berhormat Stampin.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, soalan saya tadi, saya berpendapat bahawa Yang Berhormat Menteri tidak menjawab soalan saya. Soalan saya, memandangkan Yang Berhormat Menteri daripada Sarawak menyatakan bahawa institusi pengajian kepunyaan Kerajaan Negeri Sarawak tetap akan menerima UEC sebagai salah satu syarat kemasukan. Soalan saya, adakah graduan daripada institusi tersebut akan diterima IPTA kalau mereka berhasrat untuk melanjutkan pembelajaran mereka di IPTA kerana ijazah mereka adalah berasaskan UEC. Terima kasih Yang Berhormat dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Bolehkah saya minta Yang Berhormat untuk sebut nama IPTA?

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Contoh IPTA. Contohnya UNIMAS. Tuan Yang di-Pertua, boleh saya jawab, ya? Contohnya kalaularah seorang Sarawakian dengan UEC dia masuk *Swinburne University* iaitu institut daripada Kerajaan Negeri Sarawak. Selepas mereka mendapat ijazah mereka di Swinburne, bolehkah mereka melanjutkan *master, degree* ataupun PhD di UNIMAS contohnya. Terima kasih.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Yang Berhormat, saya sudah bagitahu bahawa soalan adalah berkaitan dengan kelayakan UEC untuk masuk ke universiti awam. Jadi soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat tidak ada berkaitan. Jadi saya tidak akan respond. Seperti yang saya sudah beritahu bahawa pendirian kementerian yang berkaitan dengan galakan untuk masuk UA adalah konsisten berdasarkan sebab-sebab yang saya sudah baca tadi. Sekian, terima kasih.

9. Dato' Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah [Mukah] minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan berapa buah Projek Bekalan Air Luar Bandar yang sakit dan yang belum dilaksanakan dan langkah yang diambil untuk menyelesaikan masalah ini.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Bekalan Air Luar Bandar yang

diklasifikasikan sebagai projek sakit hanya terdapat satu sahaja iaitu di Sarawak di Kampung Bruit dan Kampung Tekajong di bahagian Mukah. Mungkin kawasan Yang Berhormat. Ini adalah di mana platform tangki aras tinggi di Kampung Penipah telah pun runtuh sewaktu dalam proses ujian kebocoran tangki sedang dilaksanakan. Pihak pegawai penguasa kini dalam proses untuk mengenal pasti sebab berlakunya kejadian tersebut. Tindakan selanjutnya hanya akan diambil setelah kita akan mendapat hasil siasatan tersebut dan diserahkan kepada pihak SO kementerian ini. Buat masa ini, pihak kontraktor telah pun memasang pagar sementara di kawasan tersebut untuk mengelakkan daripada orang ramai memasuki kawasan tapak tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, terdapat enam Projek Bekalan Air Luar Bandar di Semenanjung dan enam Projek Bekalan Air Luar Bandar di Sabah dan empat di Sarawak yang telah dirancang oleh kementerian ini tetapi masih belum dilaksanakan. Kesemua projek ini dijangka akan dilaksanakan pada awal Disember tahun ini dan selewat-lewatnya pada bulan Januari pada tahun hadapan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah [Mukah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah menjawab dengan begitu teliti. Saya cuma ingin bertanya berapakah kontraktor-kontraktor induk yang telah dilantik oleh kementerian di Sarawak bagi menjalankan Program Bekalan Air Luar Bandar dan apakah kriteria pemilihan mereka.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Mukah. Saya ambil untuk tahun 2010 hingga 2015. Rancangan Malaysia Kesepuluh, sebanyak 50 buah syarikat telah dilantik untuk menjalankan ataupun melaksanakan Projek Bekalan Air Luar Bandar bagi seluruh negeri Sarawak dan kriteria pelantikan kontraktor-kontraktor untuk menjalankan Projek Bekalan Air Luar Bandar ini ialah pihak kontraktor perlu, wajib berdaftar dengan pihak CIDB di dalam bidang pengkhususan CE20 bekalan air dan mempunyai keupayaan teknikal serta kewangan yang kukuh dan juga kita akan melihat dari segi pengalaman-pengalaman kerja yang telah dilaksanakan sebelum ini di dalam urusan pelantikan kontraktor-kontraktor tersebut. Terima kasih.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Isu yang paling besar dalam bekalan air luar bandar ini ialah kadar air tidak berhasil ataupun NRW yang agak tinggi. Jadi bagaimanakah kementerian merancang untuk 2016 nanti untuk menangani isu ini kerana ia akan menyebabkan kerugian yang sangat besar dan itulah antara sebab banyak projek-projek yang tergendala bagi saya. Terima kasih.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Kuala Nerus. Kita telah mengenal pasti beberapa masalah seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Pihak kementerian sedang menjalankan satu kajian yang khusus terhadap perkara-perkara ini dan kita sedar perkara ini adalah menjadi perkara keutamaan. Di dalam pelaksanaan projek-projek yang akan datang, kita akan cuba untuk mengatasi masalah ini sebaik mungkin dan kita sedar ia bukanlah perkara yang mudah. Walau bagaimanapun, usaha-

usaha yang kita laksanakan ini, insya-Allah kita berharap ia akan memberikan hasil selepas kajian yang khusus kita buat dalam usaha kita menangani masalah ini. Terima kasih Yang Berhormat.

[Soalan No. 10 – Y.B. Tuan M. Kulasegaran (Ipoh Barat) tidak hadir]

11. Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai] minta Menteri Pendidikan Tinggi menyatakan sejauh manakah IPT khususnya universiti awam di Malaysia telah menyumbang kepada matlamat dasar transformasi negara dan apakah peranan serta tindakan utama Kementerian bagi memastikan IPT di Malaysia mampu menjadi tulang belakang kepada matlamat menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang 2020 bersetujuan dengan semangat 'Soaring Upwards' yang menjadi tuntutan utama dalam kalangan IPT di Malaysia.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]:

Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai atas soalan yang berkaitan dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia untuk pendidikan tinggi. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, matlamat dasar transformasi kerajaan adalah bertujuan untuk meningkatkan pendapatan rakyat dan menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Bagi memastikan institusi pendidikan tinggi (IPT) Malaysia mampu menjadi tulang belakang kepada matlamat menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang 2020, Kementerian Pendidikan Tinggi telah melancarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 Pendidikan Tinggi yang menggariskan sepuluh lonjakan bermatlamat menyediakan individu berbakat yang dapat menghadapi cabaran luar biasa dengan ilmu dan kemahiran yang sesuai, etika dan nilai yang menyesuaikan dengan berkembang maju dalam dunia yang sentiasa berubah.

■1120

IPT di Malaysia boleh memainkan peranan dalam menggerakkan lima inisiatif utama PPPM(PT) untuk tahun 2015 iaitu Program Transformasi Universiti, Formula Pendanaan Baharu, Pembelajaran Dalam Talian Tahap Global Dalam Kursus Keterbukaan, Transformasi Pendidikan dan Latihan Teknik dan Vokasional (TVET) dan Program CEO Fakulti.

Inisiatif yang menjadi fokus utama dan melibatkan UA secara langsung adalah Program Transformasi Universiti iaitu usaha untuk membangunkan lima buku Garis Panduan Amalan Terbaik atau Playbook dengan izin, sebagai bahan rujukan pengurusan dan pentadbiran UA merangkumi perkara-perkara berikut iaitu:

- (i) memantapkan tadbir urus dan keberkesaan Lembaga Pengarah Universiti;
- (ii) menambah baik tahap produktiviti dan kecekapan kos IPT;
- (iii) memperteguh pengurusan prestasi IPT;
- (iv) menambah baik laluan kerjaya dan pembangunan kepimpinan; dan
- (v) memperteguh sumber pendapatan alternatif dan pembangunan tabung *endowment*.

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Bagan Serai.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri KPT yang memberikan jawapan yang padat, yang banyak informasi dan juga tahniahlah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, tiga kali bangun hari ini. Kementerian itu jadi yang terpopular.

Soalan saya, universiti adalah satu buah platform terbaik untuk mencuba idea-idea baru yang kreatif dan inovatif dan kita semua sedia maklum tentang perubahan pantas yang berlaku dalam kaedah-kaedah penyampaian ilmu di pusat-pusat pengajian tinggi.

Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, apakah inisiatif yang kreatif dan berinovasi yang telah dilaksanakan oleh KPT untuk memastikan universiti awam (UA) di Malaysia ini terus relevan dan terus cemerlang? Terima kasih.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai dengan satu soalan yang berkaitan bagaimana Kementerian Pendidikan Tinggi kekalkan *relevance*.

Saya hendak sampaikan kepada Yang Berhormat bahawa Pelan Tindakan Pelaksanaan Inisiatif dapat dijalankan mengikut tiga fasa.

Fasa yang pertama yang bermula pada tahun 2015 ada berkaitan dengan membina momentum dan meletakkan asas dan saya memberi satu contoh adalah di mana kita membangunkan metodologi Sistem Pentaksiran Bersepadu dan inisiatif yang lain ada berkaitan dengan menambah baik *Technical Vocational Education*.

Fasa yang kedua bermula pada tahun 2016 hingga tahun 2020 dan ini ada berkaitan dengan memacu peningkatan sistem. Di sini, inisiatif untuk meningkatkan interaksi bersama industri komuniti, melaksanakan Program Sarjana Muda 3+1 atau 2+2 dapat dilaksanakan untuk memanfaatkan pembelajaran di luar kampus seperti di industri atau masyarakat.

Selain daripada itu, Kementerian Pendidikan Tinggi juga melaksanakan perubahan dalam pengurusan pelajar antarabangsa, menambah baik promosi jenama pendidikan tinggi Malaysia.

Bagi fasa yang ketiga yang bermula pada tahun 2021 hingga 2025, Kementerian Pendidikan Tinggi menganjak ke arah kecemerlangan melalui peningkatan, kelulusan operasi seperti mengemas kini dasar dan garis panduan untuk mengambil kira keperluan kemahiran abad ke-21 dalam kurikulum supaya cabaran global dan masa hadapan dapat ditangani oleh graduan.

Selain daripada itu kita juga mencapai kemapanan kewangan untuk Tabung Pendidikan Malaysia. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebelum itu ada rombongan dari Muslimat PAS dari Indera Mahkota. *[Tepuk]*

Soalan tambahan, adakah Yang Berhormat sedar bahawa dengan kekurangan peruntukan bagi UA ini, ada universiti seperti UKM yang ada syarikat-syarikat, yang gagal, tidak dapat punca wang alternatif dan bagaimana lima buku panduan ini akan meningkatkan tatakelola di dalam universiti ini?

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Terima kasih Yang Berhormat yang berkaitan, dengan satu soalan yang berkaitan dengan kemapanan kewangan dan sekiranya kita rujuk kepada lonjakan yang kelima di Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi), memang kita sudah membuat rancangan untuk menambah atau menjana dana dan Kementerian Pendidikan Tinggi akan mengadakan tiga inisiatif atau *three-pronged initiative* dengan izin, di mana kita akan mempertingkatkan produktiviti seperti mengadakan program *Graduate on Time* (GOT) dan mengadakan pengajaran dan pembelajaran melalui secara *online* juga.

Yang kedua kita juga akan meningkatkan *efficiency* penjimatan air atau *electricity* di universiti.

Yang ketiga, kita akan *unlock the assets of university*. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Dr. Mohd Khairudin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa isu ini agak penting untuk kita bincang. Sebentar tadi Yang Berhormat Menteri jawab antara tujuan Dasar Transformasi Negara ini supaya peningkatan *income* kepada rakyat suatu ketika nanti. Akan tetapi isu yang berbangkit hari ini ialah kebolehpasaran siswazah kita hari ini.

Kalau dalam satu data yang saya dapat dari kajian oleh Manpower Staffing Services (M) Sdn. Bhd., tiga orang daripada lima orang graduan universiti perlu mengambil masa melebihi enam bulan untuk mendapat pekerjaan. Entinya isu ini isu mendapat pekerjaan. Entinya sejauh mana universiti kita sehingga kini berjaya melahirkan graduan yang tidak perlu bergantung kepada minta kerja tapi boleh membina kerja atau *create* kerja. Sejauh mana kementerian merancang untuk itu pada masa akan datang. Terima kasih.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Terima kasih Yang Berhormat yang berkaitan, dengan soalan yang berkaitan dengan *employability* dan Kementerian Pendidikan Tinggi memang ada program di mana kita mengadakan kolaborasi dengan industri.

Sebenarnya sekiranya kita rujuk kepada data yang sudah diperoleh oleh kolej komuniti atau politeknik, sudah merekodkan satu peratusan yang begitu membanggakan seperti kolej komuniti, pelajar merekodkan 97.3% daripada segi *employability* dan universiti sekarang juga mengadakan program di mana kita melibatkan industri untuk menggunakan satu konsep *work-based learning*.

Jadi ini bermakna bahawa pelajar seperti yang saya sebut tadi bahawa kita ada program 3+1 atau 2+2 adalah di mana pelajar akan belajar di universiti dari segi teori atau konsep di universiti dan selepas itu akan keluar untuk mendapat *hands-on* dengan *experience* dengan izin, supaya mereka dapat dilengkapkan dengan kemahiran. Selepas itu ini menjadi satu program di

mana akan wujudkan satu *win-win situation* dengan izin, di mana industri selepas memberi latihan kepada pelajar akan terima mereka untuk bekerja di institusi masing-masing. Sekian, terima kasih.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

■ 1130

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

11.30 pg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahas dan diputuskan dalam peringkat Jawatankuasa bagi Kementerian Pengangkutan, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air serta Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi bagi Rang Undang-undang Perbekalan 2016 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2016 dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, hari Rabu 25 November 2015.”

Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Dato' Dr. James Dawos Mamit]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]

RANG UNDANG-UNDANG

**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2016
DAN
USUL
ANGGARAN PEMBANGUNAN 2016
Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 2016 dan Usul Anggaran Pembangunan 2016 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." **[Hari Kelima]**

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]

Maksud B.28 [Jadual] –

Maksud P.28 [Anggaran Pembangunan 2016] –

Tuan Penggerusi: Kepala Bekalan B.28 dan Kepala Pembangunan P.28 di bawah Kementerian Pengangkutan terbuka untuk dibahas. Sila Yang Berhormat Permatang Pauh.

11.32 ptg.

Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Penggerusi. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera. Terima kasih kerana saya diberi peluang untuk berbahas Maksud Bekalan dan Pembangunan 28 Kementerian Pengangkutan, Butiran 010000 – Perkhidmatan Bantuan muka surat 393. Butiran yang kecil 010300 – Parlimen dan Antarabangsa, anggaran RM980,400 dibacakan sekali dengan butiran kecil 010500 – Udara, anggaran RM5,035,900.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) mempengerusikan Jawatankuasa]

Tuan Penggerusi, sehubungan itu saya ingin membangkitkan dua buah isu iaitu isu yang pertama berkaitan dengan MH370 dan keduanya MH17. Berkaitan dengan MH370, saya ingin menimbulkan beberapa soalan. Apakah operasi bersepada mencari dan menyelamat MH370 masih diteruskan ataupun tidak. Jika masih diteruskan, apakah status yang terkini? Sila nyatakan juga jumlah kos operasi mencari dan menyelamat daripada hari pertama sehingga kini yang membabitkan Kerajaan Malaysia.

Tuan Penggerusi, saya juga hendak bertanya apakah masih berbangkit isu-isu berkaitan dengan pampasan dan tuntutan dari waris, baik daripada dalam ataupun luar negeri? Bagaimana

kerajaan menanganinya? Sila jelaskan status tindakan guaman dari pelbagai pihak khususnya terhadap Malaysia Airlines (MAS) dan Kerajaan Malaysia.

Tuan Pengerusi, isu yang kedua adalah berkaitan dengan MH17. Tiga buah soalan yang saya akan bangkitkan pada hari ini. Pertama, apakah pendirian kerajaan terkini berhubung dengan laporan rasmi siasatan oleh *Dutch Safety Board*. Tuan Pengerusi, saya quote laporan BBC bertarikh 13 Oktober 2015 yang menyebut, "*Malaysia Airlines flight MH17 crashed as a result of a Russian made Buk missile*". Apakah kerajaan telah membawa isu berkenaan MH17 ini kepada Bangsa-bangsa Bersatu bagi membolehkan satu pengadilan antarabangsa diperoleh bagi pihak keluarga, waris-waris yang terlibat dan kepentingan yang melibatkan negara kita, Malaysia.

Ketiga, apakah Kerajaan Malaysia akan bertegas untuk mengambil tindakan terhadap mana-mana pihak atau negara yang didapati bertanggungjawab menjatuhkan pesawat kita MH17 ini. Jika ya, apakah bentuk langkah dan tindakan dalam perancangan kerajaan.

Tuan Pengerusi, saya masuk ke Butiran 060000 – Pengangkutan Darat muka surat 396. Butiran kecil 060200 – Pendaftaran dan Pelesenan Kereta Motor, anggaran RM63,627,500.

Tuan Pengerusi, sehubungan ini saya ingin mengetahui sama ada kerajaan mempunyai perancangan menyemak semula cukai jalan bagi kenderaan motor ke arah menghapuskan cukai jalan. Ini adalah kerana pemilik kenderaan motor sudah sedia menanggung dan terbeban dengan kos harga kenderaan, harga minyak petrol dan diesel, kos baik pulih di bengkel serta tol yang begitu melambung di samping dengan kos insurans yang wajib ke atas kenderaan dan GST 6% ke atas semua perbelanjaan tersebut.

Ini kerana bermula pada 1 April 2015, kerajaan telah menguatkuasakan cukai GST 6% yang dikenakan ke atas semua kenderaan, semua kos yang saya sebutkan tadi terhadap pemilik kenderaan. Jadi jumlah kos yang ditanggung oleh setiap pemilik kenderaan sudah terlalu tinggi dan menekan.

Itu sahaja Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Gerik.

11.37 pg.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran 060000 – Pengangkutan Darat. Mohon pihak kementerian memantau perkhidmatan bas ekspres di mana bas ekspres merupakan pengangkutan utama selain daripada kereta api. Cumanya bila ada dua tingkat, berlaku kemalangan di waktu perayaan, penguatkuasaannya macam mana dari segi pihak penguatkuasaan. Itu yang saya berharap supaya pengangkutan bas ekspres ini dipantau elok-elok kerana majoriti rakyat menggunakanannya. Tambahan, sekarang ini trend dalam negara hari Sabtu dan Ahad sebenarnya hari cuti dan sebahagian besar selain yang tidak ada kereta ataupun ada kereta, kita akan menggunakan bas ekspres.

Perkara yang kedua dalam Butiran 060400 – Pengujian dan Pelesenan Pemandu, yang ada RM42 juta. Saya percaya bahawa pemandu kenderaan daripada yang besar sampai yang

kecil iaitu peringkat motosikal perlu ada lesen. Sejauh mana penguatkuasaan pihak kementerian memantau setiap pemandu mempunyai lesen kerana kita percaya dengan ada lesen, maka setiap pemandu dan penumpang dapat dicover oleh insurans dan pelbagai lagi kerana jika berlaku kemalangan, maka pihak insurans akan membantu membayar balik kerugian yang sepatutnya.

Perkara yang kedua dalam Pengujian dan Pelesenan ini, saya mohon pihak kementerian memberi kelonggaran juga kepada penduduk luar bandar yang kurang pandai membaca seperti mana orang Asli, kita beri kemudahan untuk *test* lesen motor. Orang Asli selalu kita bagi kebenaran *start* daripada 20 tahun tetapi untuk kumpulan masyarakat lain, kita bagi warga emas sahaja yang boleh *test* motor dengan kaedah yang lebih senang dan mudah. Jadi saya berharap masyarakat di luar bandar juga, pihak kementerian beri kemudahan mereka dapat memiliki lesen motor dengan cara kaedah yang lebih mudah dan dengan ini kita yakin semua pemandu boleh memiliki lesen kenderaan.

■1140

Butiran yang selanjutnya ialah 070100 - Keselamatan Jalan Raya di mana kita melihat penguatkuasaan pihak JPJ. Hari ini bila kita melihat penguatkuasaan lebih menekan kepada nombor kereta. Adakah dengan kita buat penguatkuasaan nombor kereta tadi *accident* ataupun kemalangan boleh berkurangan, yang paling penting bukan soal nombor. Saya rasa pihak penguat kuasa cuba tengok tayar botak itu yang patut kita ambil tindakan. *Brake* tak makan itu yang patut ambil tindakan.

Walaupun kalau itu kata kenderaan seperti lori PUSPAKOM kena *check* 6 bulan sekali tetapi pada saya lah nombor bukan satu faktor yang menyebabkan kemalangan. Yang paling penting kenderaan tadi perlu disemak di waktu tetapi kita mengucapkan terima kasih banyak-banyak kepada Kementerian Pengangkutan yang ketika ini penguat kuasanya banyak mengawasi di sepanjang jalan lebuh raya dan juga di kawasan kampung kerana kita yakin berdasarkan kepada perangkaan yang ada kita lihat kematian daripada 2011 sehingga 2014 walaupun tidak banyak berkurang daripada 2011 – 6,877 kematian dan 2014 turun kepada 6,674.

Bermakna satu kaedah yang perlu difikirkan oleh Kementerian Pengangkutan supaya macam mana kita hendak mengurangkan kemalangan yang berlaku. Sama juga *tinted* ini juga tidak menyebabkan kemalangan cuma mungkin morallah. Kita tidak tahu siapa dia dalam sana. Akan tetapi cuba kita tengok benda-benda lain yang kita rasakan boleh berlaku mencegah kemalangan.

Satu perkara lagi, JKR. Suatu jabatan yang kempen untuk memastikan kurangnya mencegah kemalangan yang berlaku. Setakat ini kadang-kadang bermusim. Pada saya sepatutnya kempen mencegah kemalangan ini sepatutnya perlu kita lakukan sekerap mungkin sama ada di *highway*, sama ada jalan persekutuan, sama ada jalan di peringkat negeri di kampung-kampung kerana kita percaya mencegah lebih baik daripada berlaku. Dengan ini saya menyokong dalam Jawatankuasa. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bagan Serai.

11.42 pg.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada B.28 Butiran 050000 – Pengangkutan Udara, Butiran 060000 – Pengangkutan Darat dan Butiran 009000 – Meningkatkan Keupayaan KTM. Tuan Pengerusi, satu lapangan terbang yang pernah dicadangkan untuk yang dikenali sebagai Utara Malaysia Airport Terminal (UMAT). Ini adalah sebahagian daripada perancangan negeri Perak untuk membangunkan kawasan Utara, merancakkan ekonomi dan mengubah kehidupan rakyat di sana.

Konsep lapangan terbang ini adalah sebagai hab terminal LCCT, dengan izin di kawasan Utara dengan mengutamakan penerbangan ke destinasi Asia dan cadangan ini bermula seawal tahun 2010 di mana perbincangan dan persetujuan antara pihak Sime Darby swasta, AirAsia dan juga kerajaan negeri. Lokasinya sangat strategik di Sungai Babak di antara Parit Buntar dan Bagan Serai dengan kawasan tanah lebih kurang 9,000 ekar. Jadi cadangan pembinaan ini adalah dibuat di atas tanah milik Sime Darby Plantation masa itu.

Jadi Tuan Pengerusi, lokasinya amat strategik sebenarnya, dekat dengan lebuh raya, pertama. Tidak dekat sangat dengan *Airport* Pulau Pinang. Ia tidak dekat sangat makna naik kapal terbang tidak berlaga dan *Airport* Pulau Pinang sehingga kini tidak dapat tampung lagi untuk masa depan negara maju kerana *airport* ini sudah padat. Boleh bagi cantik, boleh bagi besar tidak boleh lagilah. Di kawasan yang saya sebut ini di Bagan Serai ini tanahnya tanah rata. Tidak ada gunung hendak dibelah, tidak ada gunung hendak dipotong sudah tentu menjimatkan kos dan manfaatnya adalah untuk negeri-negeri di Utara Malaysia, Kedah, Perlis, Perak dan sangat sesuai dari segi *connectivity*.

Sekarang ini kita ada Penang Bridge, kita ada *interchange* yang akan siap di Alor Pongsu dan juga kita ada *double tracking* dan sudah pasti mempromosi Bagan Serai sebagai satu destinasi *ecotourism*, dengan izin di mana kita ada Bukit Merah Resort, kita ada Pulau Orang Utan, kita ada Kuala Gula yang adanya hutan paya bakau yang unik, dengan kehidupan negeri yang unik dan juga burung-burung hijrah untuk kita dapat tengok. Sudah pastinya ini akan mencipta peluang perniagaan, peluang pekerjaan yang akan mengubah nasib rakyat di sana.

Tuan Pengerusi, cadangan ini telah dibentangkan kepada UPEN kepada Unit Perancang Negeri oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan hasilnya memang kerajaan negeri amat bersetuju. Tambahan pula saya difahamkan pihak EPU telah hadir ke tapak cadangan ini untuk meneliti tapak berkenaan. Jadi ini berlaku pada bulan Mac tahun 2011. Ini menunjukkan Perak adalah negeri yang mula-mula yang berminat, negeri yang mula-mula yang siapkan tanah, siapkan pelan, tunjukkan pelan, jadi Perak ini mula-mula sekali menunjukkan proaktif dan juga bersungguh-sungguh, kata orang utara beria-ia hendak benda ini.

Jadi saya ambil kesempatan ini, ini bukti yang mana kesungguhan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perak untuk mengubah nasib rakyat di negeri Perak membangunkan kawasan Utara negeri Perak. Tuan Pengerusi, saya hendak tanyalah apa status pembinaan ini...

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Taiping, bangun Yang Berhormat. Hendak bagi Yang Berhormat Taiping?

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Sedikit dari Perak juga.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Sedikit.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat daripada Bagan Serai. Saya baru habis Persidangan Dewan Negeri. Kenyataan Yang Berhormat saya rasa tidak betul dan tidak tepat. Sebenarnya kerajaan Negeri Perak dia menguar-uarkan sudah janji berpuluh-puluh tahun sudah hendak buat lapangan terbang di Seri Iskandar bukan Bagan Serai.

Akan tetapi Seri Iskandar itu pengumuman sudah dibuat, tetapi hujan tidak turun. Bunyinya kuat itu saya rasa sentiasa macam ini sebab itu saya rasa kita kena pragmatik jika hendak buat pun dekat Lembah Kinta saya rasa lebih sesuai berdasarkan kepada kedudukan strategik. Saya rasa mungkin pandangan Yang Berhormat sebenarnya kerajaan negeri itu memang janji banyak tetapi tunai kurang. Sekian, terima kasih.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Taiping ini cari jalan hendak merosak sahaja. Merosakkan pemikiran orang. Saya sedang bercakap tentang perancangan tahun 2010 iaitu sampai tahun 2011. Tentang *airport* yang hendak buat di Utara Malaysia ini belum diputuskan lagi. Saya dapat jawapan daripada Kementerian Pengangkutan belum. Selagi belum diputuskan lagi saya tetap akan bersuara tentang perkara ini kerana di utara memberi manfaat kepada negeri-negeri di utara.

Jadi apakah punca Tuan Pengerusi dan sebab perancangan pembinaan ini tertangguh sejak tahun 2011. Saya merujuk kepada butiran tentang kereta api tadi. Perkhidmatan Tren Elektrik Kuala Lumpur. Saya hendak bagi ringkas sahaja ini. Pertama, tidak ada satu tren pun berhenti di stesen Bagan Serai untuk penumpang ke Kuala Lumpur. Stesen baru, cantik, besar, indah yang sepatutnya orang Bagan Serai bangga malangnya tidak berhenti. Bermula operasi 7 Mac 2014, jadi sudah berkurun. Sudah berkurun kereta api daripada Kuala Lumpur akan berhenti di Bagan Serai.

Saya masih ingat Tuan Pengerusi, semasa saya bersekolah dahulu, semasa saya di Universiti Malaya 1979, saya naik kereta api, sekarang ini tidak boleh lagi sudah. Orang Bagan Serai marah. Pertama dia kena *rush* ke Parit Buntar ataupun pergi ke Taiping tempat Yang Berhormat Taiping ini ambil masa *traffic jammed*, jalan berliku banyak orang tidak tahu stesen kereta api di Parit Buntar ini tengah-tengah bandar dan berliku-liku. Jalan banyak kereta jadi susah hendak cari. Stesen kereta api di Bagan Serai di tepi jalan utama, jalan besar. Jadi ini orang kampung marah.

Pertama, Tuan Pengerusi orang yang hendak pergi ke Kuala Lumpur terpaksa pergi ke Parit Buntar atau Taiping, jumpa Yang Berhormat Taiping ini ataupun yang keduanya anak-anak perantau yang hendak balik musim perayaan susah. Ketiganya, pelajar-pelajar cuti semester hendak balik susah.

Jadi Tuan Pengerusi, Bagan Serai ini membangun banyak sekolah-sekolah, jabatan kerajaan, perumahan di Bagan Serai. Jadi sangat-sangat perlu dengan kepesatan ini sangat-sangat perlu tren berhenti di Bagan Serai. Jadi ambil perhatian hal in, Kementerian Pengangkutan. Saya minta sangatlah. Kalau berhenti pun seminit sahaja, seminit lebih ETS ini laju. Kesimpulannya, orang Bagan Serai sedih dan kecewa dan tidak seronok lah dengan apa yang berlaku sekarang ini. Jadi inilah saya risau, dia orang jumpa saya kata inilah hadiah yang kami dapat daripada kemenangan. Saya bimbang ini. Jangan bagi mereka susah, jangan bagi rakyat marah. Tolonglah Tuan Pengerusi. Jadi, kesianlah Bagan Serai. Terima kasih Tuan Pengerusi.

■1150

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Rantau Panjang.

11.50 pg.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mengambil kesempatan ini untuk menyentuh Butiran 070000 yang berkaitan dengan keselamatan jalan raya. Saya ingin tahu, sejauh mana kempen keselamatan jalan raya yang telah dilaksanakan oleh kementerian berkesan? Ini kerana kita lihat isu yang berkaitan dengan kemalangan jalan raya begitu membimbangkan kita. Ribuan nyawa setiap tahun kehilangan. Jadi, saya ingin minta statistik terkini kemalangan jalan raya yang berlaku sepanjang tahun setakat ini, terutama di musim perayaan. Apakah langkah-langkah yang telah dibuat oleh pihak kementerian untuk memastikan keberkesanan kempen keselamatan jalan raya untuk mengurangkan risiko kemalangan yang melibatkan nyawa rakyat?

Seterusnya saya ingin tahu juga berkaitan dengan Butiran 080900 – Perbadanan Aset Keretapi (PAK). Apa yang kita tahu, kereta api mempunyai aset yang begitu besar terutama tanah-tanah kereta api yang ada di seluruh negara. Jadi, sejauh mana kedudukan terkini dan apakah perancangan masa hadapan untuk memastikan aset ini boleh diberi manfaat sebaik mungkin untuk pembangunan ekonomi negara dan manfaat kepada rakyat seterusnya?

Begitu juga saya ingin menyentuh tentang Butiran 050000 berkaitan dengan pengangkutan udara. Saya suka sebagaimana yang disebut oleh Ketua Pembangkang tadi, saya ingin tahu juga status terkini tentang perkembangan laporan MH370 dan begitu juga tentang laporan MH17 yang melibatkan nyawa rakyat yang cukup menyentuh hati kita sebagai rakyat Malaysia. Jadi, apakah tindakan kementerian untuk memastikan keselamatan penerbangan kita supaya tidak berlaku tragedi-tragedi yang kita tidak ingini? Sejauh mana kesan yang telah diperoleh hasil daripada tragedi yang telah menimpa negara kita yang menyebabkan keimbangan, terutama kepada pelancong-pelancong untuk menggunakan perkhidmatan MH daripada negara kita?

Seterusnya, saya ingin tahu juga tentang penambahbaikan sistem pengangkutan awam dalam negara kita. Ini kerana kita lihat setiap kali terutama di musim perayaan dan di waktu-waktu puncak, masalah kesesakan jalan raya di antara punca yang menyebabkan satu perkara yang tidak selesa kepada pengguna jalan raya. Jadi, sejauh mana sistem pengangkutan awam ini diambil kira terutama dalam Bajet 2016 ini untuk memastikan sistem pengangkutan awam

negara kita ini dapat dilaksanakan dengan lebih baik berbanding dengan masa-masa yang lepas?

Jadi, itu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Sepang. Jangan lebih 10 minit Yang Berhormat ya.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Dahsyat!

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Cakap dalam bahasa Malaysia ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, dalam bahasa Malaysia, bahasa Melayu.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Dengan izin. Dengan izin.

11.53 pg.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin membahaskan pertamanya berkaitan dengan pengangkutan udara yang khususnya berkaitan dengan KLIA2 yang juga terletak di Parlimen Sepang.

Saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Menteri, dalam jawapan Yang Berhormat Menteri kepada saya dalam soalan bertulis berkaitan dengan KLIA2, Yang Berhormat Menteri ada menyatakan bahawa satu jawatankuasa telah ditubuhkan untuk menyiasat tentang KLIA ini sama ada KLIA ini masih selamat lagi untuk digunakan. Kalau ikut jawapan bertulis itu, ia akan dibentangkan pada bulan Oktober. Akan tetapi, nampaknya sehingga bulan November ini, masih lagi tidak terdapat di atas meja Ahli-ahli Parlimen ini tentang laporan itu.

Jadi saya ingin bertanya kepada pihak Yang Berhormat Menteri, apa terjadi kepada laporan itu? Adakah masih lagi tidak siap? Kalau tidak siap, mengapa tidak siap? Ini kerana laporan itu difahamkan mempunyai anggota-anggota yang memang berkelayakan untuk membuat satu *finding* berkaitan dengan KLIA2 itu. Itu yang pertama.

Keduanya, saya juga ingin membangkitkan tentang dalam akhbar *The Edge* yang terbaru ini, “*Fuel pipeline leak the latest woe at KLIA2*”. Ini berkaitan dengan kebakaran di *pipeline* itu, yang kebocoran itu yang menjadi satu kebimbangan kepada rakyat Malaysia yang menggunakan KLIA2 itu. Kita tahu sebelum ini Yang Berhormat Menteri telah menjawab kos *repair* sahaja untuk KLIA2 itu sudah RM76.2 juta.

Jadi saya ingin tanya, adakah benar KLIA2 ini selamat atau tidak? Ini kerana *Runway 3* difahamkan *runway* yang digunakan untuk pesawat AirAsia, dalam pertemuan kita dengan AirAsia, difahamkan akan ditutup terus. Jadi, sudah tentu sedikit sebanyak menghilangkan *confident* kepada pengguna-pengguna dalam dan luar negara. Jadi daripada awal lagi kita ingin bertanya, KLIA2 ini terlalu banyak kontroversinya. Daripada kosnya yang *overrun*, daripada RM2 bilion jadi RM4 bilion.

Akan tetapi saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri... *[Disampuk]* Keselamatan satu isu. Tak ada seorang pun yang disiasat ini! Seolah-olah benda ini bukan satu masalah. Saya sudah beritahu tadi, ada satu trend dalam negara kita ini, mereka yang terlibat

sama ada dalam KLIA2, dalam isu pemberhentian kakitangan MAS seramai 6,000 orang, tidak ada siasatan dibuat. Tidak ada mana-mana pihak dibawa ke muka pengadilan. Saya percaya apabila berlakunya kerosakan di KLIA2 ini, sudah tentunya ada unsur-unsur sama ada unsur-unsur *abuse of power* ataupun unsur-unsur rasuah ataupun unsur-unsur *mismanagement*. Adakah kita ingin menunggu sehingga ada satu tragedi yang menelan ataupun yang mengakibatkan kehilangan nyawa, baru kita hendak ambil tindakan?

Sedangkan kita tahu industri penerbangan kita ini setelah berlakunya MH370 dan MH17 itu kita mungkin masih tidak boleh hendak salahkan penerbangan kita sebab ia satu tragedi. Akan tetapi daripada segi MH370, sampai sekarang misteri, tidak tahu apa statusnya. Mereka-mereka yang sepatutnya bertanggungjawab memastikan kapal terbang itu selamat pun tidak-saya tidak tahu adakah siasatan dibuat.

Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, sesiapa sahaja yang terlibat memastikan kapal terbang itu selamat, adakah mereka ini disiasat? Kalau mereka disiasat, apakah status penyiasatan itu? Kalau mereka tidak disiasat, mengapa tidak disiasat? Sudah tentu salah seorang ataupun salah satu daripada pihak-pihak yang bertanggungjawab yang memastikan tentang perjalanan kapal terbang itu mestilah dipertanggungjawabkan. Contohnya, kalau sistem radarnya rosak, mengapa rosak, mengapa tidak boleh *detect*? Ini semua patutnya dikemukakan kepada rakyat supaya rakyat dapat tahu, supaya rakyat tahu bahawa sebenarnya tidak ada unsur-unsur sabotaj ataupun sebagainya.

Akan tetapi kita lihat, tidak ada satu suruhanjaya dibentuk untuk siasat. Selepas itu, cara dari awal kita kendalikan isu itu pun dengan kenyataan-kenyataan akhbar, kenyataan-kenyataan yang dibuat itu yang memalukan kita, dengan wujudnya pula bomoh semua. Jadi, ini semua bagi saya, *there must be something wrong* cara kita mengendalikan masalah ini.

Jadi dalam keadaan keburukan imej itu, tiba-tiba kita dimomokkan pula dengan isu KLIA2 ini, dengan *repaimya* yang begitu melambung tinggi, dengan kos pembinaan yang melambung tinggi, dengan keselamatannya yang dipertikaikan. Jadi saya mintalah supaya Yang Berhormat Menteri secara jujur, adakah KLIA2 ini selamat?

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: *[Bangun]*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Kalau tidak selamat...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Lumut bangun Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yes, Yang Berhormat Lumut. Terima kasih.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Sepang.

Memandangkan situasi MH370 ini seolah-olah tidak menemui kesudahannya, setujukah Yang Berhormat Sepang supaya kita mewujudkan satu lagi badan siasatan baru yang terdiri daripada pakar-pakar tempatan sahaja, tidak melibatkan pakar-pakar dari luar negara yang kita

lihat tidak memberi kesan kepada siasatan yang dibuat? Apa pandangan Yang Berhormat Sepang? Terima kasih.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih kepada sahabat saya dari Lumut.

■1200

Walaupun idea itu menarik tetapi saya secara jujurnya merasakan ini saya tengok satu lagi suruhanjaya ditubuhkan kemudiannya ada *finding* dan akhirnya berakhir begitu sahaja. Kita telah menyaksikan banyak suruhanjaya ditubuhkan, penyiasatan ditubuhkan tetapi akhirnya tidak ada satu tindakan yang tegas. Bukan sahaja dalam isu penerangan, dalam isu-isu lain pun. Kalau dulu kita pernah ada suruhanjaya menyiasat *independent of judiciary*. Kita lihat dalam isu video *correct, correct, correct* walaupun telah dikatakan video *correct, correct, correct* itu adalah *correct* tetapi tidak ada tindakan termasuk yang dikatakan patut didakwa adalah Ahli Parlimen Putrajaya.

Patut didakwa, Vincent Tan patut didakwa, Ketua Hakim dua orang kena patut didakwa tapi berakhir dengan semua mereka ini tidak ada tindakan langsung. Jadi saya sangsilah walaupun kita mungkin habiskan duit rakyat buat jawatankuasa ini, buat jawatankuasa itu tetapi tidak ada *political will*, tidak ada kesungguhan untuk memastikan mereka yang bertanggungjawab dibawa ke muka pengadilan. Sebab itulah selagi tidak ada kekuatan keseriusan ini, saya percaya imej penerangan kita, imej *airport* kita susah untuk dipulihkan. Apabila gagal dipulihkan dia akan mendatangkan kesan kepada *confidence* pelabur-pelabur, *confidence* pelancong-pelancong. Jadi ini semua tidak menjadikan imej Malaysia ini baik di kalangan khususnya orang-orang luar. Itu yang pertama.

Keduanya saya ingin juga meminta Menteri menjelaskan berkaitan dengan isu pengangkutan darat ini, khususnya walaupun secara spesifiknya kita tahu bahawa perkhidmatan teksi ini di bawah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Darat (SPAD), tetapi yang saya ingin nyatakan, yang saya ingin tanya pada Menteri berkaitan dengan pemantauan atau penguatkuasaan.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, boleh gulung Yang Berhormat ya.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Okey. Kita tahu bahawa dalam isu wujudnya perkhidmatan-perkhidmatan yang bersaing dengan perkhidmatan teksi ini. Baru-baru ini pemandu teksi pun buat satu demonstrasi. Saya bertanya pada SPAD, dia mengatakan bahawa perkhidmatan daripada pihak Uber, GrabCar ini dari segi menawarkan perkhidmatan telefon itu untuk orang-orang tempah teksi itu tidak salah dari segi undang-undang.

Akan tetapi apabila mereka di samping menawarkan perkhidmatan telefon itu, tapi juga menyediakan kereta-kereta untuk membawa penumpang-penumpang ini, ini adalah satu kesalahan. Jadi kalau satu kesalahan, ibarat kereta sapulah. Jadi saya ingin tanya kepada Kementerian Pengangkutan. Bagaimanakah *enforcement* ke atas mereka-mereka ataupun syarikat-syarikat yang menawarkan perkhidmatan teksi yang kereta sapu dari Uber dan

sebagainya, saya hendak tanya dari segi statistik. Berapa banyak telah dikenal pasti jumlah kereta-kereta dan perkhidmatan itu? Berapa banyakkah kereta-kereta itu telah disaman?

Cuma saya ingin tanya saya haraplah Kementerian Pengangkutan bekerjasama dengan SPAD untuk kita cepat-cepat buat satu undang-undang. Undang-undang untuk memastikan, menyelamatkan. Bagi saya perkhidmatan teksi ini perlu *revamp* secara keseluruhannya dengan isu pemberian permit ini yang kita lihat, walaupun bukan daripada – akan tetapi saya harap Kementerian Pengangkutan boleh bekerjasama dengan SPAD untuk fikirkan formula bagi menyelesaikan.

Di samping pengguna mendapat perkhidmatan teksi yang baik dan cekap, dalam masa yang sama juga kita harap kalau kita hanya berkata faktor *demand and supply* sahaja dan kita biarkan GrabCar, kita biarkan Uber ini terus menawarkan kenderaan-kenderaan untuk membawa penumpang ini, saya percaya dan saya yakin perkhidmatan teksi ini yang kebanyakan orang-orang pekerja bawahan ini pasti akan mati. Ya, *they go to die*.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, habiskan Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Jadi saya harap kementerian boleh mengambil tindakan supaya memastikan *enforcement* itu dibuat dengan berkesan supaya menjaga kepentingan juga pemandu teksi. Dalam masa yang sama juga saya bersetuju bahawa pemandu-pemandu teksi ini juga seharusnya diambil tindakan kalau mereka melanggar undang-undang. Sekian, terima kasih.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Sudahlah itu, Yang Berhormat Sepang ulang benda yang sama.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sekijang.

12.04 tgh.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberikan saya peluang untuk membahaskan tentang Kepala Bekalan Pembangunan bagi B.28 dan P.28 untuk Kementerian Pengangkutan. Saya terus kepada Butiran 060000 – Pengangkutan Darat untuk sub 060400 iaitu Pengujian dan Pelesenan Pemandu. Saya ingin mendapat makluman daripada pihak kementerian tentang keberkesanan Program MyLesen yang telah diperkenalkan oleh pihak kementerian yang saya kira memang mendapat sambutan yang amat baik sebenarnya terutama daripada pelajar-pelajar sekolah. Ini kerana program ini memberikan peluang kepada mereka yang berumur 16 tahun ke atas untuk memiliki lesen terutamanya lesen motosikal.

Kemudian, apakah perancangan kerajaan untuk memastikan kita tahu ada 6.7 juta rakyat Malaysia ini tidak mempunyai lesen memandu lagi dan mereka ini tidak dapat kita daftarkan kerana kita tahu pada hari ini hampir 32% penunggang motosikal kita terutamanya mereka yang berumur dalam 16 hingga 25 tahun, masih lagi belum mempunyai lesen.

Seterusnya Tuan Pengerusi, kita tahu format baru lesen kereta dan motor telah diberikan penambahan modul kelas Kurikulum Pendidikan Pemandu ataupun KPP yang bermula pada tahun lepas. Di mana kelas modul KPP ini iaitu kereta dan motor diasingkan dan ujian komputer juga dibezakan melalui pengenalan format terbaru ini. Oleh sebab sebelum ini ada pemilik lesen B2 ini, B2 ini lesen motor yang mengambil lesen lebih awal sebelum tahun lepas.

Maksudnya ada sesetengah rakan kita ini ataupun mereka yang mengambil lesen B2 ini berminat untuk mengambi lesen kereta tetapi oleh sebab mereka mengambil lesen ini sebelum daripada tahun lepas iaitu tahun 2014, maka mereka tidak tertakluk sebenarnya di bawah kaedah baru mengasingkan format untuk belajar ini iaitu berkaitan dengan kelas Kurikulum Pendidikan Pemandu ini.

So, saya hendak tanya dengan pihak kementerian, oleh sebab kita tahu dalam keadaan kekangan kewangan mereka pada hari ini, terutamanya dengan kos yang semakin bertambah, boleh tidak pihak kementerian memberikan kelonggaran kepada mereka yang mempunyai lesen sebelum tahun lepas ini supaya kalau dia hendak ambil lesen kereta sekurang-kurangnya tidaklah perlu mereka mengambil lagi ujian komputer dan juga KPP ini yang sudah pun diasingkan, yang diperkenalkan daripada tahun lepas.

Ini kerana kita tahu sebelum ini dia tidak ada pengasingan. Jadi kalau boleh mereka yang mengambil lesen sebelum dari tahun 2014 itu diberikan ruang supaya dapat mengambil lesen kereta tanpa perlu melalui proses ujian komputer dan juga ujian KPP ini. Itu permintaan sebenarnya daripada ramai di kalangan mereka ini kerana mereka merasakan keperluan untuk mengambil kursus itu sudah tidak perlu lagi kerana mereka mengatakan mereka sudah melalui pun proses yang sama sebelum diasingkan pada tahun lepas.

Begitu juga saya ingin pergi kepada Butiran 070100 iaitu berkaitan dengan Keselamatan Jalan Raya. Bagaimana kementerian menggunakan bajet yang ada pada hari ini untuk bekerjasama dengan NGO-NGO dan juga melakukan NBOS iaitu National Blue Ocean Strategy dengan kementerian-kementerian lain dalam memastikan kejadian-kejadian kemalangan dan juga yang berlaku pada hari ini dapat dikurangkan. Sejauh mana keberkesanan program-program keselamatan yang telah dilaksanakan oleh pihak kementerian terutamanya menjelang musim perayaan.

Seterusnya, saya pergi kepada Butiran 2000 iaitu Peningkatan Infrastruktur Rel. Di dalam Parlimen Sekijang ini ada lebih kurang dalam tujuh kilometer jarak rel kereta api yang ada dalam kawasan bandar, dalam Bandar Segamat. Sebenarnya saya ingin bertanya pihak kementerian, adakah pihak kementerian bercadang bekerjasama dengan pihak KTMB untuk memasang pagar di kawasan yang dikatakan sebagai padat penduduk ataupun kawasan yang ada kawasan perumahan berdekatan.

Ini kerana untuk pengetahuan pihak kementerian, baru-baru ada berlaku kematian akibat pelanggaran kereta api kerana faktor yang kita rasakan memang tidak sepatutnya berlaku iaitu pengguna ini, orang muda ini dia menggunakan telefon, dia tidak perasan melintas laluan kereta api rel dan dilanggar oleh kereta api. Jadi, adakah kemudahan memagar ini boleh diberikan. Kita

bukan hendak minta sepanjang jalan itu tetapi di kawasan-kawasan yang padat penduduk, kawasan bandar dan juga kawasan perumahan. Itu sahaja, terima kasih Tuan Pengerusi.

■1210

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Lenggong.

12.10 tgh.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Terima kasih...

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Baru masuk.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, tidak ada yang tidak adil. Selepas ini dua dari sini.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: ...Tuan Pengerusi kerana beri peluang saya berucap...

Seorang Ahli: 10 minit sahaja, 10 minit.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Jangan marah sangat Yang Berhormat Kuala Langat, nanti cepat tua. Terima kasih kerana bagi peluang saya berucap dan saya ingin menyentuh Butiran 050000 – Pengangkutan Udara. Seterusnya juga Butiran 080000 – Program Khusus, khususnya KTMB, Butiran 070000 – Keselamatan Jalan Raya.

Tuan Pengerusi, kalau cakap macam Yang Berhormat Sepang memang mudah tetapi hakikatnya kerajaan tentu menghadapi pelbagai cabaran apabila hendak menyelesaikan isu MH370 atau MH17. Ini kerana isu ini bukan hanya melibatkan kerajaan kita tetapi juga pelbagai negara. Malah juga diambil kesempatan oleh pihak tertentu untuk politikkan isu ini. *High level* punya politik. Jadi saya hendak tanya kementerian, baru-baru ini kita tahu bahawa Lembaga Keselamatan Belanda, saya hendak sentuh bab ini juga Yang Berhormat Sepang. Kalau hendak celah, nanti tunggu dulu. Mengesahkan bahawa memang betul pesawat *Malaysia Airlines* MH17 ditembak jatuh menggunakan peluru berpandu darat udara (BUK) di ruang udara Ukraine dan pengerusi kepada siasatan juga mengesahkan bahawa peluru berpandu itu meledak di sebelah kiri kokpit pesawat berkenaan. Ini isu besar dan pesawat itu ditembak jatuh kita pun tahu, ketika terbang di ketinggian 30,000 kaki dan terhempas di kawasan bergolak di Ukraine.

Ini sahaja hendak ulang, hendak *remind* balik sahaja Yang Berhormat Sungai Petani. Semua penumpang meninggal dunia dan yang saya cuma hendak tahu, saya faham tentang *constraint* dan cabaran besar yang dihadapi oleh kerajaan. Ini kerana isu ini melibatkan pelbagai negara. Bukan hanya melibatkan undang-undang negara kita tetapi di peringkat antarabangsa. Kalau hendak kata bahawa kita tidak bawa ke PBB, kita bawa tetapi ditolak oleh kuasa veto oleh negara-negara misalnya Rusia yang saya juga berasa dia juga ada beberapa kepentingan di sini, betul?

Jadi saya cuma hendak tahu sahaja, tentu rakyat juga hendak tahu, apakah perkembangan terkini siasatan mengenai isu ini? Sudah tentu saya cukup yakin bahawa kerajaan tidak menghentikan siasatan dan usaha untuk membawa mana-mana pihak ke muka pengadilan. Cuma saya hendak tahu apakah setakat ini yang telah pun diambil tindakan dan bagaimana

dengan penumpang-penumpang mungkin boleh daripada segi pampasan dan sebagainya. Saya harap pihak kementerian dapat menjawab isu ini.

Tuan Pengerasi, selain daripada itu saya hendak juga sentuh berkaitan dengan Butiran 070000 – Keselamatan Jalan Raya. Ini isu yang seolah-olah tidak ada kesudahan. Saban hari boleh kata mesti ada kemalangan, itu yang dilaporkan. Saya percaya banyak juga kemalangan yang tidak dilaporkan. Daripada segi usaha kerajaan, beberapa perkara yang telah pun kita buat. Kempen, baik di institusi pengajian tinggi dan sebagainya termasuklah saya percaya juga kempen-kempen di sekolah.

Saya cuma hendak tanya kementerian, apakah kementerian berpuas hati dengan langkah-langkah kempen dibuat ini kerana kita lihat bahawa hanya pembentukan sikap mungkin boleh bantu untuk menyelesaikan isu keselamatan jalan raya. Apakah usaha dibuat di sekolah-sekolah? Kurikulum di sekolah memandu misalnya ataupun undang-undang yang sedia ada, apakah perlu dibaiki? Cuma saya juga hendak minta supaya pihak kerajaan misalnya mengurangkan kerja-kerja pembaikan jalan pada waktu-waktu kemuncak. Misalnya di Lebuhraya Utara-Selatan, misalnya. Boleh katakan hari-hari pembaikan jalan raya. Memang penting, tetapi kalau dalam keadaan cuaca sekarang begini, itu juga antara menjadi punca yang menyebabkan kemalangan berlaku.

Saya juga hendak tanya kementerian, ini kemasukan seolah-olah begitu mudah kenderaan-kenderaan dari luar ini, misalnya di utara dari Thailand dengan cermin gelapnya. Kita tidak boleh pakai cermin gelap tetapi dia bebas, bawa laju dan sebagainya. Apakah peraturan-peraturan yang kita buat ketika ini yang saya lihat bahawa begitu mudah kenderaan luar masuk. Misalnya kalau di Thailand pintu masuk di Betong misalnya memang begitu mudah sekali masuk dan nampaknya ia juga menyumbang kepada beberapa salah laku di jalan raya. Jadi saya mohon pencerahan berkaitan perkara ini.

Perkara lain ialah berkaitan dengan Butiran 080000 – Program Khusus ini, KTM. Saya hendak minta dalam Dewan yang mulia ini, yang ini Yang Berhormat Taiping cadangan baru Yang Berhormat Taiping. Kalau tanya Kerajaan Negeri Perak memang tidak ada lagi, ini cadangan. Kalau Yang Berhormat Taiping sokong bagus. Iaitu oleh sebab kawasan ini beberapa pembangunan yang penting, satunya Lembah Lenggong sebagai tapak warisan dunia satu, Royal Belum satu. Kita juga lihat bahawa di Kulim juga pembangunan kawasan industri di Kedah dan sebagainya.

Boleh tidak kerajaan membuat kajian supaya laluan kereta api ini dimasukkan kalau hanya dari Kuala Kangsar ke Taiping dan ke utara tetapi laluan kereta api juga dari Kuala Kangsar pergi Padang Rengas, pergi Lenggong, pergi Gerik, Baling, Kulim terus keluar balik ke Pulau Pinang, setuju kot Yang Berhormat Taiping Untuk membolehkan pembangunan di kawasan berkenaan. Ini kerana antara isu besar yang dihadapi oleh sektor pelancongan di kawasan ini ialah kurangnya akses pengangkutan untuk masuk ke situ. Saya faham bukanlah tahun depan boleh buat tetapi kajian. Mungkin untuk tempoh jangka masa akan datang, ia juga

laluan terus ke Timur Barat pergi ke Jeli dan sebagainya. Ini kawasan yang berpotensi untuk dibangunkan.

Dalam pelbagai sudut, saya percaya jika ada jaringan ini kawasan IKS di Padang Rengas dekat dengan Lubuk Merbau, itu juga boleh dibangunkan kerana kawasan itu telah lama dibangunkan oleh Yang Berbahagia Tan Sri Rafidah Aziz dahulu sebagai Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Akan tetapi nampaknya tidak boleh pergi jauh daripada itu kerana akses pengangkutan kurang. Jika kawasan ini dibangunkan dengan laluan baru kereta api, Kuala Kangsar keluar hingga ke Gerik dan boleh berpecah sama ada ke Kelantan atau Terengganu dan kemudian ke Pulau Pinang, saya cukup yakin ini membantu untuk membangunkan kawasan ini.

Saya harap perkara ini dibuat kajian dan mungkin boleh dikemukakan sebagai satu projek besar dan saya cukup yakin ini juga boleh meningkatkan tahap sokongan lagi kepada Kerajaan Barisan Nasional, Yang Berhormat Taiping. Ini kerana Lenggong, Gerik berhampiran dengan kawasan yang menyokong Barisan Nasional. Walaupun berkali-kali Yang Berhormat Taiping pergi kempen tetapi tidak dapat juga menang di situ, ya Yang Berhormat Taiping ya.

Akhir sekali *[Disampuk]* Belum bang, Tuan Pengerusi belum suruh berhenti lagi, sambung satu sahaja. Saya pun melawat di KLIA2...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: 10 minit lagi?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Melawat KLIA2 tetapi saya cukup yakin bahawa KLIA2 selamat. Saya cukup yakin sebab berdasarkan taklimat. Jadi kalau dengar-dengar Yang Berhormat Sepang sebut, sebab dia tidak pergi walaupun KLIA2 dekat dengan Sepang. Dia cakap dari jauh, dia tidak tahu apa benda yang berlaku. Cuma oleh sebab ‘Jawatankuasa Bebas Kekemasan’ KLIA ini ditubuhkan Januari lalu dan membuat pengauditan dan sebagainya kerana difahamkan memang MAHB juga membelanjakan RM76.7 juta untuk kerja-kerja pembaikan di kawasan berkenaan.

Cuma bolehkah dimaklumkan dalam Dewan ini, apakah tahap keselamatan kajian yang telah pun dilakukan? Saya cukup yakin ia selamat, kalau tidak selamat tutuplah KLIA2 itu. Bukan mudah-mudah kita boleh buka kalau tidak selamat Yang Berhormat Sepang. Akan tetapi saya yakin kalau kita dapat diuar-uarkan kepada rakyat tentang apa kajian yang telah dibuat ‘Jawatankuasa Bebas Kekemasan’ KLIA2.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Boleh? Tidak boleh?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Saya yakin banyak persoalan yang...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sepang bangun Yang Berhormat.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: ...Dilontarkan itu dapat terungkai dan menangkis pelbagai persepsi yang dilakukan oleh Yang Berhormat Sepang dan rakan-rakannya tentang keselamatan KLIA2. Boleh.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih pada sahabat saya Yang Berhormat Lenggong, yang mungkin Yang Berhormat Lenggong jauh daripada lapangan terbang,

dia tak tau sangat fasal lapangan terbang ini. Lenggong, *airport* pun tidak ada, jangan hendak bising. *[Disampuk][Ketawa]* Sepang kita ada dua *airport* tahu, jangan main-main. Akan tetapi tidak apalah, saya hendak beritahu dengan Yang Berhormat Lenggong, jawapan daripada Yang Berhormat Menteri di peringkat dasar lagi dia menyatakan bahawa keadaan di KLIA2 *very, very serious*.

Ini mungkin Yang Berhormat Lenggong tidak datang masa itu, tidak dengar. Jadi apabila *very, very serious*, sudah tentulah kita sebagai rakyat yang *concern* tentang keselamatan, mestilah kita bimbang. Tiba-tiba sepatutnya okey kita kata dengan keadaan *very serious* itu mesti satu *action* diambil dengan segera, sebab tidak guna nanti sudah berlaku kemalangan, baru kita hendak ambil *action*.

■1220

Jadi saya harap, Yang Berhormat Lenggong kena faham, kalau boleh belajar-belajarlah tengok kapal terbang. Ini sebab Yang Berhormat Lenggong kurang... *[Ketawa]*

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Tuan Pengerusi, sebenarnya baru-baru ini, NCIA telah pun mengeluarkan Bajet untuk membesarakan Lapangan Kapal Terbang Gerik. Oleh sebab Lapangan Terbang Gerik tidak mempunyai kawasan yang luas untuk dibangunkan, dibesarkan, maka projek itu telah pun, hendak dipindahkan di tempat lain. Antara tempat yang hendak dipindahkan adalah di kawasan Parlimen Lenggong. Akan tetapi, masih dalam kajian. Jadi, macam mana?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ada lapangan terbanglah nanti dekat Lenggong esoknya.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: *InshaaAllah*, Yang Berhormat Sepang ini mana tahu. Dia tidak tahu apa!... *[Disampuk]*.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tidak payah minta kereta api, sudah ada lapangan terbang.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Saya cuma sebut itu dalam perancangan. Tak, saya kata jadi, tapi yang penting hendak jawab apa Yang Berhormat Sepang sebut. Ini sebab, dia kata, di Lenggong langsung orang tidak ada hendak buat. Ada hendak buat. Sama ada jadi tak jadi, itu soal kedua...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Dah, dah, dah! Cukup lah tu.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Habis kan Yang Berhormat, habis kan. Masa dah habis Yang Berhormat.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: ...Cuma saya tahu, isu di KLIA 2 saya pun tahu isunya ialah soal banjir di KLIA 2. Bukan saya tidak tahu antara isunya. Lantai basah dan sebagainya, tapi ia pun telah dibaik pulih dan telah pun diambil perhatian oleh kementerian.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Bukan isu lantai basahlah, apalah!

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Antaranya, saya sebut antaranya yang lain saya tidak sebut Yang Berhormat Sepang ini, dia tidak dengar. Ini apalah.

Jadi cuma saya minta, oleh sebab langkah-langkah telah diambil oleh pihak kementerian-saya ingat Menteri kena jawab! Jawab bukan kepada saya, saya tahu! Jawab kepada Yang Berhormat Sepang yang tak faham-faham ini! Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pokok Sena, saya sudah bagi AMANAH, sudah bagi PAS. Saya bagi DAP dulu ya Yang Berhormat, ya. Ya, Yang Berhormat Sandakan.

12.22 tgh.

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh perkara B.28 tentang Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu. Di bawah Butiran 09900 - Pembangunan Lapangan Terbang Labuan/Kota Kinabalu.

Tuan Pengerusi, untuk makluman Dewan yang mulia ini, saya difahamkan bahawa Terminal Dua akan ditutup dan operasi AirAsia akan dipindahkan ke *Terminal One*, bermula pada 1 Disember 2015, iaitu dalam beberapa hari lagi. Saya ingin menarik perhatian Dewan ini mengenai isu pemindahan ini. Sudah lewat beberapa tahun *Malaysia Airport* meminta AirAsia pindah ke *Terminal One*. Saya rasa kita mesti mengkaji secara menyeluruh, kenapa AirAsia enggan pindah. Ini sangat penting bagi kita memahami seluruh isu perpindahan ini.

Pertama, kita difahamkan AirAsia ada perancangan untuk membangunkan KKIA ini sebagai hab penerbangan serantau seperti Dubai. Sebagai mana yang kita tahu, KKIA sudah menjadi lapangan terbang yang kedua paling sibuk di Malaysia, ekoran KKIA, ketibaan penumpang di Sabah makin meningkat, telah membawa pembangunan ke Sabah yang positif.

Mengikut laman web Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu, selepas naik taraf lapangan terbang itu, boleh memuatkan 9 juta kapasiti penumpang. Akan tetapi, jika kita lihat statistik pada tahun 2014, Terminal Satu ada 3.2 juta, manakala Terminal Dua ada 3.6 juta. Keseluruhanya ada 6.8 juta. Ini dijangka melebihi 7 juta pada hujung tahun ini. AirAsia berasa khuatir kerana ia sudah dekat dengan kapasiti maksimum penumpang di Terminal Satu ialah 9 juta orang. Memang betul AirAsia pindah ke Terminal Satu sekarang, ia tidak akan melebihi kapasiti tersebut. Akan tetapi, kita tidak boleh melihat isu itu dengan dekat.

Hal ini kerana, kita harus masuk kira pertumbuhan syarikat-syarikat penerbangan yang lain. Jika syarikat-syarikat penerbangan akan tambah lebih banyak pesawat dan kapal terbang di Sabah. Untuk memperkenalkan lebih banyak perjalanan ke luar negeri, Terminal Satu akan melebihi kapasiti kurang daripada lima tahun.

Justeru, Tuan Pengerusi, jika kita betul-betul faham dan mahu Sabah maju daripada segi pembangunan sektor pelancongan, kita harus mempertimbangkan dan mengira pertumbuhan setiap syarikat penerbangan. Sememangnya pesawat dan kapal terbang akan bertambah. Ada juga khabar- memberitahu bahawa sebuah syarikat penerbangan- 'Rayani Air' akan diperkenalkan pada tahun depan.

Daripada segi pertumbuhan ini, tidak sampai lima tahun, KKIA akan sesak dan melebihi kapasitinya. Jadi AirAsia sekarang pindah ke Terminal Satu dan tidak ada lagi perancangan yang

begitu berikutnya, maka *AirAsia* tidak boleh lagi membawa masuk lebih banyak kapal terbang, dan memperkenalkan lebih banyak perjalanan dan lokasi yang baru ke Sabah. Ini akhirnya akan *jeopardize* dan *victimize* negeri Sabah.

Tuan Pengerusi, bukan sahaja kapasiti penerbangan kemungkinan melebihi, banyak masalah lagi akan timbul apabila perpindahan ini dilaksanakan. Antaranya ialah kekurangan tempat atau ruang henti kapal terbang. Kini, Terminal satu mempunyai lebih kurang 14 buah pintu pelepasan dan ruang henti kapal terbang. Manakala, Terminal Dua ada sembilan. Kini, *AirAsia* meletak enam buah kapal terbang henti di Terminal Dua. Jika perpindahan diluluskan, dilakukan, *Malaysia Airport* bersetuju bahawa Terminal Satu akan juga membeli balik pengagihan enam ruang untuk *AirAsia* henti kapal terbang mereka.

Namun begitu Tuan Pengerusi, walaupun kerajaan telah memperuntukkan RM1.2 bilion untuk menaik taraf Terminal Satu untuk semua syarikat penerbangan, tetapi *AirAsia* tidak boleh lagi membawa masuk lebih banyak kapal terbang lagi kerana tiada tempat letak kapal terbang yang baru.

Tuan Pengerusi, jika mengikut anggaran atau perancangan *AirAsia*, *AirAsia* berniat membawa masuk dua buah kapal terbang menjelang tahun 2017, dan memperkenalkan lebih banyak perjalanan yang baru ke lokasi yang baru seperti Negara China, negara-negara di Asia Tenggara, India dan sebagainya. Akan tetapi, sejak dua tahun ini, walaupun *AirAsia* meminta letak dua buah kapal terbang tambahan di Terminal Dua ini, namun *Malaysia Airport* tidak bagi.

Mengikut anggaran *AirAsia*, dua buah kapal terbang tambahan akan membawa, meningkatkan 1.2 juta orang penumpang ke Sabah iaitu lebih kurang 2.8 juta *extra*, dengan izin, pendapatan kepada ekonomi Sabah. Tuan Pengerusi, kalau macam itu lebih banyak lagi *AirAsia* kekal, lebih baik bagi *AirAsia* kekal di Terminal Dua yang mempunyai sembilan ruang tempat henti kapal terbang. Had atau *limitation* ini akan menjelaskan pertumbuhan potensi pelancongan Sabah. Bukan sahaja ketidakcukupan ruang henti kapal terbang di Terminal Satu akan mengehadkan pertumbuhan penumpang ke Sabah. Banyak lagi masalah teknikal seperti kemungkinan sesak jalan di depan ke persimpangan KKIA, Jalan Lintas, dan Jalan Putatan.

Dan juga kelewatan kapal terbang dijangka akan berlaku oleh sebab sebuah terminal hanya boleh buat dua buah *push bag* kapal terbang berbanding dengan dua buah terminal boleh buat empat *push bag* pada masa yang sama. Jadi ini akan menjelaskan kiraan dan *timetable* penerbangan. Semua ini harus dipertimbangkan dengan teliti.

■1230

Tuan Pengerusi selain itu, kenaikan *airport tax* bagi penumpang pun meningkat. Jadi akan meningkatkan kos penerbangan yang akan membebankan rakyat. Sebenarnya untuk kerja di Terminal dua supaya *AirAsia* boleh terus membawa masuk lebih banyak kapal terbang serta cadangan yang baru maka *AirAsia* bercadang untuk mengambil alih dan mengurus Terminal Dua sendiri supaya *airport tax* di kekal dan kemudahan-kemudahan Terminal Dua ini boleh diubah suai dengan dinaik taraf oleh *AirAsia*.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Boleh dihabiskan Yang Berhormat Sandakan

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Ya. Sedikit sahaja. Semua kos ditanggung oleh AirAsia sendiri tanpa guna duit kerajaan untuk membeli keselesaan kepada penumpang dan rakyat Sabah. Cadangan ini seperti dengan Lapangan Terbang Senai yang diurus dan dimiliki oleh syarikat MNC ini mungkin lebih balik. Ya, mungkin lebih baik jika AirAsia urus *airport* sendiri. Dengan cadangan ini, kita boleh mempunyai dua buah terminal dikekalkan untuk menampung lebih banyak penumpang masuk ke Sabah. Akan tetapi, cadangan ini tidak diterima oleh pihak berkenaan saya minta penjelasan kenapa cadangan ini tidak diberi pertimbangan dan apakah kegunaan tanah ini yang Terminal Dua yang sekarang kita sudah ada.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sandakan, habiskan Yang Berhormat Sandakan.

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Tuan Pengerusi satu minit lagi. Tuan Pengerusi. Saya rasa kerajaan mungkin beri timbang balik cadangan ini AirAsia untuk menggunakan Terminal Dua. Ubah suai dia punya Terminal Dua yang sedia ada ini itu. Ada satu lagi yang kita dapat tahu, ada seluas 40 ekar punya itu yang di cadangkan oleh Malaysia Airport Berhad akan dibina untuk satu Terminal Tiga. Akan tetapi, kalau ini satu dikatakan kita mahu tahu bilakah ini satu Terminal Tiga untuk ini *low cost carrier* boleh dilaksanakan bahawa kita punya pelancongan *airport* ini boleh dikembangkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sandakan, habiskan.

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Bahawa ini boleh membawa keistimewaan ke Sabah dalam segi pelancongan. Tuan Pengerusi, saya harap kementerian ini Menteri ini menimbang yang cara dicadangkan oleh AirAsia atau sebagainya. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Langat.

12.32 tgh.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Terima kasih Tuan Pengerusi memberi ruang kepada saya untuk membahas soal Butiran – B28. Tuan Pengerusi, saya terus kepada Butiran 05000 – butiran yang popular iaitu Pengangkutan Udara. Dua isu yang saya hendak kaitkan dan saya hendak singgung.

Satu ialah saya hendak imbau kembali bila mana MAS itu telah diprivatekan, maka pihak pengurusan telah pun memecat, membuang pekerja hampir 6,000 lebih dan apa yang jadi kemusykilan hari ini ialah apabila kita diberitahu akan ada lagi pembuangan akan dibuat. “*Fuh dasyat!*” Makna buang, buang untuk menyelamatkan syarikat tetapi yang peliknya kapal-kapal terbang ini adanya sudah dijual. Dijual, dijual. Maknanya mengurangkan, penguncutan operasi tetapi yang malangnya ialah pekerja yang *previous employees* yang dulunya mereka ambil sebagai pekerja kontrak. Tahun *by* tahun. Tidak kesian ke? Tahun *by* tahun. Kerja 30 tahun,

bayar duit pampasan pun tidak betul, katanya betul tetapi persatuan sudah dibubarkan tetapi tidak apa yang penting Tuan Pengerusi, saya minta kementerian supaya jangan berlaku lagi kesilapan kedua.

Iaitu hendak buang orang lagi dalam masa yang sama, ambil pula pengurusan pekerja asing. “*Fuh dahsyat!*” Pekerja asing jadi pengurus dalam negara yang berdaulat. Tidak pelik ke? Itu yang berlaku yang sepatutnya tidak boleh berlaku, tidak akan ada orang tempatan seperti Tan Sri Dato’ Abdul Aziz bin Abdul Rahman sebelum dia *surrender* MAS kepada *new management*. Dia letakkan *deposit cash* itu sebanyak RM5 bilion – lebih. Ada tokoh-tokoh hebat tempatan yang kita ambil orang luar, orang Jerman itu kenapa? Ambil ini orang Malaysia banyak ini. Semua berkebolehan belaka. Cuma bagi peluang sahaja, itu yang kita perlu lihat dan perlu fokus. Itu satu.

Kedua, saya hendak bagi tahu saya hendak menyingung lagi. Ini soal Malindo. Kementerian jawab tetapi tidak puas hati saya. Malindo telah pun mensyaratkan bila kita ada *final checked*....

Dato’ Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]: Tuan Pengerusi, boleh mencelah sedikit.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Boleh Tuan Pengerusi.

Dato’ Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]: Terima kasih tentang cerita tentang latar belakang MAS. Saya pun ada pengalaman berjumpa Tan Sri Dato’ Abdul Aziz bin Abdul Rahman. Dia pun sedih apa yang jadi dengan MAS. Itu angka lebih kurang RM5 bilion. Ahli Yang Berhormat Kuala Langat itu mungkin sudah pergi mana? Boleh jawab tidak? Terima kasih.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Itu persoalannya, persoalannya urus setia. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Wangsa Maju. Mana perginya RM 5 bilion ini yang telah pun dikerja keras, dilonggokkan oleh Tan Sri Dato’ Abdul Aziz bin Abdul Rahman ini? Isunya sekarang ini, tidak ada tindakan penguatkuasaan yang efisien daripada pengurusan kementerian yang lalu tetapi saya mohon supaya ia dimasukkan dalam sebahagian ucapan saya.

Berbalik kepada soal Malindo ini, keluarga *pilot* atau pun penjaga *pilot* telah pun habis hampir suku juta. RM250,000 sebab yang terlibat pun salah seorangnya anak saya juga. Jadi isunya ialah kita telah pun melabur atau pun membiayai RM250,000. Tuan Pengerusi, selepas itu, dalam *appointment letter* dia, dia ada kata, *recruitment training cost* yang terpaksa dibiayai oleh keluarga yang sama sebanyak RM140,000. Dia kata itu *training kadet* yang baru. Dahlah ibu bapa keluarkan RM250,000, nak keluarkan lagi RM150,000. Apa punya perjanjian ini? akan tetapi apabila saya beritahu, dia kata itu *additional training*.

Kalau dia tidak *qualified* sebagai pilot, takkan dia lulus dalam pilot dan kita pun tidak akan habis RM250,000, Tuan Pengerusi. Ini beban, tambah beban. Ini namanya sistem yang bersifat ‘kunta-kinte’, kaki digari, mulut dibisukan, kena ikut semua. Sengsaranya siapa, ibu bapa penjaga. Saya mohon kementerian supaya serius melihat isu ini dengan hati sanubari yang kecil ini untuk dijawab daripada insani bukan daripada kertas yang diberikan oleh pegawai ke belakang.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyinggung di bawah Butiran 0...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, boleh perlahan-lahan Yang Berhormat. Ada masa lagi, ya.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Ada masa lagi? Saya mendengar nasihat Tuan Pengerusi, saya ingin menyinggung Butiran 080000 – Program Khusus. Sebelum saya pergi ke Butiran 080200, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Pengerusi KTMB apabila berlaku pergolakan dgn pekerja, akhirnya CEO telah pun dipecat dan ganti CEO yang baru atau perbetulkan kontrak yang tidak disambung. Namun hari ini saya diberitahu oleh pengerusi dengan kerjasama Yang Berhormat Menteri Pengangkutan maka penyelesaian, *crisis dispute* dengan izin, telah pun berjalan lancar, baik dan mereka bekerja dengan efisien dengan produktiviti dan *level* yang mereka kehendaki. Akhirnya, kerjasama itu dapat diwujudkan. Saya mengambil ruang ini untuk mengucapkan tahniah kepada Pengerusi KTMB Langkawi yang telah pun membuktikan apa yang beliau telah janjikan kepada saya...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Hidup BN.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Namun saya juga ingin...Apa Yang Berhormat Lenggong? Tidak habis-habis nak kacau, Yang Berhormat Lenggong. Ini Tuan Pengerusi, dia iklankan sekejap. Jadi, dia ini orang kampung saya. Ada masalah yang ini. Bila bercakap, dia selalu kacau.

Saya ingin menyinggung isu Butiran 080200. Masih ada lagi kakitangan kontrak yang hendak dilaksanakan. Pekerja-pekerja kontrak ini tidak habis-habis. Mengikut Yang Amat Berhormat cakap, 15 tahun disokong oleh menteri kata, setuju, 15 tahun baru nak *dipermanentkan*. 15 tahun ini, berkali-kali saya cakap, kalau orang itu berusia 45 tahun, sebab dia kontrak ambil sifatnya sebagai profesional. Apabila dia hendak pergi kepada *confirm*, umurnya sudah 60 tahun. Sudah penceh pun. Tak layak dapat penceh. Tak layak dapat faedah-faedah persaraan. Jadi saya hendak mohon kepada kementerian dan juga kepada Kementerian Pengangkutan, supaya mengkaji semula tentang kontrak itu.

Kalau dia fikir, tak perlu setahun dua, *confirmkan* lah. Tidak payah kita nak kontrak, kontrak. Seksyen hidup mereka. Bagaimana pula kita kata orang yang berusia 35 tahun. Sampai umur dia 50 tahun baru dia dapat kerja *confirm*. 10 tahun penceh dia. Kecil habuan dia, Tuan Pengerusi. Jadi, saya minta supaya pekerja kakitangan kontrak ini dibuat secara serius untuk dinilai semula, Yang Berhormat Sungai Petani ya?

■1240

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Betullah itu.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Okey, boleh. Saya mahu bagi pengerusi ya.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Yang Berhormat Kuala Langat, sedar kah Yang Berhormat Kuala Langat bahawa pegawai-pegawai atau kakitangan yang berstatus kontrak ini, walaupun usia dia hanya 30 tahun atau 35 tahun, bila dia pergi bank, dia tidak boleh membuat pinjaman kerana statusnya kontrak. Ini masalah besar. Pinjaman rumah tidak boleh,

hendak beli *property* tidak boleh, disebabkan kontrak. Apakah pandangan Yang Berhormat Kuala Langat tentang hal ini?

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Tuan Pengerusi, saya setuju dengan Yang Berhormat Sungai Petani sebab itulah hendak merayu ini. Ini ialah malapetaka kepada pekerja kontrak. Ini menyumbang kepada kesengsaraan masa depan mereka. Apakah kerajaan tidak berhati perut memikirkan lebih 10,000 orang ini yang hidup terumbang-ambing, ke kanan tidak boleh, ke kiri tidak boleh. Apakah tidak terbuka sanubari mereka, seikhlas-ikhlas saya hendak berbicara. Apakah mereka tidak berhati perut melihat kesengsaraan mereka ini? Hendak membuat pinjaman tidak boleh, pencer pun tidak dapat, faedah untuk pembangunan hidup untuk keluarga mereka pun tidak dapat disempurnakan. Masukkan semua ucapan Yang Berhormat Sungai Petani dalam saya.

Saya ingin merumuskan sebegini, begini yang saya hendak rayu. Yang Berhormat Timbalan Menteri mewakili Yang Berhormat Menteri Pengangkutan supaya memikirkan dan mengkaji semula kontrak ini walaupun yang dimaklumkan di sini nilainya satu *million* yang dahulunya 1.5 bilion, dikuncupkan tetapi ia jelas satu *million* ini, mereka juga seperti mana kita. Mereka juga bernafsu seperti kita, mereka juga berangan-angan seperti kita. Saya mohon dipertimbangkan pekerja kontrak ini, diconfirmkan mereka supaya mereka mendapat faedah-faedah, kebijakan yang perlu mereka galas. Saya percaya Yang Berhormat Lenggong pun bersetuju, Yang Berhormat Putatan lagi bersetuju, malah Yang Berhormat Parit Sulong akan bersetuju. Tuan Pengerusi, sekian, terima kasih atas peluang yang diberikan.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Lawas.

12.42 tgh.

Dato' Henry Sum Agong [Lawas]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberikan peluang kepada saya untuk turut membahaskan bajet di peringkat Jawatankuasa. Saya menyentuh Butiran 03603 – Kerja-kerja Pengerukan Kuala-kuala Sungai di Sarawak.

Di kawasan saya terdapat dua buah kuala sungai iaitu Kuala Sungai Trusan dan Kuala Lawas yang tidak dapat dilalui oleh kapal laut, bot ekspres dan bot-bot nelayan. Khususnya semasa air surut ataupun, dengan izin, *low tides* kerana terlalu cetek disebabkan *siltation*, dengan izin. Disebabkan itu, pengangkutan barang ke luar dan masuk ke daerah Lawas terpaksa dibawa melalui jalan darat yang agak jauh dan menyebabkan harga barang keperluan meningkat. Oleh yang demikian, saya memohon pihak kementerian mengambil maklum tentang perkara ini dan melakukan kerja-kerja pengerukan di kedua-dua Kuala Sungai Trusan dan Lawas.

Keduanya Tuan Pengerusi, di bawah Butiran P 13000 – Pembinaan dan Menaik Taraf Infrastruktur Lapangan Terbang. Di sini saya tidak melihat peruntukan untuk projek yang telah diluluskan kerajaan di kawasan saya iaitu Lapangan Terbang Lawas yang baru. Saya mengucapkan penghargaan dan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas pengumuman kelulusan projek tersebut semasa pembentangan RMKe-11.

Tuan Pengerusi, saya berpendapat dan merayu kepada kementerian dan kerajaan agar meluluskan sedikit peruntukan bagi cadangan pembinaan Lapangan Terbang Lawas yang baru sebagai tanda jadinya projek berkenaan. Saya pasti ia akan menggembirakan rakyat Lawas. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Lipis.

12.45 tgh.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Terima kasih Tuan Pengerusi yang memberikan kesempatan kepada saya untuk turut serta membahaskan. Saya ingin terus pergi kepada Butiran 00900 – Meningkatkan Keupayaan KTM. Saya melihat dari segi anggaran kos bajet ini ia kelihatan agak besar peruntukannya. Saya ingin memohon jasa baik Kementerian Pengangkutan supaya pihak KTM ini dapat memberikan perkhidmatan iaitu perkhidmatan kereta api ekspres daripada yang melalui Lipis sehingga Gua Musang dan Kelantan. Apa yang terkilan di hati saya kerana sebelum ini pihak ekspres KTM ini berhenti di Merapoh, termasuklah juga kereta api henti-henti. Akan tetapi sekarang kereta api henti-henti pun tidak ada perkhidmatan, ekspres pun sudah tidak berhenti.

Apa yang menyebabkan terkilannya saya kerana Merapoh ini adalah salah sebuah tempat pelancongan yang mendapat kehadiran pelancong dari dalam dan luar negara dengan agak baik. Dianggarkan melebihi 20,000 orang pelancong yang datang ke Merapoh untuk memasuki jalan kedua menuju ke Taman Negara. Kalau dahulu kereta api ekspres ini berhenti di Merapoh dan para pelancong ini terus boleh turun di Merapoh. Akan tetapi sekarang kereta api ekspres ini berhenti di Gua Musang dan pelancong terpaksa menggunakan perkhidmatan teksi ataupun sebagainya untuk sampai ke destinasi pelancongan untuk pintu masuk kedua ke Taman Negara.

Walau bagaimanapun, saya meminta supaya pihak KTM dapat mengkaji semula dalam hal ini. Bukan susah sangat Tuan Pengerusi, hendak *brake*kan kereta api tersebut. Dalam beberapa minit sahaja berhenti di Merapoh, pelancong boleh turun. Saya ingat tidak makan banyak mana pun rel kereta api dan tayar kereta api itu yang menggunakan *brake* tersebut. Saya tahu Yang Berhormat Tanah Merah...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Cantik ayat itu Yang Berhormat.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: ...Saya nampak Yang Berhormat Langkawi ada di depan saya, itu sebabnya saya kata tidak banyak mana pun perkhidmatan *brake* itu yang merosakkan rel kereta api tersebut.

Jadi Tuan Pengerusi, saya pergi kepada Butiran 40000 – Menaik Taraf dan Pembangunan Sistem Kawalan/Pengurusan Trafik Udara/Komunikasi/Radar. Ia juga adalah merupakan anggaran peruntukan yang agak besar. Saya bersetuju dengan rakan-rakan yang sudah banyak menghujahkan tentang MH370. Saya minta supaya kerajaan melalui Kementerian Pengangkutan menaiktarafkan sistem radar kita.

Kalau kita lihat MH370 baru-baru ini hilang, radarnya hanya dapat dikesan melalui Kementerian Pertahanan sahaja iaitu ketenteraan. Akan tetapi adakah pihak kerajaan memandang serius dalam hal ini dan supaya menaiktarafkan bentuk radar yang lebih canggih yang boleh mengesan apa juga yang berlaku di negara kita. Sama ada sistem keselamatan atau sistem udara amat penting sekali, kenapa kita tidak menaiktarafkan radar-radar sedia ada kepada radar yang lebih baik, itu pandangan saya.

Saya pergi kepada Butiran 070000 – Keselamatan Jalan Raya. Saya hendak bertanyakan kepada pihak Kementerian Pengangkutan berkenaan dengan keselamatan jalan raya yang melibatkan beberapa perkara. Saya dengar tadi Yang Berhormat Gerik bercakap soal masalah *brake* dan sebagainya. Akan tetapi saya hendak menimbulkan masalah muatan yang terlalu berat iaitu lori yang berat muatannya mencecah sehingga 120,000 kilogram. 120,000 yang masuk ke dalam kawasan saya, dijangkakan hanya 40,000 kilogram sahaja ataupun 4,000 tan sahaja.

■1250

Sedangkan yang masuk ini terlalu berat, menyebabkan jalan-jalan raya pecah, menyebabkan jalan raya rosak, menyebabkan orang ramai menjadi susah.

Jadi apakah sebenarnya kaedah kita meletakkan kaedah sehingga boleh mencecah 120,000 kg kenderaan berat membawa muatan? Adakah mereka menyalahi undang-undang ataupun memang kita mengeluarkan permit membawa muatan sehingga seberat itu? Sekiranya kita tidak keluarkan permit sedemikian rupa, apakah kaedah kita hendak menyelesaikan masalah ini? Ini sering kita bangkitkan.

Saya ingat Yang Berhormat Kuantan pun bangkitkan juga dengan masalah treler-treler panjang yang pergi ke pelabuhan, menyebabkan banyak juga kawasan-kawasan ke pelabuhan itu rosak. Ini saya hendakkan kepastian sekiranya permit itu dibenarkan, apakah kaedah kajian kerajaan yang boleh menyebabkan sehingga 120,000 kilogram dalam muatan tersebut? Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kluang.

12.51 tgh.

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertama, saya hendak sentuh udara. Tadi sudah dengar banyak pandangan tentang KLIA2. Saya kata KLIA2 ini macam satu *shopping mall with an airport attached*. Tujuannya ia dibina lebih cenderung kepada bina *shopping mall* dan bukan untuk lapangan terbang.

Isu utama saya rasa ialah selain daripada isu keselamatan yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Sepang ialah isu macam untuk warga tua. Adakah ini *accessible* untuk warga tua? Saya minta kementerian ada pelan yang lebih baik untuk KLIA2 dan melibatkan Ahli-ahli Parlimen terutamanya tentang isu keselamatan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Sepang.

Saya juga rasa dalam KLIA2 ini kita faham satu hakikat yang mana kerana MAB bukan dikawal selia oleh Kementerian Pengangkutan, MAB di bawah Kementerian Kewangan. Saya

mintalah kerajaan ada cara yang baru, letakkan MAB termasuk syarikat MAB, pengurusan MAB, semuanya di bawah Kementerian Pengangkutan dan bukannya di bawah Kementerian Kewangan.

Isu kedua ialah MIROS. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri berikan jadual bilakah Rang Undang-undang Lembaga Keselamatan Pengangkutan Malaysia akan dibawa di Parlimen. Apakah proses sebelum *bill* atau Rang Undang-undang Lembaga Keselamatan Pengangkutan Malaysia dibawa?

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Yang Berhormat, sedikit. Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat.

Untuk mengelakkan Menteri Pengangkutan menjadi Menteri ‘tin kosong’, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Kluang. Bukan sahaja MAB diletakkan di bawah Kementerian Pengangkutan iaitu segala urusan yang berkenaan dengan pengangkutan awam dan juga SPAD, JPJ, sepatutnya dikembalikan kepada bidang kuasa Kementerian Pengangkutan, bukan di bawah Jabatan Perdana Menteri supaya Menteri Pengangkutan tidak menjadi Menteri ‘tin kosong’. Setuju kah Yang Berhormat Kluang?

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: Terima kasih Yang Berhormat Taiping. Saya bersetuju terutamanya SPAD. SPAD sepatutnya di bawah Kementerian Pengangkutan. Kita tidak harus ada satu Kementerian Pengangkutan yang tidak mengawal selia ataupun tidak mengendalikan isu pengangkutan awam. Ini macam menjadikan negara kita *laughing stock* di seluruh dunia. Ke mana-mana sahaja, bila sebut ‘pengangkutan’, yang paling penting ialah pengangkutan awam dan bukan pengangkutan *private car* atau peribadi.

So, bagi tajuk MIROS, saya minta jawapan ataupun jadual bila Rang Undang-undang Lembaga Keselamatan Pengangkutan Malaysia akan dibawa di Parlimen.

Saya juga minta kementerian menjawab apa yang telah dibuat ataupun dijalankan, apa dasar ataupun apa yang telah dijalankan ke atas laporan Genting. Kemalangan Genting sudah dua tahun tetapi sampai sekarang saya rasa cadangan-cadangan dalam laporan Genting yang dikemukakan oleh Tan Sri Lee Lam Thye ini pada bulan Februari 2014 belum lagi diuruskan terutamanya tentang PUSPAKOM.

PUSPAKOM ini masih buat apa yang dia suka hati tanpa *reform*, tanpa pembaharuan dan saya minta kita mesti ada saingen dalam PUSPAKOM. Kita tidak harus beri PUSPAKOM monopoli dan saya rasa ramai di sini akan bersetuju dengan saya bahawa PUSPAKOM tidak harus diberi monopoli. Akhirlah, sudah cukuplah 20 tahun sejak tahun 1994, kita harus akhirkan monopoli PUSPAKOM.

Saya hendak sebut tentang pengangkutan awam terutamanya tentang isu kereta api. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Lenggong tadi, cadangan Yang Berhormat Lenggong untuk mengadakan satu *loop* di kawasan dia. Saya rasa kita perlukan lebih banyak *loop* kereta api untuk menambah landasan kereta api kita. Kita sebenarnya tidak semestinya bergantung pada kereta sahaja. Lebih baik kita ada lebih banyak landasan kereta api di Semenanjung dan juga di Sabah dan Sarawak.

Saya tidak bersetuju dengan pembinaan *high speed rail*. Saya rasa *high speed rail* akan mengambil terlalu banyak sumber kewangan tetapi lebih baik kita banyakkan *loop* landasan kereta api supaya kita boleh jaga lebih banyak tempat dan kita buat landasan berkembar, *double tracking* di *main truck*.

Saya hendak sentuh Butiran 00900, Butiran 01400, Butiran 01600 iaitu pembangunan di bawah Projek KTMB. Bagaimanakah kerajaan berhasrat untuk membiayai pembinaan projek *double track* dari Gemas ke Johor Bahru yang tidak tersenarai dalam Bajet 2016 walaupun diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Bajet 2014? Bilakah akan siap Gemas ke Johor Bahru? Apakah cara pembiayaan? Adakah melalui PFI ataupun melalui cara lain?

Juga Kepala Pembangunan Butiran 60000 iaitu NKRA 4 - Pengangkutan Awam Bandar (UPT), yang dianggarkan pada tahun 2016 akan dibelanjakan sebanyak RM94 juta di seluruh Malaysia. Berapakah daripada jumlah ini akan diperuntukkan untuk kawasan-kawasan luar Lembah Klang terutamanya di kawasan saya Kluang ataupun Batu Pahat ataupun Segamat dan bandar-bandar di Johor seperti Muar juga?

So, saya minta kementerian senaraikan berapa peruntukan, walaupun saya rasa peruntukan RM94 juta ini terlalu kurang untuk mengadakan sistem bas yang sederhana, yang baik. Akan tetapi saya harap kementerian boleh jawab bahawa berapa daripada RM94 juta ini akan diperuntukkan kepada kawasan-kawasan luar Lembah Klang?

Butiran 080000 - Program Khusus - Perbadanan Aset Keretapi (PAK). Aset-aset kereta api ataupun KTMB di seluruh Semenanjung Malaysia dengan nilainya ialah melebihi RM10 bilion. Akan tetapi nampaknya untuk tahun ini, tidak ada apa-apa peruntukan.

Apakah yang difikirkan oleh kerajaan dan apa peranan PAK akan diberikan dalam tahun 2016 apabila peruntukannya ialah sifar, sifar untuk PAK pada tahun 2016? So saya minta kementerian menjawab, maklumkan Parlimen apakah peranan PAK untuk tahun yang akan datang. Saya rasa aset-aset ini sekurang-kurangnya RM10 bilion ini dan saya dimaklumkan mungkin lebih daripada RM10 bilion...

Tuan Penggerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, boleh habiskan Yang Berhormat.

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: Perlulah diberikan penumpuan yang lebih penting. Akhirnya, Butiran 080400 – Subsidi Tren Tidak Ekonomik. Peruntukan dipotong daripada RM50 juta ke RM25 juta pada tahun 2016. Potongan itu sebanyak 50%.

Apakah implikasi terhadap syarikat KTMB dan penumpang? Secara khususnya saya minta Yang Berhormat Menteri jelaskan sektor perkhidmatan KTMB terutamanya di Pantai Timur dan juga di Selatan. Apakah kesannya apabila subsidi tren tidak ekonomik ini dipotong melebihi 50%? Apakah kesannya kepada Pantai Timur dan juga di Selatan? Terima kasih.

Tuan Penggerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, terima kasih Yang Berhormat. Ramai lagikah? Oh, ramai lagi. Biarlah Speaker yang selanjutnya yang akan panggil pembahas ya. *[Ketawa]*

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) mempengerusikan Mesyuarat]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan ini kita tangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari]

■1430

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Jawatankuasa]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Masih lagi Kementerian Pengangkutan ya? Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab pada pukul 3 petang. Sebab satu jam setengah sudah kita berikan masa. Kalau saya beri lagi 30 minit, dua jam. Yang Berhormat Timbalan Menteri, pukul 3 petang hingga 4 petang menjawab ya. Satu jam, cukup? Yang Berhormat Timbalan Menteri... ya. Lima minit, ringkas, ringkas sahaja. Tadi Yang Berhormat Kluang ya? Last sekali, Yang Berhormat Kluang?

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya. Yang Berhormat Simpang Renggam. Ringkas ya.

2.33 ptg.

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sangat ringkas.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Tidak sampai lima minit pun. Saya ingin menyentuh Butiran 00900 – Projek KTMB. Tuan Pengerusi, saya lihat KTMB ini sangat menyusahkan penduduk di kawasan Layang-layang kerana sudah tujuh tahun saya menjadi wakil rakyat di situ dan hampir setiap tahun saya menghadapi masalah yang mana KTMB suka menukar jadual tren mereka. Ini kerana di kawasan Layang-Layang, ramai yang bekerja di Singapura dan kereta api adalah merupakan salah satu pengangkutan yang paling mudah bagi mereka.

Baru-baru ini juga saya menerima aduan daripada penduduk Layang-Layang dan mereka mengharapkan sangat supaya tren nombor 26 yang bermula dari Gemas dan menghala ke Johor Bahru dapat berhenti di Layang-Layang supaya mereka dapat menggunakan tren yang

pada masa itu untuk pergi ke Singapura. Kalau tidak dapat dijadikan setiap hari, paling tidak pun pada hari Jumaat, Sabtu ataupun Ahad, ditambah juga pada pukul 8.30 malam ataupun pukul 9.00 malam yang bertolak dari Johor Bahru.

Saya pohon kementerian supaya melihat perkara ini dengan serius dan bagi menyenangkan lagi penduduk di Layang-Layang. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Pokok Sena juga lima minit.

2.35 ptg.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih. Dia tidak habis lagi transfer pada saya.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Pengerusi. B.28 - Kementerian Pengangkutan, Butiran 060000, Butiran 060200 dan Butiran 060500. Saya hendak menyebut satu perkara yang berkaitan dengan pelaksanaan AES yang sekarang ini telah pun daripada segi operasinya telah bertukar tangan, yang asalnya daripada kerajaan telah pun memutuskan dalam sidang yang lalu untuk diberikan kepada sebuah syarikat yang dimiliki oleh Perbadanan Menteri Kewangan iaitu AES Solutions.

Akan tetapi saya telah pun dimaklumkan oleh Timbalan Menteri dalam penggulungan Kementerian Kewangan, ia telah pun AES Solutions itu sudah menjadi syarikat domain dan ia tidak lagi mengambil alih pelaksanaan operasi tersebut daripada Beta Tegap dan ATES Sdn. Bhd. Akan tetapi telah pun diambil alih oleh Irat Properties. Kemudian Irat Properties ini pula telah pun menjual dan diambil alih oleh LTAT dan Boustead yang mana Boustead juga ada syer daripada LTAT.

Jadi, saya hendak mendapatkan penjelasan daripada pihak kerajaan. Pertama sekali, tentang apakah bentuk model kewangan? Apakah model kewangan itu masih memakai model kewangan antara kerajaan dengan Beta Tegap dan ATES ataupun satu perjanjian ataupun model baru kewangan yang telah pun dimuktamadkan?

Keduanya, saya hendak minta ialah dalam jawapan yang diberikan kepada Yang Berhormat Sepang dalam tahun 2013 dan kemudian jawapan yang diberikan kepada Yang Berhormat Shah Alam berkaitan dengan AES ini, saya ingin menimbulkan satu perkara iaitu tentang bagaimana peningkatan pembayaran kepada Beta Tegap dan ATES ini sebelum diambil alih iaitu bayaran pada tahun 2013 adalah sebanyak RM13,550,000 dan sebagainya, kemudian meningkat kepada RM60 juta pada bulan Ogos 2015. Jadi macam mana peningkatan itu terlalu tinggi dan saya fikir adalah tidak wajar kita membayar dengan jumlah yang begitu besar kepada mereka dalam tempoh hanya untuk setahun itu dan meningkat sampai RM60 juta.

Kemudian juga perkara yang saya hendak dapatkan penjelasan daripada pihak kerajaan ialah berkaitan dengan AES ini. Maknanya tidak pun dapat menyelesaikan, nampaknya tidak dapat menyelesaikan masalah orang melanggar undang-undang jalan raya ini. Ini dapat dilihat

bagaimana dalam bulan September 2012 hingga 11 Jun 2013, sebanyak 673,330 saman dikeluarkan. Akan tetapi, sehingga ke 30 September, meningkat sebanyak 2,144,000. Maknanya 2.1 juta meningkat. Maknanya, AES ini tidak menyelesaikan masalah, menunjukkan bahawa AES ini tidak menyelesaikan masalah. Jadi, rasional apakah lagi yang saya persoalkan ialah untuk kita hendak meneruskan AES. Nampaknya macam rasionalnya ialah hanya sekadar untuk memberikan keuntungan kepada syarikat pengendali.

Ini diakui oleh Tan Sri Lordin Wok Kamaruddin iaitu Ketua Eksekutif kepada Boustead pada 6 Mac semasa mengumumkan pengambilalihan 50% pegangan Irat Properties Sdn.Bhd. Beliau menyatakan bahawa, “*Untuk membangunkan aliran perniagaan...*”, maknanya pengambilalihan ini, maknanya keterlibatan LTAT dan juga Boustead dalam mengambil alih pengendalian operasi AES ini, “*...kerana ia adalah bertujuan untuk membangunkan aliran perniagaan dan membina peluang sinergi. Memperoleh pegangan dalam AES adalah proses semula jadi bagi kumpulan-kumpulan Boustead ini memacu pertumbuhannya, kerana AES adalah sistem yang berjaya di pelbagai negara seluruh dunia dan ia adalah sistem yang terbukti menjanakan hasil yang ketara*”.

■1440

Maknanya AES ini sebenarnya, ia hanya sekadar untuk menjana hasil kepada pengendali dan juga kepada kerajaan. Bukannya untuk hendak mengurangkan pelanggaran pengguna jalan raya- melanggar undang-undang dan menyebabkan kemalangan dan sebagainya. Ini kerana- saya argue tadi bahawa jumlah itu meningkat walaupun sudah dilaksanakan operasi tersebut. Jadi saya minta penjelasan, dan adakah kerajaan tidak berhasrat untuk hendak membatalkan semua saman yang sebelum ini, yang sebelum daripada pengambilalihan- kepada Boustead dan juga LTAT ini. Ini kerana perjanjian itu sudah tentulah terbatal, perjanjian semasa pelaksanaan di bawah Beta Tegap dan juga ATES Sdn. Bhd. itu sudah terbatal. Jadi saman-saman yang semasa itu sewajarnya dibatalkan apatah lagi sehingga sekarang, AG masih belum ada penyelesaian kepada masalah teknikal undang-undang. Oleh sebab itu penguatkuasaan dari sudut pelaksanaan mahkamah, perbicaraan ini, tergantung. Sampai sekarang tidak dapat hendak dilaksanakan.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, itu orang Kuala Krau kalau tidak silap saya, mai hendak jumpa...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Pokok Sena sudah jumpa orang Kuala Krai ya?

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Jumpa tadi depa kata dok tunggu ...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Akan tetapi dia orang tidak akan masuk Amanah atau PAS. Saya tidak tahuolah sama ada Yang Berhormat Pokok Sena ini Amanah, atau PAS ini?

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya PAS yang beramanah [*Ketawa*] PAS mesti beramanah, kan? Maknanya, kita mana boleh tidak beramanah...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, ya teruskan.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Perjuangan kita mesti beramanah
[Ketawa]

Okey akhir sekali saya hendak bangkitkan berkaitan dengan cermin gelap iaitu kerajaan telah pun mengatakan bahawa pelaksanaannya akan dibuat pada 1 Mei 2015 selepas daripada satu taklimat yang telah diberikan kepada pelbagai pihak dan untuk mendapat maklum balas dan sebagainya. Cuma saya hendak tahu bahawa apakah pelaksanaan itu telah pun dilakukan? Apakah peraturan itu sudah digazet? Ini kerana ikut peguam saya, dia cek masih belum digazet, itu satu.

Kedua ialah berkaitan dengan cermin gelap ini. Macam mana penentuan nanti sebab saya difahamkan dalam ujian, satu ujian dibuat antara alat pengukuran gelap-terang ini, antara polis dengan JPJ ini berlainan, alat yang berlainan. Dan penemuan juga penemuan itu berlainan, penemuan daripada segi gelap-terang ini berlainan bila uji kaji itu dibuat. Jadi macam mana pelaksanaan nanti itu? Katalah Tuan Pengerusi memandu kereta- JPJ tahan. Tiba-tiba JPJ terlepas buat. Depan itu polis tahan. Polis pula nampak gelap, jadi aniyalah, kes aniyaya. Jadi maknanya tidak ada satu penentuan daripada segi perkiraan sebenarnya. Jadi ini yang harus dilakukan.

Jadi saya tidak hendak sentuh bab kereta api, kereta api itu Yang Berhormat Lenggong meminta. Kemudian lapangan terbang pun dia meminta supaya Gerik dengan Lenggong itu sambung. Ekor duduk di Lenggong kepala kapal terbang itu duduk di Gerik sebab dia kata tidak cukup tanah di Gerik hendak buat lapangan terbang, betul tidak? Jadi hendak perbesar dengan sambung sampai ke Lenggong- jadi ekor di Lenggong...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Pokok Sena, cukuplah.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: ...Cuma masalah kereta api tadi Langkawi tengah dok cari jalan, Ekspres Langkawi tidak sampai Langkawi sampai Arau sahaja. Jadi terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Tenom. Ringkas sahaja.

2.44 ptg.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Ringkas sahaja Tuan Pengerusi. Ini Yang Berhormat Pokok Sena ini betul-betul kereta api. Saya ingin menyentuh P.28, Butiran 01400 – Projek pembaikan kereta api negeri Sabah.

Tuan Pengerusi dalam buku anggaran telah menunjukkan sejumlah RM99,500,000, dan akan dibelanjakan pada tahun hadapan RM42,275,000. Saya ingin mengambil perhatian Dewan yang mulia ini, projek kereta api sebenarnya Parlimen Tenom ialah perhentian yang terakhir di negeri Sabah. Saya dapati memang telah ada kerja-kerja pembaikan dan juga naik taraf. Cuma yang saya ingin ambil perhatian kepada pihak kementerian, kepada Yang Berhormat Menteri, dalam sejumlah wang yang dibelanjakan ini, adakah juga perbelanjaan ini selain daripada

penambahbaikan landasan? Adakah juga ia melibatkan naik taraf lokomotif ataupun gerabak-gerabak yang saya lihat pengguna-pengguna di kawasan saya seperti di Pangie, 'Alur Gilap' dan juga Rayu, masih lagi saya lihat gerabak-gerabak yang digunakan itu terlalu usang, tidak mempunyai keselesaan, terlalu panas. Jadi saya minta perhatian daripada pihak kementerian supaya melihat...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: *[Bangun]*

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Sekejap, supaya melihat keselesaan itu juga amat penting kepada para pengguna kereta api. Ya Yang Berhormat Putatan memang ada kereta api.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Kalau kereta api negeri Sabah Tuan Pengerusi, mulai dari kawasan Putatan, ia sampai kawasan Tenom.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya tidak jemput lagi Yang Berhormat Putatan berucap.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Saya minta jemput.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Okey terima kasih, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Putatan kata hendak jadi Ahli Dewan yang baik.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Baiklah ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: *Mr. Parliament*, baik lah ini.

Apabila Yang Berhormat Tenom menyentuh soal kereta api ini, saya terpanggil kerana di Rayu, Stesen Rayu ini sering mendapat banjir, tanah runtuh dan ada dua tiga kali sudah gerabak tergelincir. Jadi soal pemberian RM4 juta ini saya rasa tidak mencukupi Yang Berhormat. Saya mintalah Yang Berhormat ini peruntukan yang sebanyak-banyaknya untuk menaiktarafkan aras landasan kereta api itu yang sebelah Pangie itu amat sempit, satu dan selalu mengalami banjir terutama di kawasan Beaufort dan kawasan Papar, Kimanis, landasan selalu kena banjir. Jadi minta Yang Berhormat Tenom minta kementerian.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Ya terima kasih Yang Berhormat Putatan. Apa yang dipohon Yang Berhormat Putatan itu saya panjangkan kepada pihak Menteri untuk memberi ulasan nanti.

Apa yang saya lihat hari ini Tuan Pengerusi perkhidmatan kereta api di negeri Sabah juga merupakan satu perkhidmatan yang penting. Kalau dilihat dalam jangka masa panjang daripada kerajaan negeri pun ada mencadangkan supaya Tenom dijadikan sebagai pusat pelabuhan darat. Di mana kereta api ini akan dijadikan tempat salah satu pengangkutan yang boleh membawa barang-barang yang lebih berat sampai ke pelabuhan. Jadi saya juga harap, selain daripada penaik taraf perkhidmatan, landasan kereta api ini saya harap juga lokomotif, gerabak, keselesaan pengguna perlu juga diberi perhatian.

Kita tidak mahu ada pihak-pihak yang cuba memanipulasikan keadaan kereta api ini. Saya fikir rakan sebelah sana, pernah satu ketika datang cuba untuk memburukkan, di mana dikatakan kerajaan tidak pernah berusaha untuk menaikkan kereta api. Akan tetapi saya lihat daripada bajet ini, projek pembaikan kereta api, saya percaya dengan jumlah peruntukan yang begitu besar, saya harap perkara yang tadi, yang saya nyatakan tadi perlu diberi perhatian. Kita mahu tahu sejumlah peruntukan yang telah diluluskan ini, apakah kerja-kerja yang sedang dilaksanakan ini? Adakah ia penyambungan daripada kerja-kerja yang dahulu ataupun kerja-kerja yang baru? Jadi Tuan Pengerusi saya mohon penjelasan daripada pihak kementerian. Terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Batu ada kereta api. Ya sila, sila, sila.

2.49 ptg.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Untuk makluman Batu, Sentul terletak di Batu, dan semua kereta api berpunca dari Batu.

Saya hendak terus ke tajuk 40000, dan 41000 iaitu pengangkutan dan kawalan pengangkutan trafik utara. Isu yang saya mahu bangkit telah ada disentuh oleh Ahli-ahli yang lain tetapi saya hendak dapatkan penjelasan daripada kerajaan terutama Menteri Pengangkutan. Apakah pendirian kita selepas lebih setahun kita menyiasat tentang penembakan terhadap MH17? Pihak Amerika Syarikat dan Eropah telah menuduh Rusia sebagai dalang terhadap tembakan ini.

■1450

Akan tetapi, saya tidak tahu apa pendirian kerajaan selepas kita menyertai siasatan, dengan izin *Dutch Safety Board* yang telah umumkan keputusan siasatannya dalam empat jilid pada 13 Oktober 2015. Saya juga ingin dapat penjelasan daripada kementerian, apa pendirian kerajaan terhadap siasatan ini. Saya baca dalam satu artikel yang telah sedikit sebanyak sentuh dengan isu siasatan ini. Apa yang agak mengejutkan saya ialah ia telah menyatakan bahawa Malaysia, okey. Saya ingin baca isi kandungan daripada laporan itu yang menyatakan Malaysia tidak bekerjasama dengan erat dalam perkara ini. Saya petik daripada satu petikan, “*From the start of the investigation, it proved to be more complicated to organize interviews with the employees of the Malaysian Government and the airline in Kuala Lumpur. The same applied to obtaining the document investigators requested from them.*”

Selepas itu menyatakan, “*the cooperation was temporarily suspended by the order of the airline’s headquarters.*” Ini telah menjadikan kesulitan mereka untuk teruskan siasatan. Mereka juga menyatakan, “*The investigation into the flight route and causes the crash in particularly were hindered by the fact that this information from Malaysia had not been available for a long time.*” Tajuk yang sebagai kesimpulannya telah menyatakan ialah Malaysia dalam bahasa Inggeris *hinder the investigation of the investigation.* So, saya ingin mendapat tahu apa tuduhan daripada

Dutch Safety Board ini benar atau tidak. Kalau itu benar, ini adalah satu tuduhan yang sangat serius. Kalau itu tidak benar, saya ingin mendapat penjelasan daripada kerajaan.

Pada masa yang sama, saya sentuh sedikit sahaja MH370, selepas kita telah mengesahkan bahawa serpihan daripada unit *Reunion Island* itu sah daripada MH370, apa tindakan selanjutnya oleh kerajaan? Apakah bajet kita yang telah diperuntukkan untuk teruskan siasatan? Adakah kita bergantung sepenuhnya daripada kerajaan asing seperti Australia dan China untuk teruskan siasatan?

Saya terus pergi ke Kereta api, Butiran 00800. Saya ingin sentuh juga banyak aduan daripada penumpang dan pengguna yang menyatakan kenaikan tambang kereta api sungguhpun dia bukan sebahagian daripada tugas kementerian tetapi mereka telah banyak komplain tentang kualiti servis dan juga cara sistem *ticketing* yang sangat tidak memuaskan. Saya nampak dan di bawah tajuk Projek Membalikpulih dan Meningkatkan Keupayaan KTM. Ini patut dibincangkan juga oleh kementerian.

Seterusnya ini saya ingin sentuh sedikit sebanyak ada kena mengena dengan dasar. Akan tetapi dalam objektif yang saya nampak dalam kementerian ini telah menyatakan;

- (i) menyediakan rangkaian prasarana pengangkutan bersepadu; dan
- (ii) menyediakan sistem pengangkutan berteknologi tinggi; dan lain-lain.

Kalau ikut objektif ini yang ingin dicapai oleh kementerian, saya nampak bagaimana ini boleh dibuat kalau SPAD telah mengambil alih kebanyakan daripada kerja-kerja pemantauan, pengurusan dan *regulative mechanism* yang telah diambil alih oleh SPAD. Saya juga nampak dalam aktiviti telah menyatakan berkali-kali pada tahun 2015 ada 15 memo dan kertas dasar telah diluluskan dan dikemukakan dalam Kabinet. Tahun 2016, anggaran ada 14 lagi akan dikemukakan. Saya ingin cadangkan sama ada kementerian boleh meminta semula bahawa SPAD...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ringkaskan.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Ya. SPAD dibawa balik kepada Kementerian Pengangkutan. Tambahan juga yang menurut Kepala 080110, kita baru sahaja habis ASEAN *Summit* yang kita telah lihat pengumuman ASEAN *Community* di mana sudah tentu kementerian boleh mengesahkan. Kebanyakan perbincangan atau *meeting* yang berkaitan dengan pengangkutan yang diwakili oleh Kementerian Pengangkutan tetapi kementerian kita tidak mempunyai kuasa dalam isu pengangkutan darat. Ini tidak akan selaras dengan ASEAN *Community* yang kita tujukan.

Saya harap kementerian menimbang semula dalam konteks juga banyak masalah yang telah dibawa dalam isu teksi, pengangkutan, KTM dan lain-lain lagi. So, oleh itu saya harus dasar ini dapat dibincangkan dan dikemukakan untuk diperbetulkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya. Selepas Yang Berhormat Tanah Merah, Menteri menjawab. Manakala yang lain boleh mencelah. Ya, Yang Berhormat Tanah Merah.

2.57 ptg.

Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya tidak pasti tetapi saya rasa ini Butiran 050000 – Pengangkutan Udara iaitu pembesaran lapangan terbang. Isu dalam RMKe-11, Yang Amat Berhormat Pekan ada *mention* Kelantan akan dapat pembesaran Lapangan Terbang Pangkalan Chepa. Saya hendak tahu bila dijangka akan dibina? Bila dibina? Berapa besar? Ini kerana saya mengharapkan kerana kita tahu majoriti penduduk Kelantan adalah orang Melayu beragama Islam, setiap tahun mereka menunaikan ibadat haji. Jadi saya mohon lapangan terbang ini kalau boleh mestilah mampu bawa jemaah haji terus ke Jeddah. Ini kerana sekarang ini kebanyakannya jemaah haji dari Kelantan sama ada pergi ke Kelana Jaya ataupun ke Terengganu.

Saya juga ingin menyentuh Butiran 070000 – Keselamatan Jalan Raya. Baru-baru ini Yang Berhormat Menteri telah menyatakan kadar kemalangan jalan raya di negara ini amat serius apabila mencatatkan kemalangan ke-20 tertinggi dunia daripada 160 negara. Daripada 160 negara, kita yang ke-20 tertinggi. Faktor kelajuan kendaraan menjadi penyumbang utama kadar kemalangan di negara kita.

Mengikut statistik yang dinyatakan, jumlah kemalangan jalan raya tahun ini mencatat 361,408 kes dengan 4,940 kes kemalangan maut. Daripada jumlah kemalangan maut, 60% mangsa terdiri daripada penunggang motosikal. Dalam soal ini, saya sama sekalilah tidak menyalahkan pihak berkuasa seperti JPJ dan pihak polis. Ini memandangkan kita tahu kedua-dua pihak ini sudah melakukan segala usaha bagi membendung agar jalan raya atau lebuh raya negara ini tidak menjadi lembah maut. Akan tetapi persoalannya, apakah kita harus membiarkan keadaan ini berterusan. Sampai bila kita harus dipaparkan dengan berita tragedi demi tragedi yang cukup menyayat hati.

Oleh itu saya berpendapat sudah tiba masanya kerajaan mengkaji semula segala peruntukan berhubung keselamatan jalan raya. Ini termasuklah meningkatkan kadar saman kepada pesalah-pesalah lalu lintas. Dalam soal ini, saya rasa tidak harus ada kompromi lagi. Mereka yang didapati bersalah perlu dikenakan hukuman denda yang lebih berat. Jika sebelum ini memang saya tahu ini tidak popular, kalau kita kenakan denda berat, satu pihak akan mengatakan seolah-olah kerajaan tak ada duit. Kerajaan hendak cari duit. Akan tetapi kita harus ambil langkah yang lebih tegas untuk membendung masalah ini daripada berterusan.

Jika sebelum ini denda maksimum RM300 dikenakan, mungkin boleh dipertimbangkan ditingkatkan kepada RM500 bagi satu kesalahan serius seperti menggunakan *hand phone*, memandu laju, memotong di garisan berkembar dan menggunakan lorong kecemasan di lebuh raya tanpa alasan yang kukuh.

■1500

Saya mengemukakan cadangan ini kerana mendapati kesalahan-kesalahan tersebut menjadi penyumbang utama kepada kemalangan jalan raya. Contoh, di Kelantan dan Terengganu, banyak kemalangan berlaku seperti LPT2 berkaitan dengan sikap pemandu yang

memandu laju manakala di jalan raya-jalan raya persekutuan pula terdapat kenderaan yang memotong di garisan berkembar sehingga mengakibatkan kemalangan berlaku.

Atas sebab itulah dalam berhadapan dengan pesalah-pesalah trafik seumpama ini, pihak berkuasa khususnya pasukan polis trafik tidak harus lagi mengamalkan sikap murah hati dengan memberi diskauan kepada pesalah yang liat membayar saman. Tindakan seumpama itu tidak akan memberi pengajaran, sebaliknya denda maksimum yang dikenakan perlu dikekalkan.

Berkaitan dengan penunggang motosikal pula, terdapat kemalangan melibatkan mat-mat rempit. Demi keselamatan pengguna jalan raya, saya menggesa pihak berkuasa melaksanakan operasi besar-besaran bagi menghapuskan golongan ini. Ia memandangkan mereka ini boleh mengancam keselamatan pengguna jalan raya yang lain.

Keberanian tidak bertempat hanya mengundangkan padah. Kelompok seumpama ini tidak boleh dibiarkan bermaharajalela. Oleh itu adalah wajar jika kementerian mengkaji peruntukan undang-undang yang sedia ada bagi mengenakan hukuman lebih berat kepada mat rempit-mat rempat ini. Tuan Pengerusi, saya juga ingin mencadangkan Kementerian Pengangkutan menjalankan kempen jalan raya lebih agresif di kawasan-kawasan luar bandar bagi mewujudkan kesedaran dalam kalangan pengguna jalan raya, betapa pentingnya mereka menghormati setiap undang-undang jalan raya. Ini memandangkan tahap kesedaran dalam kalangan pengguna jalan raya di kawasan luar bandar masih rendah. Mereka masih membenarkan anak-anak mereka yang di bawah umur menunggang motosikal tanpa lesen.

Oleh sebab itulah, kita saksikan bagaimana sering berlaku kemalangan maut di kawasan luar bandar melibatkan penunggang motosikal di bawah umur. Jadi, akhir sekali saya ingin menggesalah Kementerian Pengangkutan melaksanakan apa juga langkah bagi membendung kemalangan jalan raya di negara kita biar pun ajal maut di tangan Allah, namun sebagai manusia, kita harus mengubah nasib kita sendiri. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila Yang Berhormat Menteri.

3.02 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]: Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh. Saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi bagi memberi peluang untuk saya menjawab dan seterusnya respons daripada Ahli-ahli Yang Berhormat seramai 17 Ahli-ahli Parlimen yang terlibat dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2016. Mengenai yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Permatang Pauh mengenai isu status MH370 dan MH17.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Menteri, saya memberi cadangan, terpulang kepada Yang Berhormat Menteri, mana-mana Ahli yang tidak ada dalam Dewan, jawapan bertulis.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Okey, dan dalam perkara ini juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Rantau Panjang, Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Batu berkaitan dengan MH370 dan MH17. Untuk makluman Tuan Pengerusi, pencarian masih diteruskan dan kos yang dibelanjakan oleh kerajaan adalah RM231.45 juta sehingga Oktober 2015. Seterusnya mengenai laporan daripada *Dutch Safety Board*.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Laporan *Dutch Safety Board* yang dikeluarkan pada 13 Oktober bertujuan mengenal pasti punca nahas pesawat MH17, di samping membuat syor-syor teknikal dan memastikan nahas sedemikian tidak berulang. Laporan tersebut tidak bertujuan untuk menentukan pihak yang bertanggungjawab menembak jatuh pesawat MH17.

Tindakan yang akan diambil untuk membawa mereka yang bertanggungjawab menembak MH17 ke muka pengadilan akan ditentukan dan dilaksanakan oleh *Joint Investigation Team* (JIT) yang diterajui oleh Belanda dan disertai oleh Australia, Belgium, Malaysia, Ukraine dan sehingga selesai. Laporan terkini tetapi saya sebelum itu saya ingin menyentuh apa yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat Batu mengenai tidak memberi kerjasama.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pada awalnya, Malaysia tidak dilantik secara keseluruhan dalam Jawatankuasa JIT ini. Maka sebab itu kita telah memberi satu *indication* bahawa kita tidak diberi kerjasama sepenuhnya. Oleh itu, kita memberi respons tidak memberi kerjasama sehingga kita dilantik sepenuhnya dalam JIT. Jadi akhirnya, Malaysia dilantik sebagai ahli penuh JIT dan kita telah memberi kerjasama penuh dalam siasatan tersebut.

Seterusnya untuk makluman, siasatan terbahagi kepada dua bahagian, siasatan dari segi keselamatan seperti saya sebutkan dan kedua, adalah daripada segi jenayah.

Siasatan teknikal telah selesai dan sekarang yang belum selesai ialah siasatan jenayah dan daripada ini kita telah mengenal pasti empat pelan alternatif pendakwaan:

- (i) pendakwaan nasional;
- (ii) tribunal yang diwujudkan melalui *treaty* antarabangsa;
- (iii) Mahkamah Jenayah Antarabangsa ataupun *International Criminal Court*; dan
- (iv) model pendakwaan lain seperti local B, *War Crime Chambers, of the Court of Bosnia and Herzegovina* dan Hybrid dan kedua-duanya.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Batu bangun. Ya, sila.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin dapat balasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa adakah kita berusaha untuk membetulkan persepsi yang salah ini sebab dalam laporan itu ia menyatakan, *in concludes, while the case of lack of information cause the Dust Safety Board to be unable to draw conclusion on*

the specific aspect of the investigation. Selepas itu dia telah menuduh bahawa Malaysia, *the report also found that Malaysian Airlines comply with legal obligation on the contradicting international flight but had not made additional effort to look at the situation of danger over eastern Ukraine during the war publish conflict.*

Ini telah menunjukkan bahawa siasatan ini sungguhpun dapat kita menyertai sepenuhnya telah tidak berlaku adil kepada pihak Malaysia. Adakah Malaysia ada apa-apa usaha untuk kita memperbetulkan ini dan juga saya ingin saya dapat tahu, kerajaan dari awal harus ada pendirian siapa yang bertanggungjawab bila kita hendak sebut hendak bawa ke *War Crime Tribunal*, hendak bawa ke PBB atau apa-apa tindakan selanjutnya.

Sekurang-kurangnya, secara amnya, apakah, apa pendirian kerajaan? Siapa yang bertanggungjawab? Ukraine yang sebagai negara yang berdaulat tidak memberi maklumat yang penuh kepada Malaysia atau Rusia yang di belakang gorila-gorila yang telah berperang untuk mendapatkan kemerdekaan daripada Ukraine. Siapa yang sebenarnya bertanggungjawab dari pendirian Kerajaan Malaysia?

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Pengurus, sebenarnya untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat telah diadakan pada 21 dan 22 September 2015 yang baru lepas di Canberra, Australia. Antara lain, telah bersetuju kepada perkara-perkara berikut, pertama, supaya alternatif pendakwaan selain daripada pendakwaan nasional dan tribunal yang diwujudkan melalui triti antarabangsa tidak akan dipertimbangkan. Bagi pendakwaan nasional, pihak Ukraine akan menyediakan konsep *paper* sebelum atau pada 23 Oktober 2015 untuk digunakan sebagai perbincangan selanjutnya;

■1510

Bagi tribunal yang diwujudkan melalui triti antarabangsa, pihak Belanda akan menyediakan *concept paper* juga sebelum 23 Oktober 2015 bertujuan untuk mengenal pasti elemen utama bagi draf triti supaya memudahkan usaha mendraf triti tersebut dan seterusnya mesyuarat turut mengesyorkan kepada kerajaan masing-masing supaya sentiasa memberi komitmen untuk bekerjasama bagi memastikan pihak yang bertanggungjawab menembak jatuh MH17 ke muka pengadilan selaras dengan Resolusi Majlis Keselamatan 2166.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *[Bangun]*

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Jadi ini adalah yang terkinilah.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Sedikit. Terima kasih atas maklumat itu. Ukraine dengan pihak Belanda telah menyatakan pendirian mereka bahawa Rusia bertanggungjawab. Kertas kerja itu telah disediakan daripada segi mempertanggungjawabkan Rusia terhadap insiden ini.

Apa yang kita hendak tahu ialah apa pendirian kerajaan sama ada kita setuju dengan pandangan negara-negara barat iaitu Rusia yang bertanggungjawab dan kita akan ambil tindakan selanjutnya dalam pendakwaan ini? Kalau kita setuju bahawa Rusia yang bertanggungjawab, adakah kita, selain daripada ambil tindakan undang-undang, kita harus juga mengambil pendekatan diplomatik untuk memberi amaran atau sesetengah tindakan yang telah

menunjukkan kerajaan tidak bertolak ansur atas keselamatan rakyat kita dan juga keselamatan aset kita?

Saya tidak mahu dituduh, banyak surat khabar di barat telah menyatakan Malaysia *being soft on this* dengan izin, oleh sebab *we enjoyed 22 percent boost in bilateral trade with Russia reaching a record high of USD4 billion revenue* ini menyebabkan Malaysia ini tidak berani untuk menyatakan pendirian. Adakah ini sebahagian daripada pertimbangan kita? Tuan Pengerusi, terima kasih.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Pengerusi, seperti saya sebutkan tadi, kita telah ada satu konklusi, rumusan yang kita mesyuaratkan di Canberra, Australia yang seperti saya sebutkan tadi. Jadi ini bergantung kepada *concept paper* yang akan diputuskan oleh pihak negara Ukraine dan juga oleh pihak Belanda yang akan menyediakan *concept paper* yang baru. Jadi kita akan mengikut seperti keputusan yang telah diputuskan di Canberra pada 22 September.

Seterusnya mengenai keselamatan. Yang Berhormat Sepang bertanya adakah laporan keselamatan KLIA2 sudah siap? Laporan KLIA memang sudah siap dan telah dibentangkan kepada Kabinet dan ini adalah keputusan Kabinet untuk menentukan selanjutnya.

Seterusnya mengenai masalah paip bocor.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Ini hendak tanya sedikit, Yang Berhormat Menteri. Ada tak berkemungkinan untuk *finding itu dishare* kepada Ahli-ahli Parlimen? Sebab, ini adalah melibatkan kepentingan orang ramai. Jadi kalau kita dapat tahu *finding itu*, penyiasatan itu, adalah bagus untuk kita dapat maklumat secara langsung daripada pihak itu. Jadi saya harap Menteri mungkin boleh pertimbangkan semula untuk maklumat itu diberi kepada semua Ahli Parlimen. Terima kasih.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Terima kasih. Mengenai laporan keselamatan, saya ingin memaklumkan...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Menteri tidak jawab pun.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: *[Bangun]*

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Ya mengenai laporan keselamatan itu, saya akan merujuk kepada pihak Kabinet untuk mempertimbangkan permohonan daripada Yang Berhormat Sepang.

Seterusnya saya ingin memaklumkan bahawa operasi keselamatan lapangan terbang merupakan keutamaan Malaysia Airport. Sebelum pembukaan KLIA untuk operasi komersial, KLIA telah menerima beberapa pensijilan keselamatan dan penilaian seperti CCC iaitu *Certificate of Completion and Compliance* untuk bangunan terminal pada 17 April 2014 yang mengesahkan terminal selamat untuk beroperasi. Seterusnya, perakuan ...

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Putatan dan Yang Berhormat Stampin. Mana satu Yang Berhormat?

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Yang Berhormat Putatan.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila Yang Berhormat Putatan.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sekarang saya ikut peraturan.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya sila, sila.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Saya tertarik dengan...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Nanti orang Kuala Krau tengok Yang Berhormat Putatan baik.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: ...Jawapan Menteri soal keselamatan ini. Tahniahlah kepada pihak kementerian kerana keselamatan lapangan kapal terbang kita adalah antara yang terbaik di dunia ini.

Satu perkara yang Menteri sendiri pernah menjawab apabila sahabat saya Yang Berhormat Kinabatangan dahulu menyentuh soal keselamatan penumpang-penumpang yang masuk dalam- apabila dia naik kapal terbang atau pesawat, pegawai keselamatan di bawah MAB ini sering meraba-raba, orang Sabah bilang meramas-ramas Ahli Parlimen dari Sabah ini. Dalam satu minggu tidak kurang daripada dua kali kena pegang bontot, kena pegang bawah, macam-macam.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Putatan, isu meraba-raba ini sudah dibawa hari itu.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Jadi jawapan Menteri itu untuk memberi ruang untuk benda-benda letupan yang boleh dipegang.

Tuan Pengerusi, saya pernah melalui *airport-airport* antarabangsa, tidak pernahlah pegawai keselamatan sedang meraba-raba ini. Hanya negara kita sahaja yang tangannya betul macam *magic*, dia boleh sentuh mana benda letupan ini. Kasihan betul. Jadi kalau inilah... *[Disampuk]* Ahli Parlimen, bayangkan, terutama dari Sabah dan Sarawak, setiap minggu kena raba. Ya Menteri, itu jawapan Menteri tahu, mahu Ahli Parlimen ini seolah-olah membawa bahan-bahan letupan.

Tidak bolehkah butiran ini dalam R&D supaya mesin pengimbas itu dibuat? Di Amerika pun mesin pengimbas sahaja. Tidak ada raba-raba, tidak ada meramas. Di Malaysia sahaja ini suka betul meramas. Buka tali pinggang pun tidak mengapalah, tetapi ini pegang-pegang bontot, macam mana ini? Dalam seminggu berapa kali kami kena raba, Ahli Parlimen daripada Sabah dan Sarawak ini. Ya, Ahli Parlimen dari sini yang selalu pergi Sabah dan Sarawak pun kena raba juga.

Jawapan Menteri itu untuk bahan letupan itu boleh- tangan itu macam *magic*, boleh tahu mana bahan itu diletakkan. Kasihan betul.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Kena ambil perhatian itu. Yang Berhormat Putatan tidak tahan kena raba. *[Ketawa]*

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Tak boleh beli mesin pengimbas? Boleh jawab Menteri? Jangan jawab yang tangan ini *magic* boleh dapat bahan letupan.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Stampin.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat. Bersama juga dengan Yang Berhormat Putatan ini, saya pun tertarik dengan laporan keselamatan.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Stampin kena raba-raba juga kah?

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Tidak, tidak. Ini tentang isu laporan keselamatan. Saya dimaklumkan bahawa pada bulan September dan Oktober ya, Menteri. Saya harap Menteri boleh memberi jawapan, kalau tidak dapat, jawapan bertulis nanti ya. Pada bulan September dan bulan Oktober saya dimaklumkan bahawa *instrument landing system (ILS)* di *Kuching Airport* tidak berfungsi dan kita tahu bahawa kita perlu menggunakan ILS ini apabila untuk membawa kapal terbang itu turun ke *runway* terutamanya apabila dalam suasana jerebu yang teruk ataupun waktu malam. Tetapi dekat *Kuching Airport* sudah dua bulan ia tidak berfungsi dan saya diberitahu oleh juruterbang bahawa mereka *basically are landing blind*. Mereka tidak nampak landasan.

ATC beritahu bahawa *visibility* pada masa itu satu kilometer tetapi juruterbang beritahu bahawa pada ketinggian 400 kaki iaitu 120 meter, mereka hanya boleh nampak lampu landasan sahaja dan mereka terpaksa juga buat *landing*. Jadi apabila mereka hendak *landing*, *cold sweat* dan pada masa itu juga situasi jerebu di Kuching juga sangat teruk sampaikan di mana indeks yang diberi oleh pihak berkuasa tidak bersamaan atau setara dengan suasana sebenar.

■1520

Saya pernah pergi luar dan tengok *visibly* itu tidak sampai 500 meter pun.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Stampin, Yang Berhormat Menteri sudah faham.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Jadi saya harap Yang Berhormat Menteri boleh nampak isu ini. Satu isu lagi, juruterbang-juruterbang juga minta bahawa menteri boleh tengok di mana landasan Kuching itu boleh ada *center landing light*. Landasan Kuching sekarang dia tidak ada *center landing light*. Maksudnya apabila kapal terbang hendak buat *landing* terutamanya *during crosswind landing*, mereka tidak dapat buat *landing* yang betul kerana tidak ada *center light*. Jadi saya harap *airport upgrade* ini dengan izin Yang Berhormat Menteri boleh tengok isu ini supaya landasan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching boleh adakan *center landing light*, terima kasih.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: *[Bangun]*

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Kuala Nerus dan Yang Berhormat Kuala Terengganu.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Sedikit, terima kasih ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Saya hendak bangkit pada isu yang disebut tadi, isu raba-raba itu. Saya rasa isu utama kita adalah untuk menjamin keselamatan pada penumpang dalam *flight*. Adakah keselamatan itu terjamin dengan meraba macam itu. Kalau tidak mungkin kita boleh *check* betul-betul. Kadang-kadang kita tengok pegawai keselamatan pun dia *check* lebih kurang sahaja. Maknanya lepaskan batok di tangga sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kuala Nerus kena raba-raba ke?

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Ya, samalah, tiap-tiap minggu.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Kena juga ya.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Kena setiap minggu, setiap minggu naik *flight*. Jadi kenapa tidak boleh sediakan alat seperti di luar negara. Ini melibatkan keselamatan, bukan isu raba, isu keselamatan.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Dia tidak kira ustaz tidak ustaz kena raba juga ya.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Ya, kena sama sahaja. Saya minta perhatian segera daripada Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila Yang Berhormat Kuala Terengganu, selepas itu Yang Berhormat Menteri jawab. Ringkas sahaja, jangan panjang-panjang.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Berkaitan dengan isu keselamatan, tadi Yang Berhormat Menteri ada kata bahwasanya pihak berkuasa memberi jaminan tentang keselamatan KLIA tetapi kami mendapat maklumat bahwasanya pemendapan kawasan KLIA akan berterusan sekurang-kurangnya lima tahun lagi. Itu minima, mungkin lebih lama, mungkin 15 tahun dan setiap tahun pada tahun pertama, kosnya adalah jangka RM76 juta. Soalnya bagaimana kita mendapat kepastian keselamatan boleh dijamin kalau pemendapan berterusan disebabkan oleh masalah tanah yang lembik. Sudah tahu kawasan itu bermasalah, tanah gambut dan pembinaan diteruskan juga di tapak itu dan menaikkan kerja tanah daripada RM35 juta kepada RM850 juta.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kuala Terengganu, isu yang telah ditimbulkan sebelum ini. Yang Berhormat Menteri kira faham.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]: Tetapi tidak mendapat jawapan. Masih belum dijawab.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila Yang Berhormat Menteri.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Pengerusi, saya ingin menyambung jawapan saya mengenai KLIA 2. Seterusnya saya ingin menjawab mengenai masalah paip bocor. Paip bocor ini sebenarnya adalah satu *part line* yang tidak terkesan daripada soal *settlement*. Paip ini adalah

milik PETRONAS yang telah menguruskan paip tersebut. Setakat ini telah dikenal pasti, di dua bay iaitu Q12 dan Q10 dan tidak terdapat kebocoran yang serius, masih dapat diuruskan dengan baik.

Seterusnya mengenai yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Putatan mengenai raba-raba. Untuk makluman, isu raba-raba ini tidak timbul kerana lelaki diurus oleh pihak pegawai lelaki dan perempuan juga diasingkan oleh pengawal pihak perempuan. Ini penting kerana tidak semua *body scanner* boleh mengesan seperti bahan-bahan letupan seramik. Jadi oleh sebab kita mengamalkan standard keselamatan yang tinggi, maka ia perlu dibuat. Walau bagaimanapun, untuk makluman isu raba-raba ini tidaklah sampai ke tempat yang sulit. Ia di tempat luar-luar yang biasa sahaja.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Boleh sedikit?

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Timbalan Menteri...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ini kalau kita panjangkan isu raba-raba ini, sampai ke tengah malam kita.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri itu saya tidak dapat terima.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Lagi tengah malam lagi panjang kita isu raba-raba.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Sebab di Amerika, di negara lain pun tidak ada raba-raba ini. Ada mesin yang boleh mengesan. Hanya Malaysia sahaja ada tangan *magic* yang boleh meraba bahan letupan.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tuan Pengerusi, saya sedikit sahaja. Saya tidak minat, saya pun tidak takutlah kalau diraba. Tetapi *problem* yang saya dengar ialah Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyatakan tangan pegawai kita lebih sensitif dan lebih berkesan untuk mengesan bom dan tanpa menyentuh *private parts*. Itu saya kagum dengan kebolehan negara kita. Kalau macam ini kita eksportlah orang Malaysia ke merata dunia untuk pastikan tidak berbom. Yang ini yang saya khuatir sebab keadaan sekarang ini, ancaman keselamatan ini bukan perkara yang main-main. Saya tidak kisah. Kalau hendak raba 10 kali pun untuk pastikan tidak ada bom, untuk jaminan keselamatan tidak ada masalah. Cuma kalau Timbalan Menteri anggap, tangan ini lebih berkesan mesin tidak boleh buat, maksudnya ada masalahlah negara kita. So itu yang saya ingin dapat penjelasan dan pembetulan daripada persepsi ini yang menganggap teknologi ini tidak berkesan.

Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Pendek sahaja. Saya tidak ada masalah untuk diraba. Cuma saya tengok konsistensi pasal kes tali pinggang sahaja. Yang Berhormat Timbalan Menteri, sesetengah *airport* tidak ada masalah, sesetengah *airport* boleh masuk tanpa buka tali pinggang, sesetengah *airport* kena buka. Jadi kenapa tidak konsisten. Macam saya, saya harap sangatlah kalau boleh tidak payah buka tali pinggang, menyusahkan. Akan tetapi kalau perlu demi keselamatan, saya bersedia. Akan tetapi maksud saya ada *airport* kena buka, ada *airport* tidak perlu buka. Jadi, nampak tidak konsisten. Terima kasih.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Oleh sebab perkara ini nampaknya mendapat respons daripada ramai Ahli Yang Berhormat termasuk Yang Berhormat Kuala Neris, begitu juga Yang Berhormat Kuala Terengganu, jadi saya akan memanjangkan isu ini kepada pihak MHB untuk dilihat lebih mendalam dengan pandangan-pandangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Seterusnya saya ingin menyentuh daripada Yang Berhormat Ahli Parlimen Gerik, Tanah Merah, Sekijang, Lenggong, merujuk kepada keselamatan jalan raya. Soalan-soalan berkaitan saya ingin merumuskan bahawa kerajaan melalui Jabatan Keselamatan Jalan Raya telah menjalankan inisiatif seperti Program Tiada Minggu Tanpa Advokasi di mana melalui inisiatif ini program-program keselamatan jalan raya dilaksanakan setiap minggu di seluruh negara. Melalui program-program seperti kempen, ceramah, program pemberian helmet, vest dan *sticker*, melalui kempen keselamatan jalan raya yang diadakan secara berterusan ini ia telah dapat mengurangkan kadar kemalangan dan kematian jalan raya. Sebagai contoh kadar kematian yang dicatatkan pada tahun 2014 telah dapat menurunkan pengurangan sebanyak 241 kematian.

Kematian yang dicatat ini menunjukkan memang ada kesannya daripada kempen-kempen ini. Selain itu buat pertama kali pada tahun hadapan, Jabatan Keselamatan Jalan Raya akan menerima peruntukan melalui Bajet Pembentangan RMK11 sebanyak RM42 juta di mana RM5 juta akan diperuntukkan untuk kajian semula pendidikan keselamatan jalan raya. Selama ini JKDR menghadapi kekangan peruntukan di mana JKDR hanya menerima peruntukan sebanyak RM1 juta setahun sejak tahun 2006. Selain itu JKDR juga turut menghadapi kekangan daripada segi perjawatan dan bilangan tenaga kerja yang terhad. Pada program ini untuk makluman, kita mengadakan program bersama dengan murid-murid sekolah dan kita membuat program dengan murid-murid mulai darjah satu sehingga tingkatan tiga. Ini merupakan satu pendekatan melentur anak-anak daripada kecil lagi.

■1530

Seterusnya, untuk makluman Yang Berhormat Sekijang, kerjasama dengan NGO dan *National Blue Ocean* dengan kementerian lain, bilangan kemalangan telah pun dapat memberi kesan dengan kerjasama NGO dan juga jabatan-jabatan yang lain. Seperti saya sebutkan tadi, isu keselamatan jalan raya telah kita masukkan dalam kurikulum sekolah bermula daripada Tahun Satu pada tahun 2007 dan sampai Tingkatan Tiga. Ini merupakan satu pendekatan bersama dengan pihak Kementerian Pendidikan.

Seterusnya, mengenai pandangan Yang Berhormat Gerik yang...

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]: Yang Berhormat Menteri. Mencelah sedikit.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Ahli Parlimen Gerik yang meminta melonggarkan untuk memudahkan perolehan lesen motosikal. Pada pandangan kerajaan, kalau kita longgarkan, ini akan menjurus kepada peningkatan penunggang yang tidak cekap dan seterusnya meningkatkan kemalangan dan kematian. Untuk makluman, kematian ataupun kemalangan maut, sebanyak 60% majoritinya adalah daripada pengguna motosikal. Sila.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Bachok.

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]: Terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Saya sikit sahaja soal keselamatan jalan raya ini. Ada dakwaan mengatakan bahawa kualiti keselamatan kereta buatan Malaysia juga menyumbang kepada soal keselamatan jalan raya dan kemalangan yang berlaku. Apakah pihak kementerian ada statistik ataupun angka dan jenis kereta mana yang bila *accident* menyebabkan rosak teruk ataupun melibatkan kemalangan maut dan sebagainya. Minta komen daripada Yang Berhormat Menteri. Kereta buatan Malaysia.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Pada dasarnya kita tidak ada statistik membezakan kereta buatan Malaysia ataupun buatan luar negara. Walau bagaimanapun, statistik kemalangan daripada pengguna kereta adalah 32% yang membawa kemalangan maut. Jadi, dia dikategorikan sebagai kenderaan kereta dan saya sebutkan tadi 62% daripada penunggang motosikal.

Untuk makluman Yang Berhormat, kita telah mula membuat satu piawaian keselamatan kepada kereta-kereta yang dijual dalam negara melalui MIROS dan mungkin saya akan memberi jawapan secara bertulis mengenai penarafan keselamatan kereta-kereta yang dibuat oleh pihak MIROS. Seterusnya...

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Yang Berhormat Menteri. Kota Tinggi sedikit.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Ya, sila.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Boleh, Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Saya ucapkan tahniah kerana kita menekankan untuk pendidikan yang mana penting untuk kefahaman tentang atau pentingnya keselamatan jalan raya. Akan tetapi adakah kerajaan bercadang untuk di samping pendidikan, penguatkuasaan keselamatan jalan raya ini melalui mungkin mekanisme baru. Saya difahamkan kita ada sistem demerit tetapi juga mungkin adakah kerajaan bercadang untuk memperkenalkan sistem di mana pesalah-pesalah ini dikenakan beberapa jam kerja-kerja komuniti dan kita faham kadang-kadang yang bawa kereta laju-laju ini kereta besar-besar. Orang semua ada duit, boleh bayar RM300 tidak ada masalah. Sampai masanya kita bagi diskau. Akan tetapi apa kata kalau kita buat beberapa jam mereka kena buat kerja-kerja komuniti, tidak kiralah dia ada duit atau tidak ada duit. Dengan cara itu, kita memberi satu pengajaran dan juga mekanisme yang lebih efektif untuk penguatkuasaan keselamatan jalan raya. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri?

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Pengerusi, mengenai hukuman, cadangan daripada Ahli Parlimen Kota Tinggi, setakat ini memang kita belum ada laksanakan seperti cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Kota Tinggi. Walau bagaimanapun, kita ada sistem demerit yang

mana kita akan mengurangkan *point* pengguna jalan raya. Sistem demerit ini saya berpandangan juga akan memberi kesan kepada disiplin pengguna-pengguna jalan raya.

Seterusnya, Ahli Yang Berhormat Sekijang juga membangkitkan mengenai program melesenkan penduduk luar bandar untuk mendapatkan lesen memandu. Untuk makluman, Kementerian Pengangkutan melalui JPJ telah melaksanakan beberapa program khas untuk penduduk luar bandar. Khasnya kepada para penunggang seperti warga emas, Orang Asli dan juga penduduk yang berumur lebih 45 tahun dan 40 tahun di Sabah dan Sarawak di bawah Program SKSJ iaitu Satu Komuniti Satu JPJ yang telah berjaya menghasilkan sekitar 15,000 orang setahun mendapat lesen motosikal ini. JPJ juga telah memperkenalkan Program myLESEN mulai 15 September 2015 sehingga 31 Disember 2015. Setakat ini seramai 50,000 calon telah mendaftar dan permohonan bolehlah di uar-uarkan di peringkat kawasan Ahli-ahli Yang Berhormat tentang Program myLESEN ini sehingga pada hujung tahun ini.

Seterusnya, mengenai permohonan pemegang lesen kelas D motokar untuk dikecualikan kursus dan ujian bagi permohonan lesen B2 di bawah kurikulum baru. Kerajaan melalui JPJ juga telah banyak memberikan kelonggaran kepada pihak pemohon lesen memandu, khasnya penunggang motosikal. Kesannya tadi, kemalangan telah meningkat. Ini juga seperti yang disebut tadi bahawa Malaysia merupakan antara negara yang tertinggi mengalami kemalangan di peringkat dunia. Pihak kementerian dan MOT bercadang untuk menambah baik lagi sistem latihan dan ujian kelas motosikal bagi meningkatkan kemahiran mereka untuk menjadikan pemandu yang lebih selamat di atas jalan raya. Seterusnya, pemandu kelas D sedia ada...

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: *[Bangun]*

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: ...tidak ada pengalaman dan kemahiran untuk menunggang motosikal, maka mereka perlu melalui proses pelesenan berdasarkan kurikulum baru untuk lebih kompeten dan lebih selamat.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Sekijang di belakang.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Sikit sahaja Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Pengerusi. Tadi Yang Berhormat Menteri ada sebut berkenaan dengan tidak boleh diberikan sebarang pengecualian ataupun mereka yang ambil lesen motosikal ini tidak diberikan peluang pun. Malahan kalau hendak pergi kepada lesen kereta, tetap juga kena ambil kaedah kelas modul KPP dan juga ujian berkomputer ini. Boleh atau tidak pihak kementerian kalau sekiranya mereka yang sebelum tahun 2014 ini, yang sudah pergi kelas untuk KPP yang sebelum diasingkan untuk motosikal dan kereta ini, kalaupun tidak boleh dikecualikan, paksa juga belajar, boleh atau tidak dikurangkan sedikit pembayaran untuk ujian berkomputer dan juga kelas modul KPP ini.

Ini kerana ceritanya tadi ialah mereka ini terpaksa bayar kali kedua sedangkan dia sudah bayar untuk mengambil kursus yang sebelum tahun 2014. Akan tetapi selepas 2014, bila dipecahkan kursus itu, seolah-olah sekolah memandu ini hendak mengambil kesempatan pula ke

atas mereka. Caj kali kedua, belajar. Belajar itu tidak ada masalahlah tetapi terpaksa membayar itu. Yang itu menjadi isunya. Minta pandangan daripada Yang Berhormat Menteri.

■1540

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]: Yang Berhormat Menteri sedikit sahaja, berkaitan dengan Yang Berhormat Sekijang sebut fasil kursus.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Bachok.

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]: Terima kasih Yang Berhormat dan terima kasih Tuan Pengerusi. Adakah dalam modul kursus untuk mendapatkan lesen dan sebagainya ini dimasukkan unsur-unsur ataupun nilai-nilai keagamaan.

Saya sebut begini kerana ada satu *trend* baru yang berlaku dalam negara kita yang diambil dari Thailand. Dia orang menggantung patung di belakang *bumper* kereta. Kalau di Thailand ditanya apa sebab dibuat begitu, kerana fahaman mereka, roh si mati tidak akan mengganggu kereta sedang berjalan itu. Jadi benda ini sampai ke Malaysia. Kalau orang Siam yang buat begitu kita tidak ada masalah.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Akan tetapi di Putatan ada agaknya. Boleh mengaku.

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]: Bila kita *follow* dari belakang, dia mengganggu, kita nampak kasihan dekat patung itu diheret di atas jalan raya dan barangkali boleh mengganggu.

Itu tidak berapa serius, yang lebih serius ialah soal pencemaran kefahaman akidah tadi kalau sampai kepada orang Islam boleh buat begitu, ini saya rasa kementerian juga boleh masukkan modul soal keagamaan dalam bab kursus dan sebagainya supaya boleh mengelak.

Dalam Islam kita hendak tolak bala ini, kita kena banyak bersedekah. Itu yang disebut dalam hadis Nabi S.A.W. Minta komen Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Menteri.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Pertama saya ingin respons kepada Ahli Yang Berhormat Sekijang mengenai ujian KPP baru antara lesen D dan lesen B iaitu lesen kereta dan lesen motor.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sekiranya seorang calon itu membuat permohonan serentak, lesen D dan lesen B2, ia boleh dikecualikan. Maknanya dia cuma ambil satu kali saja ujian komputer tersebut.

Akan tetapi kalau ia dipohon secara berasingan, maka dia kena diuji dua kali. Maknanya dia sudah lesen kereta, lepas dua tahun, tiga tahun baru dia hendak ambil lesen motor, itu tidak boleh. Akan tetapi kalau dia mohon serentak, dikecualikan. Maknanya dia hanya bayar untuk satu kali ujian komputer saja. Jadi itu telah kita longgarkan untuk mengurangkan kos pengujian mendapatkan lesen.

Seterusnya mengenai Ahli Yang Berhormat Bachok tadi. Memang pun dalam pembelajaran ini, walaupun ia tidak secara tersurat mengenai ciri-ciri keagamaan. Pastinya apabila pelajaran ataupun kursus ujian memandu ini berkaitan dengan keselamatan, yang tersiratnya adalah dalam ciri-ciri agama untuk menjaga masyarakat agar hidup sejahtera dan menjadikan jalan raya ini selamat untuk semua.

Jadi kita pun tidak mahu masing-masing melanggar undang-undang. Sebagai umat Islam kita pun telah termaktub dalam undang-undang syariah, undang-undang agama. Semua kehidupan kita memang diurus oleh undang-undang.

Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat, memang ujian ini sebenarnya tersiratnya adalah untuk menjaga keselamatan semua umat.

Seterusnya untuk Ahli Yang Berhormat Sepang tadi menyebut bahawa *Runway 3* itu akan ditutup. Itu sebenarnya adalah satu maklumat yang tidak betul. *Runway 3* memang dalam keadaan yang selamat dan tidak ada isu sebenarnya bahawa *Runway 3* itu tidak selamat.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Sepang bangun. Sila.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Menteri, maklumat yang kami dapat yang kata *Runway 3* ini akan ditutup itu bukan daripada saya ambil suka-suka. Kita telah bertemu dengan pihak Air Asia sebagai pihak yang menggunakan lapangan terbang itu dengan kerap. Ini kerana Ahli Parlimen Pakatan Harapan, berjumpa dengan taklimat dan telah diberitahu bahawa *Runway 3* itu dikhaskan untuk Air Asia dan katanya akan ditutup.

Jadi kalau apa yang dikatakan itu tidak betul, saya harap Yang Berhormat Menteri juga dapat menjawab kepada pihak Air Asia lah. Sebab itu yang diberitahu kepada kami. Saya cuma menyampaikan sebagai Ahli Parlimen kepada pihak Yang Berhormat Menteri.

Jadi saya harap Yang Berhormat Menteri memberikan jawapan yang betul lah. Kalau tidak maknanya kita anggap Air Asia bagi tahu kita itu tidak betullah. Terima kasih.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Jadi jelaslah pihak Air Asia telah menyampaikan satu maklumat yang tidak tepat ya. Cuma kita ada sedikit masalah dengan *airport* dan yang berlaku pemendapan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Terengganu.

Pemendapan yang berlaku ini memang telah dijangkakan selama lima tahun dan ia tidak membahayakan kerana *soil settlement* itu dia tidak sekali besar, dia sedikit, sedikit, sedikit. Sampai satu tahap apabila dia sudah *full settlement*, dia tidak akan berlaku pemendapan lagi.

Jadi dalam soal pemendapan, itu memang sudah dalam jangkaan pihak teknikal dan ia sehingga hari ini diurus dengan baik dan tidak berlaku kegagalan kepada operasi KLIA2. Malah pihak Air Asia pun tidak pernah gagal untuk *take off* dan *landing*.

Seterusnya untuk makluman.

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: Yang Berhormat Menteri, boleh tanya. *Oil leak* yang berlaku di KLIA itu adakah berkenaan dengan *soil settlement* ataupun tidak? Adakah keadaan itu boleh dikawal ataupun akan lebih teruk selepas ini? Terima kasih.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *oil leak* ini, paip ini adalah milik PETRONAS, kontraktor PETRONAS. Pihak PETRONAS yang mengurus paip ini dan mereka yang memasang. Setelah mereka korek, mereka dapati *leak* ini tidaklah begitu serius *and it's manageable* dengan izin. Jadi...

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: Akan tetapi, ini soalan Yang Berhormat Menteri ya, soalan saya adakah ini berkaitan dengan *soil settlement* ataupun tidak.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tidak, tidak. Ini kerana paip ini ia terletak di atas *pile cap*. Jadi ia tidak berkaitan dengan *soil settlement*.

Seterusnya mengenai persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Rantau Panjang mengenai perancangan PAK untuk memaksimumkan pulangan daripada aset kereta api.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Akta Kereta Api 1991, fungsi PAK adalah mengurus aset kereta api termasuk lah tanah-tanah kereta api serta mengurus infrastruktur kereta api termasuk landasan, sistem yang lain.

Untuk makluman, pada tahun 2013 PAK telah mencatatkan hasil sebanyak RM32 juta dengan pendapatan bersih sebanyak RM20 juta. Bagi meningkatkan hasil, Perbadanan Aset Keretapi telah pun dan sedang menjalankan pelbagai aktiviti ekonomi ke atas tanah-tanah PAK termasuk pemberian sewaan yang lebih agresif serta mewujudkan kerjasama strategik dengan pihak swasta dalam pembangunan tanah-tanah.

Antara kerjasama terkini adalah pembangunan tanah PAK di Brickfields yang memberi pulangan kepada PAK dalam bentuk bangunan komersial bernilai RM120 juta. Pemilikan bangunan ini akan memberikan pulangan jangka panjang dalam bentuk sewaan ruang komersial. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat semua pembangunan ini perlu mendapat kelulusan daripada pihak EPU, Unit UKAS.

■1550

Seterusnya saya ingin menyentuh tentang Yang Berhormat Lenggong lagi mengenai Jawatankuasa Bebas KLIA2. Untuk makluman, langkah-langkah telah dilakukan, kajian keselamatan *pavement* oleh IKRAM yang di *appoint* oleh DCA telah mengesahkan dengan pemantauan yang berjadual dan KLIA2 adalah selamat untuk penggunaan semua *airlines*. 'I-CURE' juga telah melawat dan mengesahkan operasi adalah memuaskan dan kemudahan-kemudahan yang sedia ada.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: *[Bangun]*

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Jadi saya harap selepas ini tidak ada lagi sangsi mengenai keselamatan di KLIA kerana semua agensi sehingga ke peringkat antarabangsa telah mengesahkan. Jadi saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat percayalah dengan kenyataan pihak kerajaan kerana pihak kerajaan bertanggungjawab tentang keselamatan di negara ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri, panjang lagi?

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Ada lagi dalam 15 minit.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: 15 minit, ya.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Soalan, saya hanya hendak minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kos untuk pembinaan KLIA2 ini pada tahun 2007 apabila diumumkan hanyalah RM1.7 bilion tetapi apabila KLIA2 ini disiapkan, kosnya telah meningkat ke RM4 bilion. *[Dewan riuh]* Walaupun KLIA2 ini hanyalah beroperasi – Tuan Pengerusi, bolehkah minta bantuan supaya *backbenchers* dari UMNO lagi, diamlah. Ini *floor* saya, apa isu ini? *[Dewan riuh]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Ini *floor* saya. Soalan dari saya sangat takut ke? Biar Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab. You takut apa. Jangan takut. Saya hanya hendak tanya, KLIA2 ini hanyalah mula beroperasi pada bulan Mei tahun lalu tetapi setakat ini telah membelanjakan sebanyak RM76.5 juta untuk kerja-kerja membaik pulih. Jadi saya hendak tanya RM76.5 juta ini adalah ditanggung oleh siapa? Adakah kos ini ditanggung oleh kontraktor yang dilantik untuk jalankan projek pembinaan ataupun kerajaan kita perlu menanggung kos untuk membaik pulih yang begitu tinggi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya nasihatkan isu-isu mengenai KLIA2, isu-isu yang telah dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, jika ada celahan jawapan secara bertulis.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Okeylah, saya akan jawab secara bertulis. Seterusnya saya ingin ...

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: *[Bercakap tanpa menggunakan pemberian suara]* Soalan saya itu siapa pun tidak berani jawab.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat. *[Dewan riuh]*

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Untuk makluman Tuan Pengerusi, apa yang dibangkitkan mengenai kos ini telah dijawab banyak kali dalam Parlimen, saya pun pelik tidak faham-faham.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Saya hendak tanya siapa bayar sahaja, kerajaan atau kontraktor? *Simple* sahaja, satu perkataan sahaja. *[Dewan riuh]*

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Okey, yang bayar ialah Malaysia Airport Holding Berhad (MAHB).

Beberapa Ahli: Ha dah, puas hati?

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Seterusnya menyentuh Yang Berhormat Lipis mengenai perkhidmatan tren tempatan yang tidak berhenti di tempat Merapoh. Perkhidmatan tren tempatan di sekitar Pantai Timur terpaksa dihentikan buat sementara waktu akibat banjir pada hujung tahun 2014 dan telah mengakibatkan keselamatan penumpang terjejas. Perkhidmatan ini akan disambung semula apabila projek membaik pulih landasan siap menjelang tahun 2018. Kita jangkakan 30 bulan daripada tarikh ini.

Seterusnya Yang Berhormat Simpang Renggam juga ...

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Lipis bangun, sila.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Orang Lipis ada datang hari ini?

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebelum saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, mohon izin daripada Tuan Pengerusi, saya hendak mengalu-alukan kehadiran rakan-rakan daripada Pejabat Pendidikan Daerah Lipis. *[Tepuk]* Cikgu-cikgu, guru besar, pengetua. Kuala Krau masih ada di seberang sini.

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya hendak mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sebelum banjir berlaku, *hand break* untuk Merapoh tidak ditarik lagi, sebelum banjir. Sewaktu banjir saya faham memang perkhidmatan kereta api tidak dapat melalui antara Lipis ke Merapoh terus ke Gua Musang. Ini persoalan saya sebenarnya, adakah perkhidmatan kereta api ini dapat menarik breknya semula di Merapoh yang saya katakan sebentar tadi. Oleh sebab sebelum banjir, kalau masa banjir ini untuk membaiki landasan, *no problem*. Akan tetapi untuk selepas banjir ini atas kepentingan pelancong-pelancong yang akan mengunjungi menghala ke Taman Negara laluan kedua iaitu di Merapoh. Itu soalan saya timbalan menteri.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Pengerusi, saya hendak betulkan. Perkhidmatan ke Merapoh ini *insya-Allah* akan dapat kita buat pada hujung tahun depan apabila projek pembaik pulih Jambatan Kemubu. Jambatan Kemubu hari itu tumbang dan sekarang telah dapat di baik pulih dan kita jangka siap pada tahun depan, April 2016. Jadi apabila siap, kita akan usahakan ia dapat berhenti di Merapoh supaya ia dapat menjadi pengangkutan kepada pelancong yang menaiki tren ekspres ke kawasan tersebut.

Seterusnya Ahli Yang Berhormat Lenggong juga mencadangkan supaya diwujudkan laluan kereta api.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Jawapan bertulis Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Lenggong tidak ada dalam Dewan.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Seterusnya pihak ...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Di Lenggong itu bagi stesen bas baru, buruk sangat di sana.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Ahli Yang Berhormat Simpang Renggam ada? Ahli Yang Berhormat Simpang Renggam yang memohon tren KTMB nombor 26 berhenti di Stesen Layang-layang. KTMB bercadang untuk memulakan enam perkhidmatan *shuttle* di sekitar laluan Gemas – Johor Bahru Sentral mulai Januari 2016. Tren ini akan berhenti di stesen Layang-layang. Penumpang yang hendak ke Singapura bolehlah menggunakan tren *shuttle* Tebrau iaitu Johor Bahru Sentral ke Woodland di Stesen JB Sentral.

Seterusnya yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Taiping.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Taiping juga tidak ada dalam Dewan.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Okey, kita akan jawab secara bertulis. Seterusnya mengenai apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Lawas mengenai cadangan untuk Lapangan Terbang Lawas.

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]

Untuk makluman, pihak kerajaan telah meluluskan RM2 juta untuk membuat kajian bagi pembinaan Lapangan Terbang Lawas. Jadi ini sebagai satu komitmen. Begitu juga dalam RMKe-11, Lawas juga telah membangkitkan mengenai pengerukan kuala sungai di Sarawak, di Lawas. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Parlimen Sarawak, kerajaan melalui RMK-11 telah meluluskan peruntukan sebanyak RM360 juta untuk melaksanakan program pengerukan ataupun mendalamkan sungai-sungai di Sarawak.

■1600

Dato' Henry Sum Agong [Lawas]: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Dengan satu jumlah yang besar. Seterusnya mengenai AES. Untuk makluman yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pokok Sena. Untuk makluman kajian MIROS menunjukkan kemalangan maut telah menurun daripada 19 kes kepada 12 kes bagi tempoh 8 bulan selepas pelaksanaan AES ini. Jadi ini bermakna AES telah berjaya mengurangkan 7 kes kemalangan maut dalam tempoh 8 bulan pelaksanaannya. Kajian MIROS juga menunjukkan kadar pematuhan had laju telah meningkat daripada 63% sebelum ini kepada 91% selepas pelaksanaan AES.

Pelaksanaan AES akan meningkatkan dengan izin, *perception of been caught* dalam mengubah tingkah laku pengguna. Jadi ini adalah penting kerana kita mahu mengurangkan kemalangan dan ini kita juga hendak mengubah tingkah laku pengguna jalan raya supaya dapat mematuhi undang-undang dan AES ini telah dapat berkembang kepada peningkatan pematuhan undang-undang ini.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: *[Bangun]* Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi: Sila.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tentang soal apa yang disebut tadi *perception of been caught* ini tadi maknanya saya telah sebut bahawa macam mana kalau dari 23 September 2012 hingga 11 Jun 2013 hanya 673,333 saman dikeluarkan tetapi sehingga 30 September saman itu telah jadi 2,144,000 maknanya meningkat sejuta lebih daripada angka yang 673,333. Maknanya tidak berjaya untuk memastikan pematuhan kepada pelanggaran undang-undang itu tidak berjaya, macam mana Yang Berhormat kata berjaya.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Itu kutipan saman tetapi daripada segi kemalangan maut tadi ianya menurun. Jadi yang penting ialah kemalangan maut kita dapat turunkan.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Jadi maknanya kutipan saman itu tidak berjaya untuk membentuk pengguna jalan raya dari segi jangan langgar undang-undang. Oleh sebab itu saya kata bahawa *Tan Sri Dato' Seri Lordin Wok Kamaruddin* ini dia kata bahawa satu sektor yang menguntungkan, Tuan Pengerusi. Untuk Bousted mendapatkan keuntungan yang lumayan. Bukan tujuan kita beri kepada Bousted ini, maknanya Bousted menerima untuk tujuan tanggungjawab dia hendak mendidik masyarakat pengguna jalan raya supaya mematuhi tetapi kerana apa, kerana melihat bahawa ini sektor yang sangat strategik untuk Bousted dapat keuntungan yang lumayan.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Pengerusi, itu andaian Yang Berhormat Pokok Sena. Tujuan AES ini tidak lain bukan untuk mengurangkan kemalangan dan tidak ada niat untuk memberi keuntungan kepada mana-mana pihak. Jadi kalau semua patuh kepada undang-undang, tidak melanggar speed limit, dengan izin saya yakin pihak syarikat pun tidak akan mendapat apa-apa keuntungan.

Jadi dalam konteks ini kita hendakkan kerjasama daripada semua pengguna jalan raya mematuhi undang-undang. Jadi tujuan AES hanya tidak lain bukan agar semua pengguna jalan raya dapat mematuhi undang-undang dan peraturan jalan raya. Seterusnya...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tuan Pengerusi, tidak kalau...

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Maksud saya sudah...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Sedikit sahaja. Kalau Yang Berhormat kata bahawa semua orang mematuhi sudah tentu syarikat ini tidak akan dapat untung. Maknanya Bousted bodohlah, Bousted itu adalah Lembaga Tabung Amanah Angkatan Tentera. Dia sudah tentu hendak jaga pulangan untuk faedah keuntungan dividen kepada pencarum-pencarum dalam LTAT. Jadi dia buat satu tidak dapat untung sebab itu dia kata ini menguntungkan boleh buat pulangan yang besar.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Pengerusi, saya terus kepada Ahli Yang Berhormat Sandakan...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tuan Pengerusi, saya tanya tentang perjanjian baru itu. Model kewangan baru antara syarikat baru ini sebab yang lama sudah lups. Jadi sebab itu saya hendak tahu model kewangan itu. Cara potongan berapa, dahulu sekian, sekian banyak. Adakah sekarang ini sekian-sekian banyak akan diberikan kepada pengendali baru operasi ini iaitu Bousted dan LTAT ini.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Untuk makluman, mengenai perjanjian ini tidak ada perjanjian baru. Ianya hanya mengambil alih syarikat yang lama dan fi ini akan diurus dengan pihak kerajaan dengan syarikat baru tetapi perjanjian adalah menggunakan pakai syarikat lama yang telah diambil alih oleh pihak LTAT.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tuan Pengerusi, maaf, Tuan Pengerusi. Termasuk model kewangannya, pembayaran. Adakah sama dengan yang lama?

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Itu tidak sama tetapi...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Itu sudah tentu perjanjian baru...

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Maknanya ianya oleh kerana LTAT ini merupakan syarikat link kerajaan jadi ianya mempunyai urusan yang lebih mudah dan ianya fee ini akan ditentukan kemudian. Belum ada ketentuan.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Habaq lah belum. Sebab itu saya tanya. *[Ketawa]* Payah sangat.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Seterusnya saya ingin menyentuh tentang Yang Berhormat Sandakan yang telah membangkitkan...

Beberapa Ahli: Yang Berhormat Sandakan tidak ada.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Yang Berhormat Sandakan tidak ada, okey saya jawab bertulis. Kemudian saya ingin menyentuh Ahli Yang Berhormat Taiping, ada?

Beberapa Ahli: Yang Berhormat Taiping tidak ada.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tidak ada okey saya juga jawab bertulis. Seterusnya Yang Berhormat Kuala Langat. Mengenai apa yang dibangkitkan nampaknya secara lantang oleh Yang Berhormat Kuala Langat mengenai perjanjian yang dikatakan menindas. Sebenarnya untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perjanjian antara pilot yang baru mendapat lesen penerbangan tetapi lesen itu tidak melayakkan dia membawa pesawat yang besar. Sebagai contoh 737 ataupun Boeing 347.

Jadi untuk melayakkan dia memandu ataupun membawa pesawat yang lebih besar, ianya perlu melalui kursus ataupun latihan untuk melayakkan dia membawa pesawat yang lebih besar. Jadi kursus ini latihan ini merupakan satu kos yang tinggi dan perlu dihantar ke luar negara dan oleh kerana pilot yang baru mendapat kelulusan penerbangan ini dia perlu mendapatkan kelayakan membawa pesawat yang lebih besar dan mereka terpaksa membayar RM140,000 ini untuk mendapatkan kelayakan tersebut.

Oleh kerana banyak berlaku apa yang didakwa oleh pihak *Airline*, apabila dia telah dapat lesen untuk membawa pesawat yang besar, dia berpindah ke syarikat *Airline* yang lain. Inilah yang berlaku kata orang mencuri pilot-pilot daripada syarikat lain sehingga menjelaskan syarikat tertentu. Untuk mengelakkkan perkara ini maka pihak syarikat supaya tidak kerugian dia telah mengenakan satu perjanjian sebegini. Walau bagaimanapun, sekiranya perjanjian ini adalah tidak paksaan. Sekiranya tidak mahu mengikut perjanjian tidak perlulah calon ini menyertai *Airline* Malindo tersebut.

Seterusnya saya ingin menyentuh apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tanah Merah mengenai supaya dibuat kempen lebih agresif di luar bandar untuk tangani isu mat rempit.

■1610

Kempen keselamatan jalan raya juga telah dijalankan setiap minggu termasuk di kawasan luar bandar. Tumpuan juga diberi kepada pelajar-pelajar sekolah yang majoritinya adalah di bawah umur. Selain itu, melalui kurikulum bahasa Melayu yang telah mula diajar sejak tahun 2007, ia juga telah memberi satu pendekatan kepada masyarakat luar bandar. *Insya-Allah,*

kesannya kita akan nampak beberapa tahun lagi apabila mereka layak untuk memohon lesen yang merupakan sebahagian daripada pengguna jalan raya.

Seterusnya mengenai yang dibangkitkan- saya tertinggal beberapa Ahli Yang Berhormat termasuk Ahli Yang Berhormat Permatang Pauh iaitu mengenai pampasan. Pampasan MH370 kepada waris keluarga penumpang, setakat ini telah berjumlah USD3.65 juta yang melibatkan 74 orang. Manakala MH17, kita telah mengeluarkan USD12.95 juta yang melibatkan 256 orang.

Jadi untuk Ahli-ahli Yang Berhormat, setakat ini jawapan saya. Saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih...

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: [Bangun]

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Banyak Yang Berhormat Menteri tidak jawab lagi.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Soalan MH370 tidak habis lagi ini. Saya ada bangkitkan.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Ya, MH370.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Saya akan jawab secara bertulis.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Isu...

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Saya ucap banyak terima kasih...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Pasal ‘dok’ jawab ‘hok’ raba tadi panjang sangat.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Soal kereta api negeri Sabah yang Yang Berhormat Tenom cakap tadi itu, Yang Berhormat Menteri belum jawab.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Oh, ya, mengenai Yang Berhormat Tenom. Untuk makluman, tren yang kita tingkatkan ialah landasan. Kita juga akan membeli tiga set unit *wagon* untuk menambah sistem *wagon* ataupun penggunaan kereta api di kawasan Tenom. Kawasan itu lebih kurang 27 kilometer iaitu adalah sambungan daripada pemberian yang daripada Tanjung Aru sampai ke Tenom dan ini kita akan belanjakan lebih kurang RM42 juta untuk meningkatkan taraf landasan kereta api daripada Hologilat sehingga Tenom.

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: Gemas-JB...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Menteri, yang soalan saya tadi itu soal landasan itu sering dibanjiri dan ia akan melembutkan *basement* landasan itu. Apabila tren lalu, ia tergelincir. Jadi ini yang RM42 juta ini, mungkin tidak cukup. Ini dari Papar, Beaufort sampai Hologilat itu masih panjang tempat-tempat yang selalu kena banjir. Ini patut diberi perhatian. Ini untuk keselamatan penumpang-penumpang kereta api, Yang Berhormat Menteri.

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: [Bangun]

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Okey. Isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Putatan, saya akan bincangkan dengan pihak kementerian untuk melihat landasan di kawasan Papar yang dikatakan banjir. Kita akan usahakan untuk menambah baik landasan yang disebutkan tadi.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: Yang Berhormat Menteri, Gemas-JB.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri mahu duduk, sudah habis berhujah ini ataupun ada lagi peluang untuk dua orang berdiri?

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Beri peluang.

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: Isu Gemas-JB.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Untuk makluman, isu Gemas-JB, mungkin Ahli Yang Berhormat tidak melihat secara mendalam, memang kita telah menyediakan peruntukan. Keseluruhan projek untuk menaik taraf *double tracking* pun telah diperuntukkan sebanyak melebihi RM7 bilion. Ia akan bermula pada tahun hadapan.

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: Dia PFI atau dengan cara apa? PFI ataupun dengan cara...

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Oleh sebab perkara ini baru diluluskan pada bajet tahun akan datang, ia belum ada satu keputusan.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Tuan Pengerusi, kalau boleh?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Stampin, sila.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Menteri, saya minta jawapan bertulis tentang lapangan kapal terbang kerana ia ada menjelaskan nyawa penumpang. Jadi, saya harap Yang Berhormat Menteri boleh memberi jawapan secara bertulis. Terima kasih. Sebelum sesi berakhir.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Okey, yang akhir sekali Tuan Pengerusi, mengenai apa yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai SPAD. Sebenarnya SPAD memang tidak pernah duduk bawah Kementerian Pengangkutan. Sebelum ini pun SPAD dikenali sebagai LPKP, Yang Berhormat Tenggara menjadi pengurus sebelum ini di bawah JPM. Jadi, soal SPAD dikeluarkan daripada Kementerian Pengangkutan sebenarnya tidak timbul kerana sebelum ini pun, Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) ini tidak pernah di bawah Kementerian Pengangkutan.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *[Bangun]*

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Jadi saya ucap banyak terima kasih...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tidak Yang Berhormat, soalnya tadi bukan soal dia pernah duduk di bawah Kementerian Pengangkutan ataupun tidak. Akan tetapi yang kita minta ialah supaya ia selaras, ia diletakkan di bawah Kementerian Pengangkutan sebab ia berkaitan dengan persoalan-persoalan perundangan yang berkaitan dengan jalan raya. Jadi, ini yang sepatutnya.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Juga kalau...

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: *[Bangun]*

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: *[Bangun]*

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya bukan isu hendak politik, tetapi sekarang macam kita tanya SPAD, SPAD kata itu bawah JPJ. Tanya ini, dia kata itu bawah SPAD. Jadi, susah.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Menteri, kita *integrated transportation system*. Kalau semuanya berasing-asingan, dia tidak *integrate*, maka ia menjadi satu masalah.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Ini saya yang bahas, belum jawab lagi.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Menteri, boleh jawablah Yang Berhormat Menteri.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Ada beberapa perkara yang tidak jawab, tetapi saya hendak secara khusus dalam SPAD. Ini kerana setiap kali pemandu teksi, pembawa bas bawa dia ke MOT, MOT tolak ke SPAD. SPAD kata mereka tidak buat perancangan, mereka hanya membuat pemantauan dan pengurusan. Jadi, ini yang menjadi masalah.

Saya juga ingin mendapatkan penjelasan, bila kita ada ASEAN Community yang dipanggil untuk datang kalau selaras dengan MOT, semua MOT seluruh ASEAN akan datang. Akan tetapi dalam prospek kita, dalam aspek kita, kita tidak merangkumi banyak yang akan dibincang dengan negara-negara jiran yang lain. Itu tidak selaras dengan semangat ASEAN Community. Itu yang saya hendak dapat penjelasan, bagaimana kita boleh menjadikan MOT lebih efektif untuk menguruskan dan merancang pengangkutan darat ini?

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Yang Berhormat Menteri, landasan Kuching jawab secara bertulis sebelum sesi ini berakhir, boleh tidak? Terima kasih.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Okey Yang Berhormat Stampin, saya akan beri laporan bertulis.

Mengenai SPAD tadi, pada dasarnya saya telah menjawab. Walau bagaimanapun, saya akan mengambil maklum perkara itu untuk dibincangkan dengan pihak SPAD untuk bagaimana diintegrasikan dengan lebih berkesan untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat.

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Terakhir, saya hendak menjawab kepada Ahli Parlimen Tanah Merah yang membangkitkan tentang pembesaran Lapangan Terbang Pengkalan Chepa. Untuk makluman, kerajaan telah meluluskan pembesaran lapangan terbang sebanyak RM450 juta. Kita harap pihak rakyat Kelantan akan dapat manfaat daripada bajet yang besar ini.

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Yang Berhormat Menteri, Tuan Pengerusi, Sandakan punya soalan tadi itu, sebab saya lewat sedikit, tidak dengar.

[Dewan riuh]

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: Tuan Pengerusi.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Yang Berhormat Sandakan punya berkaitan dengan KKIA. Untuk makluman, pihak AirAsia telah diarah oleh pihak kerajaan untuk berpindah pada 1 Disember, tidak berapa lama lagilah.

■1620

Pihak agensi-agensi kerajaan, pihak imigresen, kastam semua pun sudah bersiap sedia untuk berpindah kepada KKIA untuk kita mengurangkan perbelanjaan kerajaan. Ini kerana kalau kita ada dua buah terminal dengan penumpang yang masih boleh ditampung oleh KKIA. KKIA dibina untuk 9 juta orang penumpang. Untuk kita pada sekarang ini, untuk dua buah terminal ini pun baharu RM6.7 juta. Jadi masih banyak ruang kosong di KKIA itu. Jadi tidak ada alasan yang hendak mengatakan bahawa kalau pindah terus penuh. Itu semua kata orang itu fakta yang tidak betul, fakta yang tidak betul.

Mengenai apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sandakan, tanah 40 ekar itu, tanah 40 ekar pun tidak mampu untuk buat sebuah terminal. Jadi oleh itu apa yang dalam perancangan kerajaan, Terminal 1 ini apabila sudah hampir mencapai *full capacity* 9 juta, dia akan dibesarkan lagi. Jadi untuk itu pihak AirAsia tidak perlu bimbang, kerajaan bertanggungjawab untuk memberi keselesaan kepada penumpang.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Mengenai cadangan AirAsia untuk mengurus sendiri lapangan terbang terminal sendiri, itu kita tidak dapat tampung kerana kalau kita bagi kepada satu operator, lain operator, MAS pun nanti minta yang sama, Malindo akan minta sama. Jadi benda ini takkan ada berhentinya. Jadi tidak sewajarnya operator *airline* mengurus *airport*. Jadi kerana *airport* ini untuk menampung semua *airlines* yang datang ke lapangan tersebut.

Jadi we have to be fair. Jadi...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Okey, gulung-gulung.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Jadi pada dasarnya...

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: Soalan belum jawab lagi.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Saya telah dapat menjawab...

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Kota Bharu, Kota Bharu tadi.

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: Yang Berhormat Timbalan Menteri belum jawab.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Ha, Lapangan Terbang Kota Bharu.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Saya sudah jawab dah tadi Yang Berhormat Kota Bharu.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Saya hendak tanya sikit penjelasan, satu sahaja. Peruntukan mengikut bajet tahun 2016 hanya RM48 juta, kan untuk tiga buah lapangan terbang. Satunya untuk Mukah, satu lagi menaiktarafkan Kuantan dan Kota Bharu. Jadi boleh kita tahu berapa untuk Kota Bharu sebab Kota Bharu ini memang kepadatan...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: *[Menyampuk]*

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Yalah hendak beritahu kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kenapa kita...

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Yang Berhormat Kota Bharu, Kota Bharu diberi peruntukan RM450 juta dan proses untuk pembinaan ini ia beransur-ansur. Jadi maknanya tahun hadapan akan dibentangkan menggunakan *consultancy*. Jadi maka macam juga Lawaslah, kita

untuk program Lawas kita beri RM2 juta dulu untuk buat kajian. Akan tetapi untuk Kota Bharu, kajian sudah hampir selesai dan mungkin kerja-kerja tanah atau kerja yang memerlukan kerja permulaan. Jadi kos permulaan untuk tahun pertama ini dia tidak banyak.

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih Tuan Pengerusi. Soalannya saya tentang subsidi tren tidak ekonomi. Adakah pemotongan subsidi akan menyebabkan harga tiket naik. Juga tentang PAK. Kenapa tidak ada peruntukan untuk PAK. Terima kasih.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: PAK, oleh sebab PAK ini satu perbadanan yang telah dapat menjana pendapatan sendiri. Seperti saya sebutkan tadi tahun ini pun dia ada *income* RM20 million dan melalui kerjasama swasta dalam waktu yang terdekat pembangunan di Brickfields itu, PAK akan memiliki bangunan bernilai RM120 juta. Ini juga akan dapat menghasilkan sejaan yang tinggi.

Mengenai tren nanti saya bagi jawapan bertulislah. Jadi saya ucap banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah prihatin tentang perkara-perkara di bawah MOT dan saya ucapkan banyak terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM1,194,152,000 untuk Maksud B.28 di bawah Kementerian Pengangkutan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]

[Wang sebanyak RM1,194,152,000 untuk Maksud B.28 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM2,760,551,300 untuk Maksud P.28 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2016 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]

[Wang sebanyak RM2,760,551,300 untuk Maksud P.28 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2016]

Maksud B.29 [Jadual] –

Maksud P.29 [Anggaran Pembangunan 2016] –

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.29 dan Kepala Pembangunan P.29 di bawah Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air terbuka untuk dibahas.

4.26 ptg.

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 010200 – Tenaga dan Teknologi Hijau dan Butiran 00100 – Program Kecekapan Tenaga Diperbaharui.

Tuan Pengerusi ini berkaitan dengan isu FIT dengan izin, *Feed-in Tariff*. FIT ini diperkenalkan pada tahun 2011. Kalau kita lihat dalam perancangan peringkat awal adalah kita

mengecaskan surcaj 1% daripada bil elektrik pengguna yang menggunakan elektrik lebih daripada 300 kilowatt *hour* dan iaitu 1% bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013 dan 2% bagi tempoh 2014 hingga 2015 dan akhirnya 3% bagi tahun 2016.

Objektif ini adalah untuk mencapai 2,000 megawatt *renewable energy* (RE) dengan izin, iaitu 5% daripada jumlah penjanaan elektrik negara kita. Akan tetapi malangnya sekarang kalau kita lihat kita hanya mengecaskan 1.6% surcaj dan bukannya 2% seperti mana yang ditetapkan pada peringkat awal.

Kalau kita lihat amanun yang dituntut oleh tiga buah syarikat DLs, *distribution licensees*, tiga buah syarikat pemegang lesen pengagihan, jumlah bagi FIT adalah sebanyak RM16 juta sebulan. Daripada RM16 juta ini, 3% adalah diagihkan kepada SEDA untuk menampung kos pentadbiran. Akan tetapi kalau kita lihat kos OPEX, SEDA pada hari ini adalah RM1.6 juta sebulan. Ini bermakna 1.6% surcaj ini yang kita kumpulkan daripada pengguna adalah tidak mencukupi untuk menampung kos pentadbiran SEDA.

Tambahan lagi penyertaan program FIT individu akan ditamatkan pada tahun 2017. Oleh itu saya lihat kalau kita tidak menaikkan surcaj 1.6% ini bermakna SEDA akan berhenti beroperasi. Jadi saya ingin jawapan daripada kementerian, apakah tindakan selanjutnya bagi mengatasi masalah ini? Adakah kementerian berhasrat untuk menaikkan lagi surcaj dan membuka semula program FIT bagi individu selepas tahun 2017. Itu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat Kuala Langat.

4.29 ptg.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya satu sahaja ingin menyinggung Butiran 050300 – Subsidi Bil Elektrik daripada Anggaran 2015 sebanyak RM150 juta kepada kosong Anggaran Pembangunan 2016.

■1630

Persoalannya, apakah ia berlegar? Bermaksud, subsidi bil elektrik kepada rakyat termiskin itu telah dihapuskan. Apakah dengan berbuat demikian, sudah tidak ada lagi orang miskin ataupun mereka yang perlu dibantu dalam proses penghidupan seharian mereka? Ataupun ia diberikan alternatif untuk membantu rakyat yang memerlukan subsidi ini? Dalam perlegaran soalan ini, saya melihat dari sudut apakah kesudahannya daripada bantuan dan sokongan Kerajaan Persekutuan untuk membantu rakyat yang memerlukan?

Saya percaya, di antara tiga kepada empat peratus kadar kemiskinan tegar ini masih lagi memerlukan subsidi ini. Apakah itu yang dimaksudkan dengan butiran yang saya baca sebentar tadi? Mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri supaya kita jangan membebankan dengan keadaan dasar kerangka yang baru, dengan pencukaian yang membebarkan rakyat dan dalam masa yang sama subsidi keperluan wajib itu ditarik secara *total* dan tidak ditinggal bakinya. Mohon Yang Berhormat Menteri memberikan penjelasan secara ikhlas untuk rakyat di

luar sana mendengar, apakah dasar kerangka ini sudah berubah dan menekan rakyat. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat Ranau.

4.31 ptg.

Datuk Dr. Ewon Ebin [Ranau]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran 060300 – Penubuhan Pasukan Projek Khas Bekalan Elektrik Sabah (PPKBES) dan Butiran 11400 – Rancangan Bekalan Air Sabah. Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, di kawasan saya terdapat 20 buah kampung di mana pendawaian elektriknya sudah siap tiga tahun yang lalu dan pendawaian dalam rumah juga sudah siap yang kita bantu melalui peruntukan Parlimen. Malangnya, sehingga sekarang belum ada bekalan elektrik, masih gelap. Jadi, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, berapa lama lagi kah kita menunggu sehingga bekalan ini dapat dibekalkan?

Kedua mengenai dengan bekalan air. Baru-baru ini seperti mana yang kita sedia maklum bahawa Ranau, kawasan saya ini telah ditimpa bencana gempa bumi. Akibatnya, ia telah menjaskan bekalan air di kawasan Ranau di mana di kebanyakan kampung sumber airnya telah kering. Saya telah mencadangkan kepada kerajaan supaya satu *new intake* bekalan air itu dibina di Ranau. Jadi, saya meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, sama ada kementerian ada bercadang untuk melaksanakan *new intake* bekalan air ini dalam masa yang terdekat? Sekian.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Kluang.

4.33 ptg.

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak menyentuh Bekalan 030000 – Bekalan Air dan Butiran 06400 – Rancangan Bekalan Air Negeri Johor. Seperti yang saya sebutkan kepada Yang Berhormat Menteri secara peribadi pada hari itu, saya minta SPAN dan juga kementerian memberikan tumpuan yang lebih terhadap keadaan air di Johor. Terutamanya keadaan air di Johor Selatan di mana disebabkan oleh kekurangan hujan di Empangan Sungai Layang dan Empangan Sungai Lembam.

Saya melawat ke kedua-dua buah empangan tersebut pada minggu lepas bersama-sama dengan pegawai-pegawai SAJ dan saya dapat bahawa di sebelah empangan ini walaupun dikatakan *water reserve* ataupun *reserve area* tetapi tidak ada kawasan tadahan, kawasan estet kelapa sawit sampai ke tepi empangan. Jadi, saya minta kementerian kalau boleh, SPAN mengeluarkan satu garis panduan dan juga kalau boleh SPAN mengumumkan apakah sebenarnya kawasan tadahan di seluruh negara. Memberikan juga piawaian-piawaian supaya pihak perbadanan di negeri boleh mengikut dan kalau tidak mengikut, sekurang-kurangnya orang awam boleh memberi tekanan dengan piawaian-piawaian yang disediakan oleh SPAN.

Yang Berhormat Menteri, saya juga meminta kalau boleh dalam keadaan kekurangan air di Johor Selatan, kita mendapati bahawa *climate change* adalah salah satu masalah selain

daripada masalah estet kelapa sawit. Kita juga mendapati bahawa *climate change*, perubahan cuaca adalah satu masalah yang agak serius. Adakah SPAN dan kementerian bersedia untuk menghadapi masalah ini? Masalah air ini agak serius untuk beberapa tempat, termasuk di kawasan saya, Kluang.

Saya juga meminta kementerian untuk menjelaskan bahawa adakah dalam Rancangan Bekalan Air Negeri Johor, adakah Loji Rawatan Air Kahang akan dibina dan bilakah ia akan dibina? Ini kerana rakan saya di Dewan Undangan Negeri Johor, ADUN Mengkibol bertanya di Dewan Undangan Negeri Johor. Dimaklumkan bahawa Empangan Kahang dibina oleh Kerajaan Pusat. Oleh sebab empangan ini dibina oleh Kerajaan Pusat, maka loji rawatan air juga akan dibina oleh Kerajaan Pusat. Jadi, isunya adalah walaupun dikatakan empangan akan disiapkan pada tahun 2017, bilakah loji rawatan air akan disiapkan? Projek ini melibatkan berapa banyak kos dan apakah jadual yang akan disediakan?

Saya juga hendak sentuh Butiran 010200 – Tenaga dan Teknologi Hijau. Isu tentang penjualan aset Edra kepada pihak China. Adakah ini telah diputuskan seperti apa yang didakwa oleh pihak 1MDB? Apakah pendirian kementerian dan apakah yang akan berlaku selepas pengambilalihan ini? Apakah kesannya terhadap kos-kos elektrik pada jangka masa panjang, mungkin untuk lima tahun atau sepuluh tahun? Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Sila.

4.37 ptg.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Terima kasih kepada Tuan Pengerusi kerana memberikan ruang kepada saya untuk turut serta berbahas dalam Anggaran Perbelanjaan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air. Saya merujuk kepada Butiran 010300 – Perkhidmatan Air, Pembetungan dan Pengurusan. Untuk pengetahuan Tuan Pengerusi, di Pahang mempunyai 81 buah loji rawatan air dan kos keseluruhan menaiktarafkan loji sedia ada mencecah sehingga RM907 juta.

Siling projek yang dipohon dalam Rancangan Malaysia Kesebelas sebanyak RM316.3 juta. Manakala kos projek baru melibatkan sebanyak RM60 juta. Negeri Pahang merupakan sebuah negeri yang tidak pernah menaikkan tarif air bermula sejak tahun 1982. Ini disebabkan sikap Kerajaan Negeri Pahang yang tidak mahu membebankan rakyat dengan kadar 36 sen satu gelen bagi Kerajaan Negeri Pahang.

Bagi memastikan jaminan bekalan air bersih kepada seluruh syarikat negeri Pahang, termasuk kawasan-kawasan Rancangan FELDA, di mana pesertanya terdiri daripada seluruh negara, kerajaan negeri terpaksa membuat pinjaman daripada Kerajaan Pusat yang sehingga kini mencecah sehingga RM2 bilion. Kerajaan Pusat melalui KeTTHA dan SPAN telah menggesa Kerajaan Pahang menstrukturkan semula perkhidmatan air di negeri Pahang yang operatornya di bawah naungan bernama Pengurusan Air Pahang Berhad (PAIP).

Apa yang menjadi halangan sekarang ialah pelupusan hutan oleh Kerajaan Pusat yang hanya mahu melupuskan RM660 juta daripada jumlah RM2 bilion tersebut. Kerajaan Pahang

mahu pertimbangan daripada Kerajaan Pusat untuk sekurang-kurangnya dapat melupuskan hutang sebanyak 50% daripada RM1 bilion. Ini berasaskan kepada kesanggupan Kerajaan Negeri Pahang memeterai perjanjian serta melaksanakan Projek Penyaluran Air Mentah Pahang-Selangor pada tahun 2017.

■1640

Projek ini melibatkan konsep Empangan Kelau, seluas 2,278 hektar tanah termasuk peneroka-peneroka FELDA di Lembah Klang. Ini salah satu pengorbanan daripada Kerajaan Negeri Pahang. Kenapa pihak pusat tidak boleh membantu? Kerajaan Negeri Pahang dengan pengorbanannya yang begitu besar sekali yang mencecah hampir, kalau mengikut ekarnya terlalu luas. Ini salah satu pengorbanan Kerajaan Negeri Pahang kepada Kerajaan Negeri Selangor. Sedangkan saya dimaklumkan bahawasanya Kerajaan Negeri Selangor, Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Kerajaan Negeri Kelantan umpamanya banyak dipotong oleh Kerajaan Pusat atas pembekalan air ini sendiri.

Tuan Pengurus, sementara proses penstrukturran perkhidmatan air ini dimuktamadkan, mohon Kerajaan Pusat meluluskan permohonan pinjaman kepada kerajaan negeri untuk menambah baik keupayaan loji-loji rawatan sedia ada termasuk untuk merawat air mentah yang kekeruhannya begitu tinggi sekali. Setakat hari ini untuk makluman Tuan Pengurus, apabila pH air melebihi 1,000, air tidak dapat diproses maka kita kadang-kadang sehingga mencecah lima hari, enam hari air tersebut tidak dapat diproses.

Dalam ucapan saya semasa perbahasan saya menyentuh alam sekitar. Ini disebabkan juga oleh sebab alam sekitar yang menyebabkan kita mengalami gangguan yang begitu besar sekali. Sehingga di Lipis selama 10 bulan sehingga Oktober ini sebanyak 63 kali putus bekalan air. Melibatkan sekolah, terpaksa asrama ditutup tidak boleh menjalankan aktiviti di asrama itu sendiri. Murid-murid terpaksa balik walaupun jauh kerana disebabkan air tidak dapat dibekalkan selama sehingga mencecah seminggu menyebabkan sekolah terpaksa membenarkan murid-murid mereka balik.

Jumlah loji rawatan air yang ada di Pahang ialah 81 buah. Kosnya untuk membaiki ini mungkin agak tinggi yang boleh dibantu oleh Kerajaan Pusat melalui pinjaman tersebut yang saya katakan sebentar tadi.

Saya hendak pergi kepada Butiran 020100 – Pasukan Projek Penyaluran Air Mentah Pahang ke Selangor. Kita bekalkan sebanyak 1,800 juta liter sehari ke Selangor, sedangkan kita di Negeri Pahang bermasalah air. Akan tetapi, kita bekalkan kepada orang, kita tidak ada air.

Oleh sebab itu, saya katakan Kerajaan Pusat kena mengkaji dalam soal ini. Ini disebabkan kerana kita telah berkorban begitu banyak kepada orang lain, kenapa tempat kita sendiri tidak boleh kita korbankan.

Jadi untuk tersebut, saya pergi pula kepada Butiran 08100 - Rancangan Bekalan Air Negeri Pahang yang anggarannya agak tinggi yang boleh dibantu bagi Kerajaan Negeri Pahang. Kita mohon jasa baik supaya Kerajaan Pusat menyegerakan pinjaman.

Untuk pengetahuan Tuan Pengerusi, hari ini sekumpulan dari Pejabat Pendidikan Daerah Lipis hadir untuk mendengar ucapan saya tentang air sahaja. Ini sebab sekolah masalah yang agak parah juga kerana banyak sekolah terpaksa diberhentikan persekolahannya khususnya kepada asrama. Saya percaya bukan sekadar saya di Lipis, saya percaya seluruh Negeri Pahang. Oleh sebab itu saya minta sekurang-kurangnya dapat *upgrade*kan loji sementara waktu sebelum Kerajaan Pusat membuat keputusan atas yang saya katakan pinjaman yang begitu besar sekali.

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Yang Berhormat Lipis. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Lipis. Apakah Yang Berhormat Lipis bersetuju kalau sekiranya bekalan air di Pahang ini dibantu oleh Kerajaan Pusat.

Seperti mana Yang Berhormat Lipis katakan tadi, Pahang secara keseluruhannya bakal dilanda malapetaka akibat air, terutamanya apabila kesan daripada pembangunan yang kurang terancang, satu.

Yang kedua, sistem paip yang begitu lama yang menimbulkan, menyebabkan air yang tidak terawat dibazirkan begitu sahaja. Faktor yang ketiga ialah loji-loji yang beroperasi telah pun berada pada tahap melampaui kapasiti serta loji-loji yang sedia ada ini memang sudah uzur.

Jadi apakah Yang Berhormat Lipis setuju bahawa langkah untuk Kerajaan Pusat membantu bagi Pihak Berkuasa Air Pahang ini iaitu PAIP supaya bantuan dapat disegerakan agar masalah yang bakal melanda bekalan air di negeri Pahang ini tidak berlaku. Kalau tidak Pahang sebagai negeri pembekal air kepada Selangor, tiba-tiba Pahang sendiri tidak berair. Terima kasih, Yang Berhormat Lipis.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Tuan Pengerusi, terima kasih kepada Yang Berhormat Jerantut turut memberi pandangan. Inilah persoalannya, persoalan yang dibangkitkan oleh seluruh rakyat Negeri Pahang khususnya saya di Lipis. Mereka kata kenapa boleh bekalkan air ke negeri Selangor, sedangkan air di Pahang tidak mencukupi.

Saya bangkitkan perkara ini Tuan Pengerusi, sebenarnya bukan masalah yang timbul ini tidak ada paip air, paip air ada tetapi kerana terlalu teruk menyebabkan paip tersebut pecah dan sebagainya.

Ini yang saya katakan kita minta bantuan daripada Kerajaan Pusat, yang mana kerajaan negeri tidak boleh hendak menampung lagi hutang yang besar kerana untuk rakyat. Bukan kerajaan pinjam untuk makan sendiri, untuk bangunkan negeri Pahang. Akan tetapi, ini untuk rakyat, air adalah pokok utama untuk kita bantu rakyat. Kita hendak bagi kepada rakyat, bukan kepada orang lain. Ini kita sanggup berkorban.

Saya harap supaya Yang Berhormat Menteri dapat memikirkan dengan penyaluran air ke Selangor, pengorbanan besar Kerajaan Negeri Pahang. Bantulah segera supaya kita dapat atasi masalah air yang sekian lama berlarut, bertahun-tahun berlarutan daripada ketiadaan air ini. Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya merakam ucapan terima kasih. Mohon menyokong.

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat Kuala Krai.

4.47 ptg.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya juga ingin memberikan buah fikiran dalam membahaskan peruntukan kementerian ini. Pertamanya mengenai Pasukan Projek Penyaluran Air Mentah Pahang ke Selangor yang panjang lebar disebut oleh Yang Berhormat Lipis.

Kita dimaklumkan bahawa pelaksanaan infrastruktur penyaluran ini sudah 100% siap. Ertinya air sudah mula mengalir sebanyak 1,890 juta liter sehari. Banyak itu 1.8 bilion liter ke Negeri Selangor. Jadi saya ingin mengaitkannya dengan Butiran 020000 di mana peruntukan kecil iaitu RM3.265 juta itu disediakan untuk pasukan ini.

Saya ingin tanya untuk apakah khususnya jumlah ini kerana saya rasa hampir sama dengan tahun lepas sedangkan tahun lepas pembangunan masih berjalan. Kali ini sudah lengkap. Apakah ia keseluruhannya untuk penyelenggaraan seperti yang disebut di dalam nota Program 2 tersebut.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya mengenai Program Bekalan Air, Program 3 iaitu Butiran 07000 – Rancangan Bekalan Air Negeri Kelantan yang diberikan pinjaman sebanyak RM 48 juta bagi tahun depan.

Soalannya, apakah peruntukan ini digunakan untuk memperbaiki infrastruktur paip yang lama ataupun untuk membuat loji-loji yang baru atau untuk penyelenggaraan loji-loji yang sedia ada?

Saya hendak memberitahu Yang Berhormat Menteri bahawa antara masalah utama bekalan air di negeri Kelantan di bawah Air Kelantan ialah kegagalan fungsi loji pembersihan air ini apabila bekalan elektrik tidak ada. Saya tidak tahu kawasan lain tetapi kalau di Kuala Krai apabila bekalan elektrik tidak ada, kita tidak mempunyai satu bekalan sampingan ataupun *generator set* yang boleh digunakan supaya bekalan air berterusan.

■1650

Ini sudah menjadi perkara yang kerap berlaku dan mengganggu kehidupan rakyat di negeri Kelantan. Jadi adakah wang sejumlah ini ditumpukan untuk memastikan bekalan air berterusan dengan penyediaan genset-genset, yang *standby* genset, lagi-lagi pembersihan air ini.

Terakhir, Tuan Pengerusi saya ingin merujuk kepada program empat kementerian ini iaitu Perkhidmatan Pembetungan yang diberikan peruntukan sama ada secara langsung mahupun pinjaman yang agak besar. Setakat manakah, kejayaan pembangunan proses pembetungan yang baharu ini berjalan. Ini kerana kalau kita melihat laporan prestasi program empat ini Perkhidmatan Pembetungan, bilangan pembinaan loji rawatan kumbahan serantau bagi tahun 2004 satu, bagi tahun 2015 dua dan jangkaan tahun depan pun dua juga.

Jadi berapakah sebenarnya akhirnya sasaran yang kita hendak capai iaitu pembinaan loji yang baru? Bilakah agaknya jumlah yang menjadi sasaran ini akan dicapai kerana melihat pada jumlah yang dibuat setiap tahun satu atau dua, saya tidak pasti bila program pembetungan negara ini dapat diselesaikan dengan jayanya. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Silam.

4.52 ptg.

Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh P.29 berhubung dengan Butiran 03200. Tuan Pengerusi, kita tahu bahawa dalam bajet yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa Sabah akan mendapat RM515 juta untuk bekalan elektrik bagi tahun 2016.

Pertanyaan saya ialah Sabah khasnya kawasan saya di Pantai Timur Sabah mengalami banyak masalah berhubung dengan bekalan elektrik yang sentiasa terputus-putus bekalannya. Jadi, saya difahamkan juga bahawa dalam jawapan Menteri berkenaan berhubung dengan perbahasan saya berhubung dengan Bajet 2016 bahawa Sandakan dan Lahad Datu keduanya mendapat projek jana kuasa elektrik yang boleh membekalkan bagi Sandakan 60 megawatt manakala Lahad Datu akan mendapat 30 megawatt. Saya difahamkan boleh mencukupi untuk membekal kepada Pantai Timur Sabah sekiranya, terputus bekalan dari Kota Kinabalu. Pertanyaan saya ialah adakah projek 30 megawatt ini yang dijanjikan untuk Lahad Datu akan dibina pada tahun 2016 iaitu tahun depan.

Seperkara yang juga yang saya ingin sentuh Tuan Pengerusi ialah berhubung dengan Butiran 11400 – Rancangan Bekalan Air Sabah. Kita juga dimaklumkan bahawa untuk tahun 2016, Sabah diperuntukkan RM877 juta untuk bekalan pembinaan loji rawatan air. Lahad Datu telah mengalami bekalan air berkurangan. Kedua-dua loji air yang ada sekarang hanya boleh mampu mengeluarkan 68 juta liter air sehari. Manakala permintaan setiap hari oleh penduduk di Lahad Datu ataupun Silam dan juga industri-industri yang ada menjangkau 92 juta liter sehari. Jelas permintaan ini begitu tinggi berbanding dengan bekalan yang dapat dibekalkan oleh dua buah loji air.

Tuan Pengerusi, dalam permintaan saya, Lahad Datu memerlukan satu lagi loji air untuk memastikan bekalan air akan mampu dibekalkan kepada penduduk di kawasan Lahad Datu sehingga tahun 2030. Di dalam *projection of water demand for Lahad Datu District* untuk tahun 2013 hingga tahun 2025 akan meningkat setiap tahun sejumlah 42.5 juta liter sehari. Jadi, ini menunjukkan bahawa sekiranya tidak ada tindakan dristik yang di buat dalam tempoh dua tahun ke tiga tahun ini maka kawasan Lahad Datu akan mengalami bekalan elektrik yang begitu besar dan tidak mungkin dapat diatasi dalam tempoh masa yang terdekat.

Jadi pertanyaan saya ialah dengan peruntukan yang sebesar ini, adakah Lahad Datu akan mendapat projek loji air yang baru pada tahun 2016. Itu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Kota Raja.

4.56 ptg.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh B.29 Butiran 010200 – Tenaga dan Teknologi Hijau. Saya ingin bertanya kepada

kementerian tentang status kajian tenaga nuklear. Di manakah kita hari ini? Bilakah dijangkakan projek ini akan bermula? Adakah kerajaan akan mendapatkan kelulusan Parlimen? Adakah perlu untuk kerajaan mendapat kelulusan Parlimen untuk projek nuklear ini sekiranya kerajaan sudah membuat keputusan? Di manakah tapak-tapak yang dijangkakan sesuai untuk projek nuklear ini?

Seterusnya saya, ingin bertanya mengenai Teknologi Hijau. Berapa peratus daripada tenaga negara kita yang dijanakan di negara kita ini adalah daripada tenaga solar? Apakah perkembangan semenjak kerajaan mempromosikan *renewable energy* ini? Ada perkembangan? Sejauh mana perkembangan tentang tenaga solar ini?

Seterusnya, saya ingin menyentuh P.29 Butiran 00107 – Projek Teknologi Hijau berjumlah RM14,990,000 ini. Apakah projek pembangunan teknologi hijau ini? Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Sila. Yang Berhormat Hulu Langat.

4.58 ptg.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. *Bismillahi Rahmani Rahim.* Izinkan saya mengucapkan terima kasih mewakili bagi negeri Selangor kepada Lipis mewakili negeri Pahang kerana menyalurkan air Pahang ke Selangor. Akan tetapi kami sekarang ini baru hanya menggunakan air mata air sahaja 20 juta liter per hari masuk ke Sungai Langat.

Merujuk Butiran 040100 – Perkhidmatan Pembetungan di bawah P.29 dan Butiran 80000 – Projek Pembetungan Negara di bawah P.29 yang memusatkan sistem pembetungan setiap diarah satu tempat sebagaimana saya difahamkan. Soalan saya adakah benar ia akan dibina setiap daerah atau mengikut lokasi-lokasi tertentu. Saya minta Menteri memberi beberapa contoh lokasi-lokasi yang telah pun siap dibina dan yang sedang dibina sekarang.

Dalam merawat sisa pelupusan ini, tentulah teknologi moden yang diguna pakai. Minta pencerahan, apakah sistem yang akan dipakai nanti? Saya juga difahamkan ada banyak faedah untuk masyarakat setempat apabila loji pembetungan ini siap nanti.

■1700

Saya difahamkan juga sistem-sistem yang akan dipakai juga memberi satu kemudahan ataupun memberi satu sistem kepada masyarakat. Umpamanya kata dalam masa yang sama ada sistem integrasi menggunakan solar dan juga menggunakan *biomass* sebagai penghasil tenaga.

Butiran 050200 di bawah B.29 – *Malaysia Green Technology Corporation (MGTC)*. Saya difahamkan MGTC antara yang menyelaras perancangan tenaga dan menyokong pertumbuhan dan pembangunan industri teknologi hijau dengan memberi pembangunan ekonomi negara. Soalan saya apakah projek-projek dan program yang akan dan sedang dibangunkan di bawah P.29 Butiran 00107 – Projek Teknologi Hijau dan Butiran 00100 – Program Kecekapan Tenaga Diperbaharui.

Apakah status dan kemajuan tenaga solar sebagaimana yang disebutkan tadi terutama apabila dilaksanakan FRT. Ini termasuklah yang ditawarkan kepada 10 kali 50 megawatt kepada

1MDB dan juga *biomass*. Adakah tercapainya matlamat penjanaan tenaga melalui tenaga yang boleh diperbaharui? Sejauh mana pencapaian penjimatan tenaga bangunan kerajaan dan apakah pencapaian pembinaan *Green Building* yang dipromosi oleh kementerian? Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Jerantut.

5.02 ptg.

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya sikit sahaja iaitu menarik perhatian Yang Berhormat Menteri tentang Butiran 010300 bersekali dengan P. Butiran 08100 – Rancangan Bekalan Air Negeri Pahang khususnya bekalan air di Jerantut. Seperti mana saya sudah bentangkan juga dalam peringkat dasar dahulu iaitu Jerantut mempunyai sebuah loji utama yang membekalkan bekalan air kepada 14,800 akaun di bandar Jerantut dan sekeliling kawasan sekitarnya. Loji ini mampu bertahan sehingga tahun 2018 mengikut pihak PAIP tetapi daripada segi *projection* dengan izin pihak PAIP Jerantut, ia hanya mampu bertahan sehingga tahun 2015 maknanya tahun ini.

Jadi keperluan mengadakan sebuah loji air baru merupakan satu keperluan yang sangat mendesak di bandar Jerantut ketika ini. saya amat berharap agar pihak kementerian dapat memberikan perhatian yang lebih wajar kepada loji air yang saya maksudkan. Ini kerana seperti mana yang umum mengetahui bahawa Jerantut merupakan bandar pintu masuk ke Taman Negara. Jadi kalaularah masalah bekalan air ini merupakan menjadi masalah utama kepada bandar Jerantut, sudah pastilah ia memberikan imej yang kurang baik kepada pihak pelancong luar kerana negeri Pahang sendiri seperti mana yang umum mengetahui ada sebuah sungai yang panjang dan besar tetapi daripada segi bekalan airnya tidak mampu hendak diberikan kepada penduduk di kawasan Parlimen Jerantut. Jadi saya sangat menyeru, berharap agar pihak kementerian melihat perkara ini demi kepentingan bersama. Jadi terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Bayan Baru.

5.04 ptg.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan juga terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana duduk di sini dengar ucapan perbahasan kami semua. Saya punya sikit sahaja. Untuk Butiran 10300 – Rancangan Bekalan Air Negeri Pulau Pinang. Saya minta Yang Berhormat Menteri jelaskan apa status terkini tentang projek tersebut dan juga syarikat PBA dari Pulau Pinang telah meminta supaya mendapat beli air daripada paip negeri Perak dan telah memohon supaya Yang Berhormat Menteri bantu bantu air mentah bukan air yang dirawat. Jadi untuk masa depan bekalan air di negeri Pulau Pinang, jadi minta Yang Berhormat Menteri supaya bantu untuk mempercepatkan proses ini. Saya minta Yang Berhormat Menteri jawab apa status terkini tentang permintaan tersebut.

Satu lagi adalah Butiran 010100 – Pentadbiran, adalah tentang isu Edra yang 1MDB *energy sealed asset* yang telah dijual – akan dijual kepada negara China dan juga kepada - China Guangdong, kepada negara China lah tentang ini dan saya hendak tahu - ia ada dua isu. Nombor satu adalah adakah 49% ekuiti itu akan ditambah ke lebih daripada 50%? Itu isu pertama. Kedua adalah adakah dia juga akan menjual *development right* atau hak pembangunan untuk *track 4B* 2,000 megawatt dan juga 10 kali 50 megawatt *utility scale solar power plants*. Jadi ini isu yang perlu Yang Berhormat Menteri jawab supaya *clear the air* untuk pasaran. Minta penjelasan Yang Berhormat Menteri, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat Jelebu.

5.06 ptg.

Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada dua isu sahaja yang minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri iaitu di bawah B.29, 010000 – Tadbir Urus. Butiran 010200 lebih spesifik iaitu Tenaga dan Teknologi Hijau. Ini ada kaitan dengan rasionalisasi 1MDB di mana penjualan ekuiti Edra kepada China. Jadi kebimbangannya ialah soal tarif. Apakah nanti peranan dan jaminan daripada kerajaan khususnya di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Tenaga tentang penetapan tarif apabila pengeluar-pengeluar elektrik Edra ini khususnya dikuasai lebih ekuitinya ataupun sebahagian besar ekuitinya oleh pihak luar.

Ini kebimbangan banyak pihak dan saya mahu penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Sejauh mana bidang kuasa Suruhanjaya Tenaga dalam mengawal dan menetapkan tarif elektrik di masa akan datang? Apakah dalam peringkat ini, peringkat rasionalisasi ini Suruhanjaya Tenaga sudah pun mempunyai inputnya dalam kontrak pemindahan ataupun penjualan ekuiti Edra ini?

Keduanya ialah pembangunan P.29, 07800 – Rancangan Bekalan Air Negeri Sembilan. Saya mohon Yang Berhormat Menteri – saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan pusat kerana membantu pinjaman RM10 juta. Cuma saya hendak tahu untuk RM10 juta pinjaman ini apakah ia punya butiran-butiran pembangunan yang hendak dilakukan di Rancangan Bekalan Air di Negeri Sembilan ini? Apakah ia ada dalam soal-soal pombaikan paip-paip lama yang menjadi masalah yang selalu putus bekalan kerana pecah dan sebagainya?

Ini kerana setengah daripada paip itu, paip-paip utama itu terlalu lama dan apabila ditingkatkan tekanan air untuk menyampaikan kepada pengguna, maka berlakulah paip yang pecah dan bekalan air terputus. Jadi saya mahukan Yang Berhormat Menteri kalau dapat memperincikan RM10 juta ini ialah untuk pembangunan yang bagaimana di Rancangan Bekalan Air di Negeri Sembilan? Itu sahaja yang saya hendak sampaikan Tuan Pengerusi. Terima kasih dan saya menyokong.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Kuantan.

5.09 ptg.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin bahas di peringkat Jawatankuasa ini di bawah Butiran 010300 iaitu berkenaan dengan tadbir urus air Perkhidmatan Air. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, berkenaan dengan kualiti air minuman di Cameron Highlands yang didapati tercemar dengan racun serangga yang terlarang. Yang Berhormat Menteri saya sudah bertanya hal ini daripada satu kementerian ke satu kementerian dan akhirnya saya dimaklumkan bahawa pihak SPAN sedang meneliti masalah ini. Cameron Highlands ialah tempat di Pahang yang menjadi tumpuan pelancong, bukan sahaja pelancong dalam Pahang tetapi dalam negara, tetapi juga pelancong antarabangsa.

■1710

Jadi apabila didapati ada racun serangga terlarang- dan bukan sedikit. Dia didapati di *water catchment area*, didapati dalam sungai dan juga didapati dalam air minuman. Pakar-pakar mengatakan bahawa ia satu kesan yang *accumulative over the years* dengan izin, Tuan Pengerusi. Jadi walaupun mungkin pada ketika ini dalam air minuman jumlah racun tersebut- dia daripada kalangan racun yang berbahaya daripada kalangan *persistent organic pollution (POP)* dengan izin ya. Jadi kalau kita biarkan berapa lama nanti, takut ia boleh meninggalkan kesan. Kita juga tahu bahawa antara kesan sampingannya ialah kecacatan kepada janin-janin dalam kandungan.

Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, bagaimanakah SPAN, saya tahu bahawa SPAN sebentar tadi ditanya juga oleh Yang Berhormat Kluang ya, SPAN menjaga kualiti air tetapi bagaimanakah kita memastikan bahawa sumber air itu dipelihara? Dalam kes ini, *water catchment area* pun ada didapati racun serangga terlarang ini. Jadi bagaimana kita hendak menjaga *water intake point* dan semua *upstream* itu yang kita lihat sebagai *water catchment area*? Itu saya harap dapat dijawab.

Dengan itu juga, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri bagaimana hendak jaga, memastikan bahawa *water intake point* di loji-loji di kawasan Kuantan, Bukit Goh, Bukit Sagu di mana ada aktiviti bauksit dilakukan dan saya sendiri sudah tengok bahawa *upstream* di hulu sungai di mana ada *water intake point* ada aktiviti-aktiviti pencucian bauksit dan sebagainya? Jadi saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, apa yang dilakukan? Sebab, saya kira kalau sudah sakit, kalau sudah terpaksa tutup loji, itu sudah parah. Seharusnya kita cemburu daripada awal lagi dan kita pastikan pencemaran itu tidak berlaku. Terima kasih.

5.12 ptg.

Ir. Shaharuddin bin Ismail [Kangar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya cuma hendak menyentuh isu air di negeri Perlis sebab pengurusan air tidak berhasil di negeri Perlis, NRW, mencapai 62 peratus. Ini adalah cukup tinggi. Pada tahap 62 peratus, Syarikat Air Perlis akan beroperasi dalam keadaan yang membimbangkan, cuma mencatatkan hasil yang sedikit sahaja sekitar RM1 juta. Akan tetapi, saya difahamkan sekiranya program NRW dijalankan,

peratus air tidak berhasil akan diturunkan daripada 62 peratus kepada 25 peratus. Jadi ia cukup menjimatkan dan boleh menghasilkan *revenue* sehingga RM20 juta.

Jadi saya berharap agar kementerian memandang serius pelaksanaan NRW ini yang mana kita telah mengesahkan bahawa NRW ini pada tahap 62 peratus pada sekitar dua tiga tahun yang lepas. Jadi sekiranya keadaan ini berterusan, pengurusan air di negeri Perlis terutamanya loji-loji terpaksa beroperasi hingga ke tahap maksimum. Apabila berlakunya pertambahan penduduk pun, loji ini akan bertindak sebagai loji yang menghasilkan produk yang maksimum. Jadi ini amat merugikan. Jadi saya harap kementerian memandang serius berkenaan NRW di negeri Perlis. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Sungai Siput.

5.14 ptg.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak bawa ke Butiran 040000 – Perkhidmatan Pembetungan. Di Sungai Siput ada satu taman, Kampung Sentosa yang ada lebih kurang 150 keluarga atau rumah. Taman ini dibina pada tahun 60-an dan dia ada tiga tangki pembetungan yang dipanggil *communal septic tank*. Pada permulaannya tangki-tangki ini dijaga oleh *local government*, oleh majlis perbandaran di situ tetapi selepas tahun 1994, ia diambil alih oleh IWK.

Akan tetapi, selepas tahun 2006 bila sistem itu dirombak balik, ikut Akta 655, *Water Services Industry Act* di bawah seksyen 62, semua *communal septic tank* ini diberi balik kepada orang-orang di kawasan itu, mereka dijadikan tanggungjawab. So, dari tahun 2006 sampai sekarang, itu *tank* semua tidak dibersihkan kerana taman macam itu, tidak ada jawatankuasa hendak pergi kutip duit, hendak bayar untuk itu, tidak ada. So, itulah masalah dia.

Saya ada pergi ke Pejabat IWK di Taiping yang jaga Wilayah Utara untuk Perak. Dia kata ada lebih kurang 220 taman, bukan rumah, taman di Perak Utara yang ada masalah yang sama. Mereka ada *communal septic tank* yang sekarang tidak dijaga oleh siapa-siapa kerana bukan oleh majlis perbandaran tempatan dan juga tidak ada jawatankuasa yang pergi kutip duit untuk menjaga tangki-tangki ini.

So saya rasa ini adalah satu yang harus diaddress kerana bila kita buat akta yang pertama itu pada tahun 1993, akta itu adalah untuk menjaga kebersihan sungai-sungai kita. Akan tetapi sekarang ada satu kelonggaran yang besar, satu kesilapan besar di mana ada banyak taman di seluruh negara di mana tangki *communal* itu tidak dijaga oleh siapa-siapa pun. So satu cara kita boleh buat ialah kita ubah lagi, beri tanggungjawab itu kepada *local government*, majlis tempatan. Mereka boleh masukkan dalam bil cukai pintu dan itu boleh dibayar kepada IWK ataupun siapa-siapa kontraktor yang buat kerja itu. Kita kena jaga itu kerana sekarang tidak ada siapa, *it is false true and no one is taking care of it*. So saya harap ini akan diambil kira.

Satu lagi, isu yang kedua ialah P.29, Butiran 00100 – Program Kecekapan Tenaga dan Tenaga Diperbaharui. Saya tengok peruntukannya begitu kecil iaitu RM35 juta sahaja, terlalu

kecil. Hanya empat peratus daripada perbelanjaan pembangunan untuk kementerian. Saya hendak tahu apakah projek-projek yang boleh dilakukan dengan peruntukan itu?

Saya rasa kerajaan kena kaji balik pendekatan kita. Kita sudah swastakan usaha untuk *develop* penjanaan tenaga daripada sumber-sumber yang boleh diperbaharui. Adakah ini patut? Kerana kita ini hadapi masalah dengan iklim, dengan pemanasan cuaca semua, *it is a big problem* dan kita kena tukar daripada *coal*, daripada gas kepada satu yang tidak begitu mencemarkan. Kita hanya bagi pada swasta untuk buat itu, diswastakan *the whole thing, how much can we achieve?* Mungkin kerajaan kena ambil *the lead*, kena simpan lebih duit, membangunkan daripada solar, daripada *tide*, daripada angin. So harap kerajaan boleh ambil *lead* dalam proses ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Sila.

5.18 ptg.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin membangkitkan dua perkara berkaitan dengan Butiran 030000 – Bekalan Air dan juga Butiran 03200 – Sabah Electricity Sdn. Bhd.

Saya ingin merujuk kepada, walaupun isu berkaitan air ini adalah merupakan isu yang juga menjadi tanggungjawab kerajaan negeri tetapi sebagai Kerajaan Persekutuan yang bertanggungjawab untuk membantu Sabah khususnya Menteri kita yang bertanggungjawab adalah juga dari Sabah iaitu dari Kota Marudu, saya minta supaya perkara ini diberikan perhatian iaitu berhubung dengan bekalan air di kawasan saya di Parlimen Kudat iaitu di Daerah Pitas.

■1720

Seperti mana yang kita sedia maklum, memang daerah ini memerlukan bekalan air yang lebih meluas khususnya untuk penduduk-penduduk luar bandar dan yang saya diberitahu oleh jabatan air bahawa walaupun sebuah loji telah dibina baru-baru dalam tiga tahun yang lalu tetapi loji yang lama itu sudah langsung tidak boleh digunakan. Bererti walaupun ada penambahan sebuah loji tetapi apabila sebuah loji yang lama itu rosak, maka bekalan air menjadi tidak menentu dan banyak kampung yang memberikan laporan kepada saya berkaitan dengan masalah bekalan air ini. Oleh sebab itu saya minta supaya Yang Berhormat Kota Marudu yang juga Menteri KeTTHA dapat memberikan perhatian. Untuk menyelesaikan masalah ini, Kerajaan Persekutuan haruslah memberikan bantuan kepada kerajaan negeri untuk membolehkan loji ini dapat ditambah kapasitinya dan selain daripada memperluaskan lagi *distribution* bagi kampung-kampung dan tempat-tempat yang memerlukan.

Satu sekolah menengah di Pitas yang sehingga hari ini berhadapan dengan masalah air iaitu SMK Pekan Pitas II yang hari ini, asrama sekolah itu sudah pun wujud lebih daripada 10 tahun tetapi sering menghadapi masalah bekalan air dan ramai juga guru-guru dan murid-murid di situ yang mengadu kepada saya dan mereka ada juga mengadakan demonstrasi dan ini pun dieksplot oleh pihak-pihak di sebelah sana khususnya pembangkang yang mengatakan bahawa

kita tidak mengambil perhatian tentang perkara ini sedangkan perkara ini berkali-kali kita sudah sampaikan. Yang Berhormat Putatan, sila.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Oleh sebab sahabat saya dari Kudat ini menyentuh pasal masalah air di negeri Sabah ini khususnya kepada kawasan Kota Marudu iaitu kawasan Menteri sendiri dan kawasan Kudat. Saya bersetuju, saya pernah pergi ke tempat itu dan tempat itu memang betul-betul memerlukan dan saya mengharapkan Menteri dapat mengatasi masalah ini sebelum bertukar Menteri kepada kementerian yang lain. Jadi saya mengambil kesempatan ini juga kalau Yang Berhormat Kuala Krai pun minta, Kuala Krai itu banyak air tetapi air dia air banjir, Tuan Pengerusi.

So kalaularah Yang Berhormat Kuala Krai minta bantu, mungkin Menteri juga dapat bantulah sebab dia tersenyum-senyum apabila saya berdiri. Menteri, ini satu persoalan yang saya sering ditanya oleh penduduk atau pengundi saya di kawasan, soal air di Kota Kinabalu ini. Soal air di Ulu Papar ini yang mungkin satu hari nanti akan dibina empangan dan melibatkan perkampungan dan saya minta sedikit masa Yang Berhormat Kudat ya, saya minta Menteri untuk memberi penjelasan bila agaknya empangan tadahan air di Ulu Papar ini dapat dibina. Eh, Kaiduan ya, Kaiduan.

Saya juga mengharapkan peruntukan yang sebelum ini ada dikhaskan untuk projek itu, apakah kesudahannya? Saya mahu Menteri jawab supaya penduduk-penduduk di kawasan itu dapat juga mendapat penjelasan daripada Kerajaan Pusat. Terima kasih Yang Berhormat Kudat, saya memang sokong sebab Yang Berhormat Kudat ini betul-betul memperjuangkan orang Rungus, semua penduduk *indigenous* di Kudat dan di Kota Marudu. Terima kasih Yang Berhormat Kudat.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Terima kasih Yang Berhormat Putatan. Saya fikir Yang Berhormat Kota Marudu memahami tentang permasalahan ini dan saya minta beliau mengambil perhatian serius terhadap teguran daripada saya dan juga Yang Berhormat Putatan kerana ini membabitkan kepentingan khususnya masyarakat tempatan di Sabah. Yang satu lagi yang saya ingin bangkitkan iaitu berkaitan dengan *non revenue water* juga iaitu Sabah adalah merupakan yang ketiga terbesar daripada segi masalah *non revenue water* dengan kehilangan.

Pada tahun 2010 sahaja dicatatkan 195 *million metric cube* dengan nilai RM175 juta *non revenue water* yang terpaksa ditanggung oleh kerajaan dan ini adalah merupakan satu kehilangan yang begitu besar. Cuma saya minta supaya Kerajaan Persekutuan di bawah KeTTHA dapat memberikan bantuan kepada kerajaan negeri khususnya untuk memberikan bantuan untuk *distribution* khususnya menggantikan paip-paip yang lama untuk memastikan perkara ini tidak berlaku dan demikian juga berkaitan dengan kecurian air. Ini juga menjadi satu masalah yang serius. Saya fikir Yang Berhormat Kota Marudu yang juga Menteri KeTTHA dapat memberikan perhatian terhadap perkara ini supaya ianya dapat memberikan kebaikan kepada negeri Sabah.

Yang terakhir sekali Yang Berhormat Menteri ialah berkaitan dengan SESB. Isu berkaitan dengan *interruption* ini adalah merupakan satu isu yang begitu pun berlarutan semenjak saya

menjadi wakil rakyat daripada tahun 2004 sehingga hari ini, perkara ini memang berbangkit dan ianya bukan merupakan satu isu politik tetapi adalah isu sebenar yang harus dihadapi oleh kerajaan dan bantuan Kerajaan Persekutuan haruslah dilipatgandakan. Memang saya tidak menafikan ada usaha-usaha yang dibuat oleh kerajaan khususnya untuk membina penjana-penjana elektrik yang baru tetapi isu *average interruption* atau SAIDI. Ini adalah merupakan satu isu yang sering menjadi kemarahan kepada rakyat khususnya di bawah sana.

Jadi saya minta supaya Menteri dapat memberikan tumpuan terhadap perkara ini kerana bukan sahaja ianya dapat memberikan kesan kepada pengguna tetapi ia juga memberikan kesan kepada kemajuan ekonomi negeri Sabah. Seperti mana yang kita tahu bahawa ekonomi negeri Sabah sedang berkembang begitu pesat dan dengan berlakunya *average interruption* yang begitu tinggi, ia akan menyebabkan kebantuan dan saya minta penjelasan daripada kementerian, apakah langkah yang telah diambil oleh kementerian Yang Berhormat mengatasi masalah ini khususnya bagi negeri Sabah dan bilakah Yang Berhormat agaknya perkara ini dapat diselesaikan sepenuhnya supaya isu berkaitan dengan *interruption* ini tidak berlaku lagi.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempergerusikan Jawatankuasa]

Seperti mana yang kita sedia maklum, ia juga telah menyebabkan kerugian kepada banyak pengguna. Saya sendiri berkali-kali menghadapi masalah apabila ada *power surge*, maka berlakulah kerosakan kepada elektrik di rumah dan apabila kita menyampaikan segala tuntutan, maka tidak adupun respons yang begitu positif daripada pihak SESB. Itu sahaja Tuan Penggerusi. Saya ucapkan terima kasih dan mohon Menteri menjawab.

Tuan Penggerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan.

5.27 ptg.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Terima kasih Tuan Penggerusi. Saya ingin merujuk kepada Maksud Pembangunan 29 Butiran 80000 - Projek Pembetungan Negara. Anggaran tahunan 2016 sebanyak RM433,122,000 secara langsung tambah RM253 juta pinjaman. Yang Projek Pembetungan Negara ini merujuk kepada projek yang mana satu dan mengapa perlu meminjam RM253 juta untuk projek ini dan saya ingin merujuk kepada projek pembinaan rangkaian paip pembetungan di kawasan Petaling Jaya Selatan.

Projek yang saya hendak rujuk adalah Pakej D48 iaitu cadangan pembinaan rangkaian paip pembetungan di kawasan Petaling Jaya Selatan, Selangor Darul Ehsan, reka dan bina. Satu lagi projek yang kedua iaitu Pakej D52 pembinaan rangkaian paip pembetungan dan rasionalisasi loji rawatan kumbahan di Puchong, Selangor iaitu reka dan bina.

Saya amat mengalu-alukan kedua-dua projek ini di mana projek bersepadu yang menyalurkan ataupun memindahkan sisa kumbahan ini ke satu kawasan di Puchong bersepadu di mana kawasan-kawasan *antiseptic tank* yang sekarang ada di taman-taman tidak digunakan lagi. Dia akan pindah ke satu kawasan yang bersepadu yang satu *centre* untuk menyelesaikan

masalah kumbahan ini dan hanya projek ini yang telah pun berlarutan satu ke dua tahun sudah, amat *messy* sekali di mana projek ini menyebabkan jalan-jalan raya sudah rosak amat teruk.

■1730

Tak ditar semula selepas siap di sesetengah tempat, terutamanya di kawasan Jalan Gasing, Jalan Templer, Jalan Kemajuan di Seksyen 13, keseluruhan kawasan Seksyen 17 dan juga kawasan PJS1. Di mana kerja-kerja ini tidak mengikut jadual dan masa dan juga menyebabkan kesesakan lalu lintas semasa projek ini dilakukan. Oleh kerana ia melibatkan penutupan jalan, dua jalan, tutup satu jalan. So, memang setiap hari sesak lalu lintas.

Saya hanya hendak minta, hendak pastikan bilakah projek ini akan siap keseluruhannya di PJ Selatan, termasuk di PJS1 ini, pakej D.48 dan pakej D.52. Ada masalah juga yang berlaku di mana di PJ Old Town ini, rumah yang agak lama, di mana zaman dahulu, taman ini tidak ada tempat untuk kumbahan, sistem saluran kumbahan. Mereka gunakan *antiseptic tank* yang *individual*, yang *sharing*. Satu atau dua rumah atau empat rumah *sharing*, yang ini tidak terlibat dalam projek ini. Saya sangat hairan mengapa kalau kita hendak buat projek bersepadu, hendak pindahkan tempat kumbahan ke satu tempat bersepadu, *centre*. Mengapa rumah-rumah yang terlibat ini, rumah-rumah *individual* ini, yang banglo-banglo *house*, yang *sharing antiseptic* ini tidak terlibat dalam projek ini?

Saya hendak tahu juga, apakah rancangan kerajaan, KeTTHA ini tentang kegunaan tanah. Oleh sebab selepas tempat kumbahan dipindah ke satu tempat *central point* dan di taman-taman ini kawasan yang sekarang lapang ini, apakah rancangan untuk kementerian untuk membangunkan tanah ini atau tanah ini akan diserah balik kepada negeri? Oleh sebab yang melibatkan banyak kawasan, terutama di kawasan PJ Selatan, PJ Satu yang ada satu kawasan yang sangat besar, yang tanah ini untuk *future*, kegunaan untuk apa? Saya rasa itu sahaja. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Jerlun. Ada empat orang lagi.

5.32 ptg.

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Terima kasih Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri. Saya hendak sentuh terus tentang 06500 – Rancangan Bekalan Air Negeri Kedah. Saya hendak bercakap sedikit berkaitan dengan pengurusan bekalan air mentah. Di Kedah ini kita bersyukurlah, selama ini kita tidaklah sangat menghadapi masalah bekalan air mentah dan kita mempunyai empat empangan yang besar iaitu Empangan Ahning, Pedu dan juga Muda serta Empangan Beris.

Kalau di Ahning, Muda dan Pedu ini kita mempunyai *surface area* untuk kita takungkan air seluas 80 kilometer persegi dan kita punya kawasan tadahan itu sejumlah 1,400 kilometer persegi dan memanglah luas. Cuma saya sekadar ingin berkongsi untuk masa depan dari sudut dasar bekalan air. Bekalan air di Pedu dan Muda ini *basically* untuk *irrigation*, untuk tanaman padi tetapi yang peliknya sudah tentulah kita pun hairan kerana di Kedah ini kita guna air ini

terlampaui banyak sebab sebelum hendak tabur, kita hantarkan air. Sebelum dia hendak ini, kita kena keringkan air dan air ini semua dilepaskan ke laut.

Jadi, adakah pihak kementerian untuk jangka panjang, bercadang dan bercita-cita untuk mengatasi masalah bekalan air jangka panjang seperti negeri Selangor, Johor dan sebagainya ini untuk mewujudkan *retaining* ataupun *recycle dam* ataupun *pond* untuk dikitar semula bekalan air ini untuk kegunaan domestik ataupun industri.

Jadi, saya melihat bahawa kalau ada perancangan seperti ini, mungkin 10 tahun, 20 tahun yang akan datang, kita tidak akan menghadapi masalah bekalan air yang *acute*, yang begitu kritikal. Jadi, sudah tentulah macam Kedah ini, ia ketika ini juga selain daripada membekal air untuk Kedah sendiri, kita juga membekal air untuk negeri Perlis dan juga Langkawi sebagai sebahagian dari negeri Kedah dan juga sudah tentu Pulau Pinang.

Walau bagaimanapun, kalau untuk jangka panjang kita bimbang mungkin masalah cuaca, masalah fenomena El-Nino dan sebagainya, mungkin bekalan air itu sendiri akan terencat. Jadi, saya mencadangkan supaya kerajaan boleh memikirkan untuk mewujudkan *recycle dam* ataupun *retaining dam* ini untuk digunakan dikitar semula penggunaan air. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Sandakan.

5.35 ptg.

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Tuan Pengerusi, saya ingin berbahas ke atas Kepala P.29 di bawah Butiran 03200 - Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB). Diperuntukkan sebanyak RM327 juta dan diberi pinjaman sebanyak RM178 juta. Ini agak satu peruntukan yang besar. Jadi, di sini saya ingin tahu makluman dari Yang Berhormat Menteri, bagaimana peruntukan ini digunakan, untuk projek mana? Jadi, mana projek tersebut bagi tahun depan yang untuk memastikan peruntukan ini boleh mengurangkan masalah *electricity supply* di Sabah?

Jadi di sini, satu perkara saya ingin sentuh di sini ialah satu projek yang Ulu Pedas Hidro Power Plant yang disentuh yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tidak lama dahulu. Yang ini satu *hydro power* itu akan dikasi ekuiti kepada satu *company* Kerjaya Kagum. Ini satu *company* yang mendapat ekuiti 60%. Kita dapat tahu Ketua Menteri Sabah, ada secara rasmi menegaskan ini bahawa Kerajaan Sabah mahu memegang 40% saham ke atas pemilihan loji ini, manakala 400 dimiliki oleh SESB tetapi tiba-tiba Kerjaya Kagum memiliki 60% *major shareholder*.

Di sini kita minta Yang Berhormat Menteri bagaimana Kerjaya Kagum ini sebuah *company come up to the picture*lah. Jadi, apa-apa syarat ini Kerjaya Kagum yang membeli *major equity*. Jadi, peruntukan yang menandakan untuk *next year* punya bajet, adakah ini peruntukan untuk satu projek ini. Yang ini saya fikir Yang Berhormat Menteri yang boleh memberi penjelasan. Saya fikir ini pun satu IPP jugalah. Kalau yang ini *company* Kerjaya Kagum tetapi

secara umum ini, IPP di Sabah tidak berfungsi dengan baik. Sebanyak yang kita pangkalan ini *breakdown* disebabkan IPP ini tidak berfungsi dengan baik.

Jadi, saya pun minta Yang Berhormat Menteri mempertimbangkan bagaimana ini satu loji, tidak mahu kasi ekuiti yang besar untuk memiliki oleh SESB dan Kerajaan Negeri Sabah, mahu beli satu *company*. Saya mendapat tahu juga *company* ini tidak ada *experience*, tidak ada dasar, mengapa ini dia boleh dapat memiliki? Satu lagi, saya mahu minta Yang Berhormat Menteri, bagaimana itu *geothermal* yang dirancang sepatutnya saya mendapat tahu, dijangka akan siap tahun 2015, tahun ini.

Akan tetapi sekarang pun hujung tahun sudah, memang *geothermal* ini belum lagi ada fungsi atau belum lagi siap. Jadi, bajet yang untuk *next year* punya itu, adakah masuk ini *geothermal*? Lagi ini *geothermal* loji ini bila boleh berfungsi? Sekarang ini kita pun menanti ini satu loji atau *power plant* ini lama sudah. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Labuan.

5.39 ptg.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya sedikit sahaja, terus ke Butiran 11300 – Rancangan Bekalan Air Labuan. Sekarang air Tuan Pengerusi, di Labuan adalah datang daripada Sabah. Ada dua paip di bawah dasar laut daripada Beaufort ke Labuan yang mana airnya dirawat di Sabah dan dihantar air yang sudah dirawat. Jadi saya juga difahamkan bahawa fasa ketiga akan dibuat pada masa hadapan.

■1740

Soalan saya bolehkah diadakan rawatan itu di Labuan? Jadi dihantar air mentah dari Sabah ke Labuan supaya industri-industri yang menggunakan banyak air tetapi tidak memerlukan air yang terawat seperti PETRONAS Methanol (Labuan) Sdn. Bhd. boleh menggunakan air yang rawatannya lain daripada air-air yang dipakai untuk kegunaan minum dan sebagainya.

Selain daripada itu, saya juga ingin tahu *reservoir* di Labuan yang ada itu, bolehkah digunakan atau dibangunkan di kawasan persekitarannya untuk tujuan pelancongan. Memandangkan Labuan tidak mempunyai kawasan yang luas tetapi kita ingin membangunkan industri pelancongan dan kita lihat *reservoir* yang ada di Labuan itu adalah kawasan yang cantik dan kita ingin membangunkannya untuk tujuan pelancongan.

Selain daripada itu, saya memohon diberi senarai permohonan-permohonan dari Labuan yang diluluskan untuk tahun 2016. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Pokok Sena. Sebentar tadi yang sebelah kanan saya minat?

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tidak, Yang Berhormat Serdang gulung.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Selepas Yang Berhormat Pokok Sena, Yang Berhormat Serdang.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ada lagi?

5.42 ptg.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Baik terima kasih Tuan Pengerusi. Satu perkara sahaja saya hendak sentuh B29 - Kementerian Tenaga Butiran 010200 - Tenaga Dan Teknologi Hijau. Saya ingin membangkitkan persoalan bahawa sektor tenaga ini adalah sektor strategik negara. Ia menyentuh soal kepentingan keselamatan negara dan sebagainya.

Oleh sebab itu, kementerian ini mempunyai tanggungjawab besar untuk merancang dan mengawal bagi memastikan supaya sektor strategik negara kita ini akan dapat dilindungi dan perlindungan itu lebih kepada perlindungan untuk kepentingan negara dan juga masyarakat dan rakyat dalam negara kita ini.

Persoalan yang saya hendak bangkitkan ialah berkaitan dengan isu yang telah pun dimuktamadkan semalam berkaitan dengan penjualan Edra, anak syarikat milik 1MDB kepada CGN Group daripada negara China, iaitu syarikat asing yang telah berjaya mengambil alih anak syarikat 1MDB yang bertujuan penjualan itu ialah untuk menyelesaikan rasionalisasi penyelesaian kepada masalah beban hutang yang terpaksa ditanggung oleh 1MDB.

Isu pokok Tuan Pengerusi yang saya hendak bangkitkan ialah kerana syarikat Edra ini memiliki lima buah loji jana kuasa tempatan, di samping lapan buah loji di peringkat antarabangsa. Jadi lima buah loji jana kuasa tempatan ini saya tidak pasti sama ada termasuk apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bayan Baru tadi iaitu Track 4B iaitu *turbine gas* di Melaka dan juga projek solar. Kalau ini termasuk bermakna bahawa kepentingan strategik negara kita ini sedang dikawal, selepas ini akan dikawal oleh kepentingan-kepentingan asing.

Kalau saya lihat bahawa ada beberapa analisa yang dibuat, apabila berlaku ini bermakna bahawa 18% aset penjanaan tenaga elektrik di negara kita ini akan dimiliki oleh syarikat asing, syarikat yang dimiliki oleh kepentingan-kepentingan asing.

Jadi ini suatu yang sangat membimbangkan kita. Saya tidak bimbang persoalan tarif elektrik apa yang dibangkitkan oleh rakan saya daripada Yang Berhormat Jelebu tadi sebab tarif elektrik ini, tidak ada syarikat asing pun memang ada naik. Tanpa syarikat asing, tanpa pemilikan syarikat asing pun tarif elektrik naik.

Akan tetapi persoalan yang saya hendak bangkitkan ialah kerana lima buah loji jana kuasa tempatan yang ada ini yang akan dimiliki iaitu melalui IPP-IPP yang telah pun dimiliki oleh Edra.

Tuan Pengerusi, saya hendak dapatkan penjelasan daripada pihak kementerian, apa perkiraan kementerian boleh bersetuju melalui Suruhanjaya Tenaga, mulanya Suruhanjaya Tenaga setuju kementerian nampaknya tidak bersetuju dan akhirnya nampak kementerian bersetuju dengan keputusan untuk membenarkan pemilikan 100%.

Saya bukan soal pemilikan 100%. Itu satu isulah pemilikan 100% walaupun Jawatankuasa Pelaburan Asing asalnya mengehadkan 49% ya Yang Berhormat Serdang, 49% tetapi itu sudah dilanggar. Akan tetapi isu pokoknya ialah dalam pemilikan itu mengandungi sektor strategik negara.

Saya hendak berbalik kepada tahun 2005 kalau tidak silap ingatan saya, ya tahun 2005. Apabila kerajaan menjual kepentingan Hospital Pantai kepada Parkway milik Temasek Holdings iaitu milik kepentingan asing Singapura. Parkway Pantai Hospital ini adalah hospital swasta yang dahulunya dimiliki oleh anak kepada Tun Mahathir, kalau tidak silap ingatan saya. Kemudian seorang tauke Cina dalam negara kita ambil laih dan kemudian jual kepada Parkway Temasek Holdings ini dari Singapura.

Semasa dijual itu, dijual bersekali dengan pemilikan yang diperoleh iaitu konsesi penswastaan yang telah diperoleh oleh Pantai Hospital ini iaitu konsesi berkaitan dengan syarikat Fomema, anak syarikat kepada Pantai Hospital iaitu pemeriksaan, *medical check up* untuk pekerja-pekerja asing, yang disyaratkan setiap tahun pekerja asing ini mesti mendapat pemeriksaan kesihatan dan Fomema iaitu syarikat yang dimiliki oleh Pantai Hospital inilah yang menguruskan. Satu lagi ialah Medivest iaitu syarikat yang telah mendapat konsesi penswastaan daripada kerajaan untuk *support service* bagi hospital-hospital kerajaan sebelah selatan. Dibahagikan selatan, utara dan juga timur. Jadi dia dapat sebelah selatan.

Jadi bermakna bahawa diberikan kepada Parkway syarikat milik Singapura itu bersekali dengan konsesi. Akhirnya timbul kekecohan bantahan daripada pihak tetapi penjualan itu sudah pun berlaku.

Akhirnya saya hendak sebut, saya hendak *quote* beberapa kenyataan yang dibuat pemimpin kerajaan pada waktu itu termasuk Yang Berhormat Pagoh pada waktu itu. Saya tidak ingat dia sebagai apa, bukan lagi Timbalan Perdana Menteri pada waktu itu. Yang Berhormat Pagoh juga bersetuju supaya disemak semula perjanjian tersebut.

Menteri Pertahanan sekarang ini pada waktu itu saya tidak ingat Menteri apa tetapi dia jawatan Ketua Pemuda UMNO pada waktu itu yang masih menjadi rakan sejawat saya pada waktu itu. Pada waktu itu beliau menyatakan, saya *quote* kenyataan beliau iaitu bahawa Ketua Pemuda UMNO Dato' Hishamuddin memberi amaran bahawa penjajahan tidak semestinya hanya dalam bentuk ketenteraan dan budaya. Beliau merujuk kepada isu pemilikan Parkway ke atas Hospital Pantai yang memiliki konsesi penswastaan yang saya sebutkan tadi.

Maknanya ini satu penjajahan. Saya tidak tahulah sekarang ini apa pendirian Yang Berhormat Menteri Pertahanan sekarang ini. Mungkin pada waktu muda, darah muda sudah tua dia jadi lembik. Ya Yang Berhormat Batu?

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ini Yang Berhormat Pokok Sena ini kalau dia kata sedikit jadi panjang. Kalau panjang jadi sedikit.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya tidak kata sedikit, saya kata satu perkara sahaja. Satu perkara itu panjang.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tolong ringkaskan.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tuan Pengerusi, saya hendak dapat pandangan daripada Yang Berhormat Pokok Sena. Dengan penjualan sektor yang begitu strategik kepada pihak negara asing, adakah ini juga bermakna 1MDB sudah gagal dalam objektif yang terutama 1MDB itu adalah untuk menstrukturkan semula *energy sector* dalam negara ini?

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya saya bersetuju. Terima kasih Yang Berhormat Batu. Saya bersetuju menunjukkan 1MDB gagal. Kegagalan 1MDB ini terpaksa ditanggung oleh kerajaan, oleh negara.

Saya hendak balik kepada isu yang saya bangkitkan tadi iaitu penjualan Pantai Hospital kepada Parkway. Akhirnya apabila berlaku kekecohan, kerajaan pada waktu itu bersetuju mengarahkan Khazanah beli balik daripada Parkway.

Kita jual dengan RM312 juta, kita beli balik RM800 juta. Parkway untung atas angin hampir RM500 juta. Kemudian bukan Khazanah yang menguruskan hospital ini. Khazanah lantik pula Parkway untuk menguruskan Hospital Pantai ini dengan bayar *fee* kepada dia. Dia untung berganda-ganda.

Apakah mungkin nanti apabila kerajaan - mungkin kerajaan lambat, perlahan untuk menyedari tentang kepentingan perlindungan sektor strategik negara kita ini akhirnya apabila sampai satu peringkat dia sedar baru hendak ambil alih pula. Ambil alih berapa lagi duit untuk beli daripada CGN Group daripada negara China ini.

■1750

Jadi bagi saya, bahawa ini sangat berbahaya. Jaminan saya hendak minta ialah, apa strategi perlindungan kepada sektor strategik ini? Apa jaminan keselamatan negara tidak disabotaj oleh syarikat asing yang mengawal kepentingan sektor strategik dalam negara kita ini. Kalau syarikat sabotaj, ini saya tidak pasti sama ada IPP-IPP sekarang ini masih mendapat subsidi daripada kerajaan ataupun tidak. Saya tidak pasti. Akan tetapi kalau masih dapat subsidi, jadi apakah IPP-IPP yang ada yang dimiliki oleh Edra ini akan terus mendapat subsidi apabila dia terlepas kepada syarikat asing.

Akan tetapi itu bukan isu pokok. Isu pokoknya Yang Berhormat Menteri ialah pemilikan asing, sektor strategik negara. Mana boleh. Apakah kita hendak mengulangi kesilapan? Apakah kerajaan tidak belajar daripada kesilapan kita menjual dan membenarkan Pantai Hospital jual kepada Parkway. Tiba-tiba ada kepentingan di dalam Pantai Hospital itu konsesi penswastaan sedangkan sama juga. Apatah lagi ini syarikat kerajaan, syarikat kerajaan yang ada kepentingan sektor strategik negara. Saya mohon penjelasan daripada pihak Menteri. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Pasir Gudang.

5.51 ptg.

Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi saya ruang untuk sama berbahas dalam kementerian ini. Saya ingin berbahas sedikit berkenaan dengan Butiran 06400 – Rancangan Bekalan Air Negeri Johor.

Kepada pihak Menteri, saya ingin mendapat tahu lah dengan sejelasnya tentang perancangan kementerian dari sudut bantuan kepada kerajaan negeri kerana di Johor terutamanya di kawasan saya Pasir Gudang ini sudah masuk empat bulan kami mengalami catuan air. Keadaan air di Sungai Layang memanglah sangat getir. Hampir setiap hari kami mendapat maklumat bahawa walaupun ada hujan, tetapi air hujan tidak masuk ke dalam kawasan tадahan. Jadi mohon kementerian dalam jangka masa panjang, apakah perancangan yang dibuat untuk memastikan perkara ini dapat di atasi. *It is because* dengan izin keadaan ini jika berterusan, tentulah ia amat menyulitkan.

Akan tetapi sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab, kerajaan negeri telah pun mengambil satu daya usaha iaitu membelanjakan sekitar RM4 juta untuk menambah *piping* bagi mendapat pengepaman air daripada Sungai Johor dan dimasukkan ke dalam loji kita. Jadi kita mohonlah, pihak kementerian memberitahu apa sebenarnya yang dibuat dengan masalah ini dan perancangan segera. Saya rasa ini perlu perancangan segera dengan perkembangan perumahan dan juga air yang *disupply* selain daripada kawasan perumahan, kawasan perkilangan dengan penambahan kilang-kilang di kawasan Pasir Gudang juga air yang sama juga diambil sumbernya kepada *rapid*.

Jadi saya mewakili orang Pasir Gudang mohon penjelasan yang sejelas-jelasnya daripada pihak kementerian dan ingin tahu tentang langkah yang diambil dengan kadar segera. Itu sahaja yang ingin saya sampaikan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Serdang.

5.54 ptg.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada beberapa butiran Tuan Pengerusi, bukan butir ya. Butiran ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila-sila. Pendekkan ya butiran itu.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Pendek sahaja. Isu pertama ialah B.29 Butiran 010200, perbelanjaan untuk Tenaga dan Teknologi Hijau. Saya hendak mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian kerana telah membuat keputusan untuk memperkenalkan *net metering*. Akan tetapi soalan saya ialah adakah *net metering* ini akan ada apa-apa kuota dari segi FIT kerana saya baca Menteri kata ada lebih kurang kuota 100 megawatt untuk satu tahun. Akan tetapi saya juga telah membaca kenyataan SEDA dan juga daripada MPIA bahawa *there is an understanding* jikalau *demand* lebih daripada 100 megawatt untuk satu tahun, *net metering* kuota

ini akan ditambahkan lagi. Jikalau ada kuota, apakah mekanisme yang akan digunakan oleh SEDA untuk mengagihkan kuota untuk *net metering* ini.

Satu lagi ialah tentang *allocation* FIT kuota yang melebihi 420 kilowatt sampai ke satu megawatt. Saya rasa saya telah membangkitkan isu ini kepada Yang Berhormat Menteri sebelum ini, tetapi saya masih belum mendapat satu penjelasan yang baik kepada kuota ini tidak diagihkan secara *open balloting* seperti yang diagihkan untuk FIT kuota yang di bawah 425 kilowatt. Jadi saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri sama ada apa-apa keputusan yang baru untuk mengagihkan FIT kuota yang lebih daripada 420 kilowatt secara *open balloting*.

Akhir sekali saya hendak Yang Berhormat Menteri mengesahkan sama ada Edra solar ini diberikan kuota untuk *utility solar scale* sebanyak 500 megawatt kerana sebelum ini apa yang saya baca ialah *initial allocation* ialah 50 megawatt sahaja. Jadi adakah ini benar? Apakah tarif *rate* yang akan diberikan kepada solar *utility scale* ini untuk 1MDB?

Last sekali untuk perbelanjaan Butiran 050200 untuk Malaysian Green Technology Corporation ataupun Malaysian Green Tech. Saya baca bahawa peruntukan ini dikurangkan sejumlah RM5 juta daripada RM10 juta ke RM5 juta. Saya hendak tanya kenapa peruntukan ini dikurangkan memandangkan bahawa Malaysian Green Tech Corp adalah satu jabatan ataupun institusi yang penting untuk memperkenalkan teknologi baru dari segi *green technology* di negara kita.

Saya bagi satu contoh saya melawat *exhibition electric vehicle experience* yang telah dijalankan dan diaturkan oleh Malaysian Green Tech ini dan saya dapati bahawa ada banyak teknologi baru termasuk kereta *test*, kereta elektrik *test*, *electric bicycle* dan banyak lagi yang diperkenalkan oleh Malaysian Green Tech. Jadi adakah pengurangan peruntukan ini daripada RM10 juta kepada RM5 juta adakah ini akan mengurangkan kepakaran dan juga kebolehan Malaysian Green Tech untuk memperkenalkan teknologi baru di negara kita. Itu sahaja, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tinggal dua, sedikit sahaja. Terlupa pula kawasan... Yang Berhormat Sepang. *[Ketawa]*

5.58 ptg.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih Tuan Pengerusi dari Kuala Krau. Okey, saya tidak lupa kawasan Tuan Pengerusi. Saya ingin membangkitkan dua perkara sahaja, pertamanya berkaitan dengan subsidi bilangan elektrik yang telah pun dihapuskan sama sekali sebanyak RM150 juta. Saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Menteri, pertamanya adakah Yang Berhormat Menteri juga akan mengatakan bahawa seperti mana subsidi gandum telah dikurangkan, maknanya MOT akan bagi juga kepada kementerian ini untuk bil elektrik seperti mana jawapan daripada Menteri KPDKKK semalam. Itu yang pertamanya.

Keduanya Yang Berhormat Menteri, saya ingin tanyakan bagaimanakah selama ini kita hanya mendengar rasionalisasi subsidi. Adakah pihak kementerian telah membuat satu kajian apabila dihapuskan subsidi ini, sudah tentu ia akan memberi kesan kepada pengguna-pengguna

khususnya mereka yang berpendapatan rendah. Jadi kita faham selama ini rasionalisasi subsidi ini bagi memastikan mereka yang subsidi ini pergi kepada kumpulan sasaran, maknanya orang-orang miskin, orang-orang yang sepatutnya dibantu ini, subsidi itu *reach* mereka dengan izin.

Jadi apabila kita hapuskan sama sekali subsidi ini, bermakna tidak timbul lagi lah kita bahawa *rationalize* lagi lah. Maknanya orang-orang yang miskin, orang yang tidak ada pendapatan semuanya akan mengalami kesusahan. Apatah lagi Pengerusi Suruhanjaya Tenaga telah menyatakan bahawa pada tahun hadapan takrif elektrik akan dinaikkan. Jadi apabila dinaikkan subsidi tidak ada lagi. Jadi semua ini sudah pasti akan memberi kesan yang besar kepada rakyat Malaysia ini.

■1800

Itu yang pertama Menteri. Yang keduanya tentang Edra. Saya hanya nak tambah sedikit apa yang dikatakan oleh sahabat saya dari Pokok Sena itu. Cumanya kalau saya baca dalam *Bloomberg* ini yang mengatakan bahawa antara punca yang menyebabkan syarikat China ini juga berjaya dapat membeli *power asset* daripada pihak anak syarikat 1MDB iaitu Edra, adalah kejatuhan mata wang kita sendiri sebab apabila kejatuhan mata wang itu, ia memberi kesan kepada, maknanya dengan mata wang itu, syarikat-syarikat luar ini dengan mereka mempunyai dolar yang lebih baik sudah tentu mereka boleh membeli dengan, walaupun diletakkan harga yang tinggi sekali pun dari segi relatifnya dapat masih lagi boleh bersaing dengan lebih mudah sebab mata wang kita itu diconvert dalam US dolar masih lagi rendah.

Jadi adakah ini sebagai satu kesan kepada, apabila pertamanya dalam isu Edra ini yang pertamanya kita tahu bahawa ini adalah satu masalah negara apabila kelemahan 1MDB sebab kita semua tahu penjualan aset ini adalah untuk membayar hutangnya, melunaskan hutang-hutangnya yang dikatakan dah lebih RM40 bilion. Isu yang kedua ialah kalau kita lihat daripada awal lagi semenjak 1MDB ditubuhkan ini, mereka begitu mudah. Apabila mereka dapat tanah dengan harga murah di TRX itu, mereka dapat harga murah, jual kepada Tabung Haji dengan harga yang tinggi. Bukan untuk pelaburan tetapi untuk bayar hutang.

Selepas itu beli pula *power asset*. Beli-beli, lepas itu asalnya kita mengharapkan apabila mereka beli itu mereka akan menggunakan *power asset* itu untuk menjana keuntungan tetapi lepas beli, jual balik. Mula-mula melalui IPO, lepas itu tidak jadi. Jadi akhirnya 1MDB ini secara mudahnya begitu mudah. Dapat satu harta, jual, dapat satu harta, jual. Tujuannya bayar hutang. Jadi adakah ini satu cara untuk, walaupun dikatakan bahawa TNB ataupun Tenaga Nasional ini apabila mereka pada mulanya begitu *confident* akan dapat dan salah seorang *success bidder* kepada Edra ini.

Saya baca kenyataan daripada TNB menyatakan bahawa apabila mereka, sekiranya mereka dapat *bid* ini walaupun di sana ada tuduhan-tuduhan yang mungkin mengatakan ini sebagai satu *bail out* tetapi mereka mengatakan dengan mereka dapat membeli Edra itu dengan harga yang mereka tetapkan itu. Sekurang-kurangnya mereka dapat lagi menjadi pembekal elektrik yang lebih kuat lagi.

Keduanya, saya ingin tanya juga kepada menteri. Kita tahu bahawa selama ini, IPP ini adalah syarikat-syarikat yang ditolong, dibantu, ada yang kata diberi subsidi dalam erti kata penjualan, mereka ini dapat harga yang lebih rendah. Jadi adakah saya *quote*, subsidi yang dikatakan diberikan kepada IPP ini semua akan terus dinikmati oleh syarikat China ini, syarikat yang mendapat kontrak ataupun mendapat *successful* dengan izin membeli *power asset* daripada Edra ini. Kalau itu yang berlaku bermakna kita rasa bukan saja isu *security* menjadi *concern* kita tetapi mereka juga *in a way* dibantu sebab mereka juga mendapat manfaat seperti mana IPP yang lain. Jadi itu saya minta penjelasan daripada menteri. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kulai. Selepas Yang Berhormat Kulai, Yang Berhormat Menteri jawab.

6.04 ptg.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran 010200 – Peruntukan untuk Tenaga dan Teknologi Hijau. Saya rasa selain daripada penjualan Edra, pada bulan Julai tahun ini TNB juga telah membeli daripada 1MDB pemilikan saham sebanyak 30% di Gemas Power Sdn. Bhd. Gemas Power Sdn. Bhd. ini adalah satu *joint venture* dengan izin di antara 1MDB dengan Mitsui & Co. Limited tetapi oleh sebab 1MDB tidak mampu untuk menyiapkan projek tersebut, jadi sekarang 1MDB pada bulan Julai menjual saham mereka dalam Gemas ini kepada TNB dengan harga hampir RM57 juta.

Akan tetapi apabila kontrak ini diberi kepada Gemas iaitu 1MDB juga, tarif pada masa itu adalah 25.17 sen per kilowatt *hour*. Akan tetapi apabila TNB membeli saham Gemas ini daripada 1MDB, tarif yang terbaru, tarif sekarang telah meningkat ke 26.67 sen per kilowatt *hour*. Jadi di sana ada satu perbezaan peningkatan yang setinggi 1.5 sen kilowatt per *hour*.

Jadi saya hendak tanya di sini adalah pertama, kenapa kementerian ini mengizinkan 1MDB untuk menjual saham mereka dalam Gemas kepada TNB dan ini akan mengakibatkan peningkatan tarif. Pada akhirnya rakyat jelata perlu bayar bil elektrik yang lebih tinggi. Kenapa apabila 1MDB tidak mampu menyiapkan projek ini, kementerian sepatutnya membatalkan kontrak ini dengan Gemas dan 1MDB supaya kontrak ini boleh di tender secara terbuka sekali lagi.

Haraplah ada tender, ada orang yang boleh memberi, menawarkan tarif yang lebih tinggi tetapi tidak. Kementerian hanya dengan begitu senang sahaja mengizinkan 1MDB untuk menjual saham mereka dalam Gemas dan pada akhirnya rakyat jelata akan menghadapi peningkatan tarif. Jadi saya hendak minta satu penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, kenapa kontrak untuk Gemas ini tidak ditarik balik supaya boleh buat tender terbuka sekali lagi. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

6.07 ptg.

Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Pertamanya saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan di peringkat Jawatankuasa mengenai peruntukan-peruntukan yang di bawah kawalan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air iaitu di bawah Kepala P.29 dan B.29.

Sejumlah 25 orang Ahli-ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian dan saya mengalu-alukan teguran serta input-input yang telah diberi. Dalam masa yang diberi begitu sederhana dan singkat, saya ingin menjawab ataupun memberi penjelasan-penjelasan kepada perkara-perkara yang dibangkitkan dan saya agihkan daripada menjawab setiap peribadi Ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian, saya bahagikan kepada sektor yang dijaga oleh kementerian iaitu sektor tenaga, sektor teknologi hijau dan sektor air dan pembetungan.

Pertamanya dari segi sektor tenaga oleh Yang Berhormat Simpang Renggam telah membangkitkan perkara yang berkaitan dengan kutipan FIT yang dikendalikan oleh pihak SEDA melalui akta seperti mana yang telah ditetapkan. Sememangnya pada saat ini kerajaan telah memutuskan supaya sumbangan dari segi peratusan itu adalah setakat 1.6% daripada bayaran-bayaran bil elektrik bagi mereka yang

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Menteri, 1.7 bukan 1.6.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: 1.6 yang telah pun diputuskan. Selepas itu sememangnya dari cadangan asal ialah di peringkat 2%.

■1810

Setakat ini kerajaan belum ada perancangan untuk meningkatkan kutipan ke tahap itu. Namun, pihak kementerian dan SEDA akan meneliti dari segi respons pihak awam dari segi mengambil bahagian di dalam program-program tenaga yang diperbaharui dan seperti mana nanti saya akan ulas dalam perkara yang dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat mengenai program-program baru yang kita akan mulakan seperti *net metering* yang telah dibincangkan dan USS.

Bagi pihak kementerian, kami melihat bahawa barangkali dari segi menggalakkan *target* yang telah pun ditetapkan dan apatah lagi Menteri-menteri ASEAN baru-baru ini dalam mesyuarat yang kita hos di Kuala Lumpur telah menetapkan supaya peratusan *renewable energy* ataupun tenaga yang dibaharui itu harus dipertingkatkan dan ketetapan telah dibuat termasuk juga Menteri-menteri APEC supaya dalam 10 tahun yang akan datang menetapkan sasaran 23 peratus *renewable* dalam *energy mix* kita. Jadi sesuai dengan ini, kita akan teliti galakan-galakan yang perlu diberi kepada pihak awam untuk mengambil bahagian dan untuk mencapai matlamat ini. Jadi, kita akan teliti. Pada saat ini belum ada perancangan tetap, namun kita akan semak semula sesuai dengan *target* dan juga perkembangan terkini.

Mengenai dengan beberapa Ahli Yang Berhormat yang telah pun menyentuh juga perkara-perkara mengenai dengan *net metering* dan seperti mana Ahli Yang Berhormat dari Serdang juga sentuh...

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Yang Berhormat Menteri. Soalan saya tadi yang kedua itu tentang Program FiT bagi individu yang saya dimaklumkan akan tamat pada tahun 2017, adakah itu akan dibuka semula dan dipertimbangkan oleh kementerian? Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Pada saat ini, pihak SEDA telah mencadangkan supaya tahun 2017 akan menjadi tahun terakhir untuk solar PV yang berskala melebihi 425 kilowatt. Kita sedang meneliti ini sesuai dengan jumlah kutipan yang diadakan.

Akan tetapi pada masa yang sama seperti mana saya akan jawab sekarang bagi beberapa Ahli Yang Berhormat yang menyentuh perkara *net metering*, kita berpendapat bahawa ini satu pendekatan yang lebih *egalitarian* dengan izin, di mana mereka-mereka yang kecil yang minat untuk memasang solar di atas *roofing* rumah-rumah boleh mengambil bahagian dan untuk sebagai permulaan, 100 megawatt untuk setiap tahun sampai kepada tahun 2020. *So that* lima tahun akan datang, *so that* 500 megawatt akan diperuntukkan.

Pada masa ini juga, pihak SEDA dan kementerian masih lagi meneruskan program komuniti PV yang pada tahun depan ini, kita berpendapat, tertakluk kepada sambutan pihak orang ramai di mana Ahli-ahli Yang Berhormat boleh mengambil bahagian khususnya untuk masjid ataupun surau ataupun tokong ataupun gereja ataupun sekolah untuk menggunakan provisi ini untuk tujuan tersebut. Tahun yang lalu kami telah tentukan lima megawatt sebenarnya tapi itu pun tidak habis digunakan. Jadi tertakluk kepada tahun depan, nanti kita teliti berapa banyak yang perlu kita asingkan.

Akan tetapi yang lebih menarik lagi adalah *Utility-Scale Solar* dan untuk lima tahun yang akan datang, kita telah tentukan supaya 200 megawatt satu tahun. *So that is* dalam lima tahun 1,000 megawatt dan 50 megawatt di peringkat negeri Sabah setiap tahun. Prosedur-prosedurnya masih kita teliti dan nanti kita keluarkan peraturan-peraturan dan cara untuk *bidding* ya apabila persiapan-persiapan selesai. *But* setakat ini, kita bercadang untuk Semenanjung bahawa di dalam *block* 10 megawatt. *You can have 20 ke 30 megawatt* tapi dalam *block* kerana dalam pandangan TNB, ini adalah *intermitent power* dan kalaulah konsentrasi suatu tempat yang besar dan *second part of the grid may not be able to handle it*. Lagipun ini pertama kali kita *roll out* yang melebihi satu megawatt walaupun ada beberapa, ada 15 megawatt yang terbesar yang ada di Malaysia pada saat ini. Jadi begitulah dalam perkara ini. Nanti pihak awam bolehlah menyusuli dari segi prosedur-prosedur bidaan yang akan digunakan. Di Sabah lima megawatt per satu tempat ya. *But we can have 10 megawatt if you like to, then blocks of five.*

Yang Berhormat Sungai Siput.

Tuan Pengurus [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Sungai Siput.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Terima kasih Tuan Pengurus dan Yang Berhormat Menteri. Jika kita tengok solar, katakan dalam lima tahun kita akan dapat 1,000 megawatt, itu satu gigawatt, itu baru sampai enam ke tujuh peratus daripada *energy need* kita. *So, are we doing enough?* Jika kita hendak tukar solar daripada batu arang dan gas, *it is sound*

big, 1,000 megawatt or one gigawatt, tapi kita perlu 16 gigawatt pada masa ini. *It is only six or seven percent in five years.* So, adakah ini cukup yang kita buat *or should we do* lebih daripada ini? Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Sememangnya dari segi untuk makluman pada saat ini, sekadar dari segi solar suria, kapasiti misalnya yang telah diluluskan adalah 323 megawatt. Dalam soal *renewable energy* ini ataupun tenaga yang boleh dibaharui, apa yang kita lakukan adalah *some basket of good, mixtured* daripada solar PV dan biogas, *medium size hydro* dan *geothermal*. *Wind* belum ada nampaknya *private sector* yang telah pun menunjukkan minat. Setakat ini misalnya bagi biogas, kapasiti yang telah diluluskan ialah 158 megawatt dan dari segi *biomass*, 349 megawatt. Hidro kuasa kecil sebanyak 280 megawatt dan suria setakat ini 323 megawatt. Jadi kita tidak boleh melihat sekadar bahawa dasar dan strategi untuk menambahkan jumlah tenaga yang diperbaharui ini sekadar berpandu kepada solar tapi kita perakui bahawa saat ini minat sememangnya yang begitu tinggi memandangkan Malaysia berada di dalam latitud yang dikatakan antara yang terbaik khususnya di Kedah dan di Sabah.

Jadi saya ambil dua perkara itu iaitu kita teliti pada saat ini *combine* semua tenaga yang dibaharui ini, jika kita masukkan hidro, maka *we are* sebenarnya sudah mencapai ke tahap kira-kira 12 peratus, campur semua dengan yang lain. Kalau kita katakan 10 tahun dari sekarang sasaran 23 peratus haruslah *renewable*, kita percaya bahawa kita boleh mencapai perkara ini.

Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mahu teruskan kerana saya sudah lompat sini sana dari segi tajuk ini...

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Yang Berhormat Menteri, sudah habis FiT tidak? Kalau habis, saya hendak tanya *verification*.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Okey, boleh masuk.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Tadi saya tanya tentang FiT kuota lebih daripada 425 kilowatt sehingga satu megawatt. Kenapa tidak mahu beri sebagai *open ballot*? Juga *net metering* sama ada kalau *demand*, permintaan lebih daripada 100 megawatt setahun, adakah kementerian akan membolehkan lebih daripada 100 megawatt untuk diberikan?

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Okey. Baiklah, dari segi *net metering* 100 megawatt untuk tahun pertama dan diteruskan sampai tahun 2020, jadi 500 megawatt keseluruhan.

▪ 1820

Nanti kita teliti daripada segi sambutan. Jika betul meningkat dan minat masyarakat kita *to do solar farming under roof* dengan izin dan kita akan teliti ataupun kita boleh *put forward quota* yang kita telah tentukan sebelum ini. Memang ada sedikit keraguan daripada segi TNB kerana ini pertama kali kita ingin *all out* dan kita mesti teliti lebih dalam lagi implikasi-implikasi daripada segi *well revenue is one* dengan izin tetapi satu daripada perkaranya, usul daripada segi kawalan. Kawalan standard teknologi yang digunakan dan seterusnya dan ST akan terlibat secara langsung dalam memantau perkara ini.

Daripada segi perkara yang kedua ini, setakat ini daripada segi *biding*, ada kita buat satu dulu adalah untuk mereka yang memohon untuk *feeding tariff* di atas rumah sendiri. Kami tidak payah hendak gunakan *any bidding* kerana biasanya ngam-ngam ataupun *less than the quota is absorbed every year*. So yang paling lapuk waktu itu adalah – begitu juga dengan komuniti kuota. *Subscibers* atau *less* dengan apa yang *available*. Kita telah mulakan satu *open bidding* untuk *ablation* untuk 425 ke bawah. Untuk tujuan tersebut, pengalaman kita adalah walaupun begitu *transparent* dan seterusnya tetapi banyak masalah sebab kita perlu melakukan *pre qualification* supaya mereka yang betul-betul layak boleh masuk ke dalam untuk mengambil bahagian. So *financial testing*, *financial pre-Q* lebih banyak *financial and technical criteria*. Kita tidak mahu supaya tempat itu satu – semua berkumpul dalam satu negeri misalnya satu tempat dan TNB pun merasa bahawa kita harus galakkan 425 dan satu megawatt itu dan begitu juga nanti bila lima megawatt untuk *utility scale* dan sepuluh megawatt untuk di Semenanjung supaya dia diletakkan dalam *areas* yang di mana ada defisit dari segi penggunaan tenaga. *Meaning we are exporting power to that area* daripada ditubuhkan, dibina di tempat yang *there is surplus power*.

Jadi saat ini, TNB bersama dengan SEDA sedang menyediakan peta di seluruh negara di mana ada potensi untuk *renewable to supplement* keperluan tenaga di situ. Itulah telah kami katakan kepada pihak awam bahawa tunggu dulu maklumat-maklumat. Jangan terus pergi beli tanah. Bila you beli tanah di situ tetapi *there is no demand for power in that area, you see*, dengan izin. *They have to reexport the power back again to the grid and you lose along the way*. Jadi oleh sebab perkara-perkara seperti ini, *open bidding ablating, you have to be a guided process* tetapi saya beri jaminan bahawa kita akan perbaiki sistem-sistem penawaran pada masa akan datang supaya dapat memenuhi kriteria-kriteria yang kita tentukan. *We do not do ablating and then six megawatt fall in Pahang and there's nothing in Kedah and nothing* di tempat-tempat lain dan tempat barangkali di situ itu adalah *access energy*. Tiada perlu untuk *importing energy*. Akan tetapi saya, Yang Berhormat Serdang telah pun menyentuh perkara ini dan beberapa Ahli Yang Berhormat. KeTTHA sedang membuat *formulation* mengenai satu proses yang terbuka. Lebih *transparent* tetapi *maybe stratify a form* supaya dia dapat ditempatkan di mana tenaga itu diperlukan. Saya rasa cukup boleh.

Itu bagi Yang Berhormat Kuala Langat dan beberapa yang telah – juga Yang Berhormat kawan sebelah yang telah pun menyentuh perkara berkaitan dengan bantuan RM123,994,400 yang sebelum ini di bawah perbekalan kementerian. Tidak payah ragu-ragu. Sekadar apa yang terjadi adalah maksud ini dipindah kepada Perbekalan 11 Perkhidmatan Dan Perbendaharaan kerana mereka hendak *synchronize* butiran-butiran subsidi. Jadi masih lagi sama. Sebenarnya RM123.9 juta ini biasanya kurang daripada apa yang kita bayar biasa. Kira-kira 150 hingga 160 tertakluk kepada penjimatan tenaga oleh pihak-pihak pengguna bagi mereka yang 300 kilowatt jam. Jadi jangan ragu. Masih lagi ada hanya dipindah kepada perkhidmatan perbendaharaan di Kementerian Kewangan dan pihak KeTTHA akan terus memantau penggunaan-penggunaan ini. Pendek sahaja. Tidak ada perlu ragu-ragu untuk perihal untuk menamatkan subsidi ataupun bantuan tersebut.

Okey, Yang Berhormat Hulu Langat. Yang Berhormat telah membincangkan berkaitan dengan...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri. Sikit sahaja boleh? Fasal subsidi tadi. Yang Berhormat Menteri, kalau kita lihat jumlah subsidi yang dipotong yang diberikan kepada kementerian ini ialah RM150 juta subsidi bil elektrik. Jadi saya hendak tanya adakah Yang Berhormat Menteri sendiri ada pengetahuan. Berapakah jumlah kalau diberi kepada B.11 itu. Berapakah kementerian ini akan dapat berkaitan dengan subsidi elektrik ini?

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Dilepaskan sepenuhnya kepada pembayar-pembayar bil yang kita peroleh daripada TNB dan SASB. So tiada rayuan apa-apa. Hanya bila tuntutan yang diminta oleh pihak TNB dan kita lepaskan bayar terus kepada mereka mengikut Kepala dan Maksud serta jumlah yang di *invoice* dengan izin oleh pihak TNB.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Akan tetapi semalam Yang Berhormat Menteri kata bukan sahaja subsidi berkaitan dengan elektrik sahaja tetapi subsidi lain pun akan diberikan. Jadi *there must be cut off point* berapa jumlah tertentu yang diperuntukkan untuk elektrik ini. Daripada RM150 juta, sekarang ini peruntukkan dalam B.11 ini akan dikongsi juga oleh subsidi-subsidi lain. Jadi saya hendak tanya mesti ada satu jumlah tertentu yang telah diperuntukkan untuk kementerian ini, untuk elektrik ini.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Ya, pada saat ini mereka telah memperuntukkan RM123.9 juta. Saya katakan tadi memang ini kurang daripada biasa iaitu RM150 juta hingga RM160 juta yang dituntut oleh TNB kepada kami. *Expectation* kerana ini kerana usaha-usaha untuk *energy efficiency* dan seterusnya. Akan tetapi saya rasa dan yakin jika ini tidak mencukupi, pihak Kementerian Kewangan akan bersama dengan pihak KeTTHA akan meneliti perkara ini nanti.

Baiklah. Yang Berhormat Hulu Langat telah pun menyentuh mengenai dengan perkara ataupun pencapaian kecekapan tenaga bangunan kerajaan dan saya katakan di sini bahawa program ini sedang berjalan dipantau oleh kementerian dan lebih 25 bangunan kerajaan di Putrajaya yang kita pantau setiap bulan dari segi bil mereka dan kerajaan telah menetapkan supaya agensi kerajaan harus mengurangkan 5% dari segi bil elektrik mereka. Saya katakan di sini bahawa untuk setiap bulan tahun ini, ini telah pun tercapai. Pandangan kementerian sebanyak 5% barangkali *too small*. *We can even increase it to higher next year*. Tempat ini sudah tercapai dari segi semua 25 bangunan kerajaan di Putrajaya dan di luar daripada Putrajaya. Satu lagi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Hulu Langat sudah terjawab. Terima kasih.

Seterusnya Yang Berhormat Kota Raja telah menyentuh tentang berapa peratus daripada tenaga yang dijanakan daripada tenaga kita ini yang daripada tenaga solar dan apa perkembangan terkini. Saya telah pun jawab dengan butiran-butiran tadi. Kira-kira 330 lebih megawatt yang telah diluluskan daripada keseluruhan jumlah yang telah diluluskan. Yang saya

katakan tadi adalah 1,100.39 megawatt dan daripada jumlah tersebut, 300 lebih, 330 yang saya telah sentuh tadi adalah daripada solar.

■1830

Jadi, *we are on target*, dengan izin, dari segi perkara-perkara ini. Seterusnya, Yang Berhormat daripada Sungai Siput. Okey, sebahagiannya saya telah jawab tadi 323.3 megawatt ataupun solar. *You are saying*— satu lagi yang disentuh oleh Yang Berhormat, termasuk juga Yang Berhormat daripada Serdang *I think*, menyentuh kenapa peruntukan untuk *Malaysian Green Tech Corporation* itu dikurangkan dari segi RM10 juta pergi RM5 juta. Ini adalah sesuai dengan perancangan awal bahawa setelah lima tahun dalam perjalanan badan tersebut bahawa mereka harus mencari sumber-sumber lain dari segi pendapatan mereka dan mulai potongan pada tahun hadapan.

Jadi, terpakalah pihak MCTC mencari dana-dana lain, namun kementerian akan pantau kalau mereka boleh hidup ataupun taklah dalam perkara ini. Jadi, ini sebahagian daripada dasar kerajaan. Okey, Yang Berhormat Ranau mengenai dengan 20 kampung yang telah siap pendawaian elektrik tetapi hingga sekarang belum ada lagi elektrik, tenaga dapat dibekalkan. Ini antara masalah yang timbul dari segi perancangan di peringkat negeri bersama dengan SESB dan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW).

Di mana bekalan elektrik luar bandar di bekal oleh KKLW. Hal di dalam bandar, semi bandar diurus oleh SESB. Bila projek luar bandar siap, mereka harus serahkan projek tersebut kepada kawalan SESB. Namun, pada sebelum ini ada masalah sedikit perhubungan. Jadi, apabila peruntukan diberi untuk menarik grid kepada luar bandar, peruntukan yang diluluskan oleh kementerian KKLW tidak *complete substation*, sering kali terlupa masuk. Maka, apabila sudah siap, SESB tidak boleh kasi sambung *power* kerana memerlukan lagi kewangan untuk membina *substation*.

Kita sudah elakkan ini dengan perancangan yang lebih rapi supaya apa-apa projek luar bandar yang melibatkan *extensionable grid*, dengan izin, bahawa SESB hendaklah terlibat bersama dalam perancangan serta DO-DO di kawasan tempatan. Ini supaya apabila siap sahaja ia terus boleh disambung kepada grid kerana semua transformer ataupun *substation* itu boleh dapat dibina sekali gus. Memang apabila kita *extend, substation* yang ada tidak boleh barangkali angkat lagi jumlah yang baru. Jadi, inilah *the complete, inclusive* punya *planning* dan pihak kementerian dan kementerian KKLW sedang mengatasi dan memastikan supaya ini tidak akan terjadi lagi.

Sementara saya difahamkan daripada tiga *substation* yang perlu dikenal itu, satu sudah dapat disiapkan dan yang dua itu dalam proses tindakan SESB, di mana bersama dengan pihak KKLW. Okey, mengenai sekali gus dengan Yang Berhormat Ranau kerana ada bicara sedikit tentang *water source*, *I just jump the queue*. Sememangnya dalam perkara ini sebenarnya bekalan air ada loji baru di Kundasang dan sudah mulai dibina. Akan tetapi apa yang disentuh oleh Yang Berhormat tadi adalah susulan daripada gegaran di Gunung Kinabalu itu, maka sumber air asal di beberapa dua tempat loji itu sukar sudah diguna pakai.

Kita setuju waktu kita lawat bersama pada waktu itu bahawa perlu pindah sumbernya. Ini kerana air ini di bawah kawalan kerajaan negeri. Pihak Pusat sekadar boleh membantu dari segi memberi pinjaman. Kebanyakannya adalah pinjaman, kalau kecil-kecil barangkali geran. Jadi, pihak kementerian telah pun *sound* pihak Jabatan Air Negeri supaya membuat *consultancy* untuk tujuan memindah sumber loji tersebut. Saya berharap bahawa pihak kerajaan negeri akan mengambil tindakan tersebut. Barangkali Yang Berhormat Ranau perlu susuli perkara itu. Jika kementerian perlu mendapat bantuan dari pihak kami untuk membiayai *consultancy*, kita boleh pertimbangkan.

Datuk Dr. Ewon Ebin [Ranau]: Okey, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Mengenai dengan dua *substation* itu, saya ingin bertanya berapa lamakah lagi ini dapat dilaksanakan kerana ini adalah begitu penting. Kawasan-kawasan yang maksudkan tadi sudah disiapkan pendawaian tiga tahun yang lalu dan kalau masuk tahun depan sudah empat tahun. Jadi, kalau itu mengambil masa lagi dua tahun sudah menjadi lima tahun. Jadi, saya mintalah kerjasama daripada Yang Berhormat Menteri supaya ini dapat dipercepatkanlah.

Mengenai dengan bekalan air tadi iaitu saya juga minta bantuanlah. Selain daripada kerajaan negeri, daripada kementerian Yang Berhormat Menteri supaya ini juga dapat dipercepatkan. Oleh sebab di kawasan Ranau lebih kurang 20,000 orang penduduk seperti mana Yang Berhormat Menteri maklum sendiri, yang terlibat dalam masalah air ini. Jadi, kita memohon jasa baiklah daripada kementerian Yang Berhormat Menteri untuk mempercepatkan semua ini. Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terima kasih Yang Berhormat Ranau. Saya juga dimaklumkan bahawa untuk tindakan jangka pendek, tujuh *genset* sedang diatur oleh pihak SESB. Pada mulai Disember 2015 ini, harus boleh dijangka selesai disiapkan. Akan tetapi memang *long term* adalah *substation* yang diperlukan, yang memerlukan peruntukan yang lebih tinggi. Nanti pihak kita akan susuli, nanti lapor balik kepada kitalah dalam perkara ini.

Okey, Yang Berhormat Kota Raja minat mengenai perihal tenaga nuklear. Perkara ini sebenarnya di bawah Jabatan Perdana Menteri. Dulu saya Menteri MOSTI, terlibat secara langsung di dalam soal-soal perancangan dari segi teknologi. Akan tetapi maklumat yang diberi kepada kita sebagai utiliti kementerian ialah langkah-langkah sedang dilaksanakan supaya pembentangan rang undang-undang di bawa kepada Parlimen pada tahun depan. Tertakluk kepada sokongan Ahli-ahli Yang Berhormat, barulah perancangan-perancangan lain akan menyusuli, khususnya perihal penubuhan institusi-institusi, *safety institution*, R&D *part*lah dan seterusnya.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: [Bangun]

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Jadi, *until* perkara ini dapat dikemukakan kepada Dewan yang mulia ini, perkara ini perlu dirujuk kepada Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Boleh sedikit.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Yang Berhormat Batu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Oleh sebab ia *related* dengan isu Edra yang telah dijual kepada syarikat China dan syarikat China itu kebetulan adalah China General Nuclear Power Corporation. Adakah ini juga sedikit sebanyak menunjukkan kerajaan, kecenderungan untuk membangunkan penjanaan nuklear dengan juga *partner* kita dalam China itu juga adalah satu penjana nuklear. Dalam masa yang sama saya ingin dapat tahu bagaimana kita *reconcile*, dengan izin, dengan *green energy* yang kita sekarang ini terpaksa *subsidize* seperti solar, seperti ada kemungkinan angin dan lain-lainnya. Dengan adanya nuklear, bukankah ini akan memusnahkan usaha-usaha yang kita telah lakukan untuk menggunakan *green energy* ini. Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terima kasih Yang Berhormat Batu. Kita sedia maklum dari asal perancangan awal itu bahawa memandangkan sumber *fossil resources* kita adalah *limited*, jadi perancangan lebih awal itu adalah supaya melihat *option nuclear*. Satu sasaran itu tahun 2025 dan untuk 10% daripada jumlah penjanaan iaitu 2,000 megawatt.

■1840

Akan tetapi sepatimana kita sedia maklum dalam beberapa tahun ini, perkara ini *has become* begitu lebap. Itulah saya katakan tadi, perkara utama adalah untuk membentuk perundangan. Dari situ, barulah kita tahu perancangan-perancangan lain. *Beyond that, I think it's all speculation* dan seterusnya.

Jadi, biarlah bila dahulu lebih jelas apabila pihak Jabatan Perdana Menteri yang mengawali perkara ini membentangkan rang undang-undang pada tahun hadapan dan semua Ahli Yang Berhormat bolehlah membawa pandangan masing-masing.

Akan tetapi daripada segi CGN yang disentuh tadi dan saya mahu masuk dalam perkara ini sebenarnya, saya rasa itu tiada kaitan sama sekali daripada segi pertimbangan di dalam mana Kementerian Kewangan telah bersetuju dengan pembelian ekuiti di dalam 1MDB. Tiada kaitan bahawa mereka ini adalah juga pemaju dalam bidang nuklear.

Mengenai perkara pelepasan ekuiti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bayan Baru, Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Serdang dan seterusnya yang lain, pihak ini begitu jelas *it is between willing buyer and willing seller*, di antara Edra dan pembeli.

Pihak kementerian, *we are the regulator*. Kita telah mempertimbangkan perkara ini. Apabila meneliti keseluruhan bahawa Edra ingin melepaskan jumlah pegangannya melebihi daripada amalan sebelum ini. Sebenarnya amalan 49% ini pun dahulu di bawah kawalan EPU. Lima tahun dahulu tahun 2008, mereka telah melepaskan kuasa kepada *regulator* dan KeTTHA mengawal *regulator* iaitu Suruhanjaya Tenaga. Apabila kita meneliti perkara ini bahawa kita telah setuju dengan pelepasan ekuiti yang melebihi 49%.

Memandangkan dalam pandangan kita satu, ini sebahagian daripada transformasi dalam sektor tenaga. Kedua, dia sekadar 14% sahaja daripada *total generation capacity* dalam negara kita. Sejumlah 50% mesti dipegang oleh TNB dan 24% dipegang oleh Malakoff dan 14% di dalam tangan Edra iaitu 3,400 megawatt.

Bagi perkara dalam kita punya pertimbangan bahawa kita mesti boleh kawal perkara-perkara daripada segi apa yang perlu. Di bawah perundangan, *either* di bawah PPA ataupun di bawah lesen yang telah diberi kepada syarikat-syarikat di bawah jagaan ataupun milik Edra.

Jadi dalam pandangan kita, di Singapura 80% dalam tangan *foreigners*.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: [Bangun]

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Di negara-negara lain pun begitu dan 14% *I think* di bawah kawalan *Energy Commission* yang memang begitu dihormati daripada segi *international standard* dia pegang, kita rasa semua ini akan terjamin.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Baik.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: [Bangun]

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Yang Berhormat Pokok Sena. Yang Berhormat Bayan Baru, Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sebentar tadi Yang Berhormat merujuk bahawa Singapura 80% dikendalikan oleh syarikat berkepentingan asing dan sebagainya, itu adakah bermakna Yang Berhormat Menteri dan kerajaan akan bersetuju jika ada syarikat-syarikat lain yang memiliki IPP, selepas ini akan mengguna kaedah yang sama untuk menjual kepentingan syarikat mereka kepada kepentingan asing. Adakah Yang Berhormat bersetuju?

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Kawalan kepada pemindahan saham adalah di bawah Suruhanjaya Tenaga dan di bawah naungan kementerian. Kita akan meneliti apabila perkara seperti begitu timbul. Jika ada kelebihan bagi negara Malaysia dan seterusnya dan tidak *jeopardize national security* dan pegangan kita, saya rasa kita akan pertimbangkan apabila kes itu timbul nanti.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Bayan Baru.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Menteri, untuk melepaskan lebih daripada 49% ekuiti dalam *strategic sector* seperti penjanaan tenaga itu adalah perkara yang sangat serius kerana ia membuka satu ruang *precedence* untuk penjana-penjana daripada negara lain seperti China. Mereka punya kos untuk menjana elektrik itu adalah sangat rendah dan mereka mempunyai *the backing of the Chinese government*. Dia masuk ke Malaysia kerana dia hendak dapatkan *entry permit* ini. Dia masuk ini, selepas itu dia boleh *bid* mana-mana projek yang lain dan minta supaya dapatkan lebih dan *slowly one by one* dia akan *takeover companies* penjana IPP yang lain. *I mean now* mungkin you kata 14%, tetapi akhirnya, ini adalah *strategic sector* yang melibatkan *national security* di mana di Amerika Syarikat langsung tidak beri orang masuk kerana dia tahu ini, *generation of power* ini adalah sangat penting dan dia tidak beri kepada luar negara.

Jadi akhirnya kalau balik kepada Malaysia, satu per satu diambil dan dengan dia punya *dumping cost* dia, kos terlalu rendah dengan *backing of* negara China, dia bolehlah beli dengan

harga yang lebih tinggi. Maka, habislah sektor kita. TNB tidak akan kompetitif, tidak dapat bertanding dengan apa yang syarikat-syarikat China ini *bidding*.

Maka, kita mahu supaya ini adalah satu, kita mintalah *Energy Commission* kena *look at the bigger picture*. Jangan kerana satu *company* dalam keadaan yang tenat dengan dia punya *high debts*, dia hendak lepaskan *strategic sector*. *We cannot allow a company...*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Bayan Baru.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Saya akan habiskan Tuan Pengerusi. Ini adalah untuk kerana satu buah syarikat yang kecil, biarlah dia bankrap tidak mengapa tetapi kita *protect* kita punya *energy sector, strategic sector*. Minta Yang Berhormat Menteri kaji balik.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnnity Ongkili: Seperti yang saya katakan tadi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri, panjang lagi?

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnnity Ongkili: Selama 20 minit begitulah.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Berapa minit?

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnnity Ongkili: Selama 20 minit.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Selama 20 minit. Ahli yang buat pencelahan jangan panjang-panjang sampai tiga minit, ringkas sahaja.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnnity Ongkili: Ya, okey. Saya ringkas-ringkas sahaja. Akan tetapi *our energy* begitu menarik minat Ahli-ahli Yang Berhormat. *We take note to be our concern but* daripada segi pihak kementerian, *it is not going to be precedence*. Kita *control* licenses dan PPA and kita akan pastikan supaya kepentingan negara terus terkawal. Tidak semestinya ini adalah amalan untuk semua.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: *[Bangun]*

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnnity Ongkili: Kita akan kes dari kes yang akan ditimbulkan, tertakluk kepada apa sumbangannya kepada sektor *energy* ini dan seterusnya.

Yang Berhormat Pokok Sena, cukuplah.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Satu. Satu sahaja lagi. Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya seronok Yang Berhormat Menteri ini mari sini jawab sendiri. *[Dewan riuh]*

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnnity Ongkili: Saya dahulu duduk sana sama.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat Menteri, isu dia ialah TNB sendiri juga turut membida. Ini syarikat yang dimiliki oleh kerajaan di bawah Khazanah. TNB juga membida. Saya fikir bahawa sepatutnya pihak kerajaan harus mengawal supaya tidak boleh lebih daripada 49% seperti yang berlaku sebelum ini. Jika kerajaan tidak membenarkan pemilikan 100% kepada syarikat asing, maka sudah tentu TNB juga mempunyai potensi untuk mendapat pengambilalihan ke atas Edra yang merupakan 1MDB.

Jadi nampak 1MDB ini merupakan macam syarikat kerajaan yang menjadi orang tengah untuk beli IPP daripada syarikat rakyat Malaysia ini untuk jual kepada rakyat asing. Dia tolong beli sahaja. Jadi ini ‘Ali Baba’ internasional, konsep baru. ‘Ali Baba’ internasional.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Ya.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Jadi seolah-olah macam kerajaan sendiri, kementerian Yang Berhormat pun bersetuju dengan konsep ‘Ali Baba’ internasional.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tidak ada. Bukan begitu. *This is* antara *willing buyer and willing seller*, dia ambil nilai yang tertinggi. Jadi, itu di antara dua buah syarikat yang berunding dan memilih harga yang terbaik untuk mereka. Jika apa-apa yang perlukan kelulusan EC barulah diperhatikan.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Walaupun dua buah syarikat yang berunding, tetapi kerajaan ada kuasa untuk mengehadkan pemilikan.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Menteri, berapa peratus yang China dapat daripada *joint venture* ini daripada Edra? Dapat saham ekuiti, berapa peratus?

■1850

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Mengikut media *release* dia ambil 100%.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: 100%. Okey, terima kasih.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Mengikut media *release*.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Menteri..

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Soalan-soalan lain yang berkaitan dengannya seperti mana adakah itu solar 500 mega dalam 50x10 itu kerana kita belum dapat lagi SMP mereka. Maka ini masih...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: *Development rights, development rights, future development rights* dia jual juga.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Dia mesti dalam perlu diteliti kepada kita. Kita belum nampak dokumen lagi.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Belum dapat lagi tetapi adakah Yang Berhormat Menteri akan bagi *development rights* itu kepada mereka.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: [Bangun]

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Belum memohon sama kita. Kita akan tengok adakah itu termasuk dalam SMP atau tidak, baru dia orang *sign* kelmarin.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Sebelum dia dapatkan persetujuan daripada Menteri... *[Dewan riuh]* Terima kasih, Tuan Pengerusi. Dia patutnya sudah maklum kepada Yang Berhormat Menteri dia punya rancangan itu dengan segala permohonan barulah Yang Berhormat Menteri luluskan, *energy consultation*.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Yang Berhormat pakar dalam perundangan. Mereka ada SMP ada *conditional precedent* yang perlu dipenuhi dan setakat ini pihak kementerian belum menerima salinan daripada *sales of agreement* dengan CPs tertentu. Bila dia *submit*, we will teliti.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: [Bangun].

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Bolehkah minta Yang Berhormat Menteri kalau boleh...

Tuan Penggerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri kalau macam ini tidak habis kita. Kita ada satu lagi kementerian. Yang mana satu Yang Berhormat Menteri? Semasa Yang Berhormat Menteri menjawab sila duduk Yang Berhormat yang lain. Yang Berhormat Menteri yang mana satu, Yang Berhormat Menteri?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Sepang ya.

Tuan Penggerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Sepang, okey.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tanya dengan Yang Berhormat Menteri oleh kerana kita tahu dalam kes pembelian daripada aset daripada Edra ini kita tahu bahawa antara sebabnya ialah *China General Power* ini akan *assume all growth debt and cash* oleh Edra Global Berhad ini. Saya hendak tanya adakah daripada awal lagi *bidding* ini adalah satu yang *transparent* dan *fair*.

Pertamanya, mungkin Yang Berhormat Menteri ada maklumat tentang adakah TNB sendiri pun sebenarnya bersetuju juga untuk *assume the debt* itu? Ini kerana dia tidak tambah *assume debt* itu, itulah sebabnya dia gagal. Jadi saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Menteri adakah *bidding process* itu memang daripada awal *transparent* dan *fair*? Ini disebabkan dengan kedudukan mata wang kita rendah yang memberi *advantage* kepada syarikat China. Apa yang lebih saya *concern* Yang Berhormat Menteri, syarikat China yang mendapat kontrak ini pula adalah syarikat yang dimiliki yang ada milik kerajaan.

Maknanya dia bukan satu syarikat yang *private* tetapi satu syarikat yang Kerajaan China sendiri ada kepentingan di situ. Sudah tentu dia memberi satu *advantage, undue advantage* kepada syarikat ini. Jadi apa komen Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Perkara itu seperti yang saya katakan tadi Kementerian Kewangan yang telah pun mengendalikan semua bidaan. Jadi *in the details* itu saya mohon kepada Yang Berhormat Sepang nanti bangkitkan di peringkat Jawatankuasa peringkat Kementerian Kewangan. Mereka yang, saya sekadar *reference point* untuk lesen. Hal bidaan dan semuanya itu dikendalikan oleh Kementerian Kewangan. Okey, terima kasih.

Saya sekadar dua lagi perkara mengenai dengan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air. Satu ialah berhubung dengan Yang Berhormat Sandakan. Okey, mengenai dengan perkara Ulu Padas. Sememangnya ada enam syarikat yang telah berminat untuk memajukan projek ini. Apabila diteliti dengan *prequels* semua dan semua yang dijemput untuk datang untuk

membentangkan. Selepas itu Kabinet telah memutuskan supaya pemaju diberi peluang 60%. SESB dan TNB ialah 20%. Negeri Sabah ialah 20%.

Okey, *this is a private sector driven* melalui *either PFI ataupun it has go to IPP* sendiri. *So, it doesn't require money* daripada kerajaan. Akhirnya kerajaan SESB mengatakan kalau 20%, alang-alang mereka telah dapatkan Kerajaan Negeri telah ambil 40%. Jadi Ini antara syarikat kerajaan yang kagum dan kerajaan negeri dan tidak melibatkan apa-apa peruntukan daripada kerajaan kerana dia akan membangunkan sebagai IPP, okey. So, *I think* cukuplah itu nanti kita bercerita di luar sana.

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Tuan Pengerusi, kita dapat tahu juga loji Ulu Padas yang dipantau keras oleh penduduk di kampung sana. Jadi sudahkah Yang Berhormat Menteri mendapat persetujuan ini dari kampung-kampung di sana. Itu orang-orang kampung, oleh sebab saya dapat tahu ada tanah yang diambil oleh projek ini dan juga dia punya *environmental assessment* sudah buat atau tidak? Ini sebab kompelin yang kita dapat daripada penduduk-penduduk yang membantah satu projek begini.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya tidak ada penduduk yang terlibat kerana ini adalah di hutan sana. Setakat ini *second class forest reserved, commercial forest reserved*. Tidak ada satu orang pun. Hanya barangkali yang saya dapat pancing ikan dahulu kena ganggulah tetapi tiada masyarakat yang terlibat. Tiada masyarakat yang terlibat. Ada barangkali di sebelah bawah iaitu *commercial* tanah yang mereka gunakan untuk tapak loji itu.

Akan tetapi *the actual damp* tidak ada seorang pun yang *affected*. *This is state land*. Okey. So, saya rasa *you can continue to* pantau apabila projek ini telah pun dimulakan. Saya rasa teruskan di bawah perkara air sebelum saya...

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Tuan Pengerusi, satu lagi belum jawab lagi. Itu loji geotermal, bagaimana? Itu yang sudah lama kita...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Sandakan.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Geotermal ini dia dibina oleh pihak swasta dengan persetujuan pihak Jabatan...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Sandakan, sila duduk.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:...Jabatan Hutan dan Taman-taman Sabah di bawah kelulusan kerajaan negeri. SEDA sudah menerima kebenaran ataupun kelulusan untuk memajukan setakat ini 37 megawatt. Saya difahamkan terkini kerana kita memantau ini bahawa dalam bulan 12 atau bulan satu mereka boleh mulakan *drilling* kerana dia baru *team up* dengan satu *partner* baru seperti mana mereka maklumkan kepada saya SEDA.

Ini berharap bahawa mereka akan *heat the hot water* di bawah sana kerana akan menjadikan Malaysia nombor 16 di dunia untuk geotermal. *Don't worry if you want to go visit the place, they are welcome. They can give you authority to* pergi transparent about this particular

matter walaupun you punya Tawau partner itu selalu bising. Memanglah pembangkang mesti bising, kalau tidak susah cari makan. I was in there. Saya pun pembangkang dahulu, mesti mahu bising.

Okey, dari segi soal Empangan Kluang saya katakan dan juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat di sebelah sana bahawa kedudukan dua empangan di negeri Johor berada di dalam bawah paras kritikal iaitu Empangan Sungai Lebam dan Empangan Sungai Layang. Saya bercadang akan turun padang dalam dua minggu ini pergi meneliti sendiri.

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: Saya boleh ikut kalau Yang Berhormat Menteri hendak turun padang.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: *[Ketawa]* Saya belum sempat. Akan tetapi saya sudah hantar pegawai dan saya ada terima gambar-gambar bahawa *the* situasi memang teruk kerana dua empangan ini Empangan Sungai Layang dan Empangan Sungai Lebam tidak cukup air. Hanya 2.5% *below the critical point and* satu itu pun 17.53 sahaja.

Untuk tindakan, operasi pemberian awan oleh kerajaan negeri Johor telah pun dimulakan tetapi saya difahamkan air tidak jatuh dalam empangan. So we *continue* dengan menyalurkan air mentah dalam Empangan Layang ke Empangan Layang Upper. Dia akan pam naik ke atas dengan menggunakan paip sedia ada dan menyalurkan air mentah dari Sungai Tiram ke Empangan Layang Upper. Pembinaan dijangka siap Disember ini. *These are the sort of action* menyalurkan air mentah dari Sungai Papan ke Empangan Sungai Lebam dan pembinaan dijangka siap pada akhir November bulan ini sebenarnya. So, *this one is immediate* saya sedia maklum juga bahawa memang *rationing* catuan sedang berjalan di situ.

Jadi Tuan Pengurus, kita akan teliti ini dan bantu setakat mana kita boleh bantu daripada Kerajaan Pusat.

■1900

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: Yang Berhormat Menteri catuan sudah...

Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: Catuan bermula sejak bulan 16 Ogos.

Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]: Di kawasan Pasir Gudang ini, biar Pasir Gudang tanya.

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: Tidak apa, selepas saya. So, saya minta kalau Yang Berhormat Menteri boleh *shorten leisure* tetapi juga *mountain issues* estet kelapa sawit sampai ke empangan. Saya minta long *term solution* juga.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Ini dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pasir Gudang juga. Soal menjaga kawasan tадahan ini adalah di bawah kerajaan negeri. Akan tetapi pihak SPAN dan pihak kita di peringkat kementerian kita telah mulai meneliti bahawa perlu ada campur tangan daripada segi *regulator* dalam perkara ini kerana nampaknya walaupun itu adalah memang kuasa di peringkat negeri tetapi daripada segi *gazetting* dan *enforcement* itu – dan ini pun *enforcement* memanglah federal dengan negeri. So, nanti kita

telitian khususnya dua empangan Yang Berhormat telah sentuh itu. Seterusnya apa ini Yang Berhormat Kluang banyak tadi. Yang Berhormat Lipis...

Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]: Yang Berhormat Menteri, Pasir Gudang.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Saya sentuh tadi.

Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]: Sentuh tetapi saya tidak puas hati dengan jawapan Yang Berhormat Menteri. Soalnya begini Yang Berhormat Menteri, hendak tengok selepas empat bulan baru hendak hantar pegawai. Rasa saya memang tidak proaktif langsunglah. Ini kerana kita di Pasir Gudang macam saya kata sudah empat bulan catuan air ini, memang keadaan saya sendiri sudah turun banyak kali. Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor pun sudah turun. Jadi di peringkat kerajaan negeri sekarang kerajaan negeri sudah buat apa yang mereka patut buat termasuk yang Yang Berhormat Menteri katakan tadi yang saya *highlight*kan juga tentang pengepaman. Dia orang buat pam untuk pam air yang bernilai RM4 juta, yang kami mohon di sini bantuan apa yang kerajaan pusat akan bantu kerajaan negeri terutama daripada segi modal yang lebih besar. Soal pemberian awan tidak dapat dilakukan kerana tidak ada awan yang berkaitan, jadi mereka tidak boleh buat. Jadi kita hendak tahu dari kerajaan pusat kalau lagi dua minggu baru hendak turun Pasir Gudang, sudah mengarut Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Pihak kementerian sedang meneliti keadaan ini. Sebenarnya untuk makluman saya lapor kepada Kabinet pada hujung minggu ini dan telah menyenaraikan langkah-langkah yang kita boleh secara jangka panjang. Jangka panjang keseluruhannya ialah saya rasa untuk memastikan sungai-sungai di mana loji yang dua ini dapat dipertingkatkan jumlah air yang ada di situ ataupun memindahkan loji kepada sebelah bawah di mana mencukupi air yang sedia ada. So, tidak apalah nanti saya turun padang untuk berjumpa dengan Ahli Yang Berhormat di situ dan dalam tempoh dua minggu ini dan cuba cari penyelesaian khususnya untuk jangka panjang.

Baiklah Yang Berhormat Lipis banyak menyentuh mengenai dengan perihal kekurangan air di situ. Hanya dikatakan di sini bahawa pelaksanaan PPMS itu khususnya Kerajaan Persekutuan sentiasa mengambil kira kepentingan dari Pahang terutamanya daripada aspek ekonomi dan oleh itu sebenarnya negeri Pahang menerima RM47 juta setahun daripada segi jualan air kepada Selangor itu. Ada disentuh kenapa peruntukan mesti diadakan untuk PPMS padahal sudah siap. Kita perlu seperti mana Yang Berhormat sedia maklum walaupun sudah siap tetapi loji belum beroperasi di Langat 2 itu dan ia masih lagi dijangka tahun 2019. Jadi penjagaan alat-alat semua di situ termasuk pam stesen dan seterusnya *task force* masih lagi berjalan untuk memantau dan mengawal aset-aset yang sedia ada dan tentulah peruntukan masih lagi berjalan tetapi dengan kadar yang begitu sikit sahaja RM3 juta setahun.

Seterusnya Yang Berhormat...

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad. [Lipis]: Yang Berhormat Menteri, Lipis...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Lipis dan Yang Berhormat Kluang.

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: Ya?

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Sebelah sana, Yang Berhormat Lipis.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya Yang Berhormat Lipis.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad. [Lipis]: Saya Yang Berhormat Menteri, saya sebenarnya tidak mempersoalkan soal Langat 2 Yang Berhormat Menteri jawab soalan Langat 2. Saya mempersoalkan apakah bentuk kerajaan pusat boleh membantu Kerajaan Negeri Pahang sebagaimana dalam ucapan saya. Oleh sebab saya melihat Kerajaan Negeri Pahang dengan tidak naik tarif air dan sebagainya tidak dapat menampung perbelanjaan untuk menaik taraf air di Pahang, khususnya loji yang begitu banyak di dalam negeri Pahang. Itu persoalan saya. Saya tidak persoal – dan cuma saya cakap kita punya korban kepada Langat 2 dengan memberi 2,000 lebih hektar tanah kepada untuk pembinaan empangan untuk membekal air kepada Langat 2. Itu persoalan saya, apakah *social obligation* balik semula kepada Kerajaan Negeri Pahang yang dalam keadaan satu negeri Pahang mengalami masalah air. Tidak kira Kuantan, tidak kira Jerantut, Kuala Krau, Lipis kita menghadapi masalah air. Bukan masalah kita tidak ada air tetapi masalah paip air yang begitu lama yang saya katakan kalau paip sekarang ini keadaan yang pertambahan penduduk, pertambahan pembangunan sudah pastilah keadaan paip-paip yang ada pada hari ini tidak mencukupi untuk membekal air di kawasan-kawasan yang saya sebutkan dalam seluruh Parlimen di negeri Pahang itu sendiri.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terima kasih Yang Berhormat Lipis yang begitu prihatin. Saya ingin maklumkan di sini bahawa untuk peruntukan tahun hadapan 11 buah projek telah pun diluluskan untuk bekalan air di negeri Pahang. Ini adalah bekalan air Nenasi daerah Pekan juga mengawal NRW di daerah Kuantan. Juga program mengurangkan kadar kehilangan air lagi daerah Kuala Lipis RM35 juta, bekalan air Pekan RM83 juta, bekalan air Muadzam Shah RM85 juta, bekalan air Kuantan fasa tiga – Oi, banyakkah? Kelulusannya untuk Rancangan Malaysia Kesebelas RM170 juta, bekalan air Raub RM87 juta, bekalan air 'Ka' RM45.2 juta, bekalan air Lipis RM15 juta, bekalan air Cameron Highlands RM14.3 juta, bekalan air Bera RM3 juta. Untuk tahun depan RM129.65 juta. Okey, untuk tahun pertama jadi kerajaan pusat begitu prihatin kepada kerajaan di Pahang.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad. [Lipis]: Yang Berhormat Menteri, saya dimaklumkan bahawasanya projek RM15 juta di Lipis itu adalah projek sambungan tahun ini dan RM35 juta adalah untuk mengkaji kebocoran. Jadi saya nampak kali inilah bajet yang diberikan sudah pastilah khususnya Parlimen Lipis tidak menyelesaikan masalah air kerana tidak ada kerja-kerja *upgrade* loji-loji air, paip-paip baru dan sebagainya. Oleh sebab itu dalam hujah saya, saya minta – tidak apalah Yang Berhormat Menteri mungkin *on the spot* ini kita sukar juga untuk menjawab soalan-soalan yang dalam ucapan saya sebentar tadi. Saya membangkitkan banyak perkara dan daripada segi bebanan hutang, pengambilalihan oleh PAIP, Perbadanan Air Negeri

Pahang dan sebagainya. Saya ingat memohon jasa baik Yang Berhormat Menteri meneliti ucapan saya itu, saya rasa khusus saya buat untuk negeri Pahang meneliti ucapan saya itu dapat memberi jawapan secara bertulis pun tidak apa. Saya tahu yang sebenarnya RM35 juta saya tahu, RM15 juta saya pun tahu tetapi itu saya berani gerenti tidak dapat menyelesaikan masalah yang telah kita bangkitkan. Saya percaya Yang Berhormat lain pun, Maran dan sebagainya, dia tidak dapat hendak bercakap kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri dan rakan-rakan lain tidak dapat hendak bercakap. Saya rasa keseluruhannya perlu dibantu Yang Berhormat Menteri. Saya ingat *by hook or by crook* cubalah cari kaedah untuk menyelesaikan masalah air tersebut.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Yang Berhormat Lipis saya terima soalan itu. Nanti kita telitian apa yang telah dibangkitkan.

■1910

Sememangnya kita memang sedang menunggu juga negeri Pahang untuk *migrate* kepada WASIA ini supaya lebih banyak peruntukan yang akan dapat disalurkan. Apa-apa keperluan khususnya kepada Yang Berhormat Lipis, nanti saya minta pegawai penelitian dan tindakan yang wajar. Terima kasih.

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: Yang Berhormat Menteri, Empangan Kahang.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Kluang.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Yang Berhormat Kluang sudah balik kah?

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: Empangan Kahang. Loji Rawatan Air Kahang.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Ada tadi itu tetapi sudah hilang. Nanti saya jawab secara bertulis kepada Yang Berhormat. Sudah ada dalam peruntukan Rancangan Malaysia Kesebelas, itu yang saya baca tadi. Jumlahnya sahaja yang saya belum terima.

Saya rasa Tuan Pengerusi, yang lain-lain ini tidak begitu mendesak...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuantan, Yang Berhormat Bayan Baru bangun, Yang Berhormat.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Soalan Kuantan, Yang Berhormat Menteri belum jawab.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Petaling Jaya Selatan, rancangan...

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Cameron Highlands.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Ya.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Saya hanya mengatakan di sini bahawa piawaian yang digunakan daripada segi kualiti air ini adalah piawaian yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan dan *sampling* dilakukan dari semasa ke semasa, bukan sahaja selepas menerima aduan daripada pihak awam. Setakat ini, bekalan air yang dirawat dan dibekalkan kepada pengguna adalah mengikut piawaian antarabangsa yang diluluskan oleh Kementerian Kesihatan. Akan tetapi kalau ada keraguan-keraguan lain, saya boleh meminta

pihak SPAN untuk menjemput konsultan lain untuk membuat analisa khususnya kumulatif seperti mana Yang Berhormat Kuantan sentuh.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Pohon saya memberikan penjelasan sedikit lagi, Yang Berhormat Menteri. Berkennaan dengan isu air di Cameron Highlands, ia dilaporkan oleh pakar-pakar daripada universiti pada bulan Mei 2015. Mereka melaporkan bahawa air di tadahan, di sungai dan juga dalam minuman terdapat *banned pesticides*.

Apabila saya bertanya kepada agensi-agensi, semuanya bermain seperti bola pingpong. Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar kata itu Kementerian Kesihatan. Kementerian Kesihatan kata itu di bawah PAIP dan sebagainya. Saya bertanya kepada CEO PAIP, dia kata sudah pun diserahkan kepada SPAN. Dia kata kes ini sudah diserahkan kepada SPAN. Sebab itu saya bertanya dengan Yang Berhormat Menteri.

Jadi, tidak ada alasan lagi sebab pakar-pakar sudah pun menerangkan dan menyatakan bahawa mereka khuatir tentang apa yang mereka telah jumpa dalam dapatan *sampling* mereka. Mereka ambil 36 buah sampel di enam buah tempat di sungai dan air minuman di Brinchang didapati tercemar dengan *banned pesticides*. Yang Berhormat Menteri, saya harap maklum hal itu dan mohon penjelasan. Kalau tidak boleh sekarang, bertulis pun tidak apa.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Okey, nanti saya susuli secara bertulis.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Yang Berhormat...

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Apa Yang Berhormat katakan tadi mengenai laporan oleh saintis- begitu kah? Laporan oleh saintis. Okey, saya susuli dengan...

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Petaling Jaya Selatan tidak jawab...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Bekalan Air Pulau Pinang.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Soalan Petaling Jaya Selatan.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Jumlah projek yang Kerajaan Persekutuan bawa ke Pulau Pinang untuk pembetungan dan air adalah begitu banyak sekali. Empangan yang sedang berjalan, saya hendak pergi lawat nanti tidak lama lagi.

Mengenai dengan *transporter* dari negeri Perak, kami sebagai *mediator* dalam perkara ini. Oleh kerana ini melibatkan dua buah negeri, *state to state, so you have to improve your interstate relations* lah. Dia kata boleh tetapi bukan *free*. Saya telah mengendalikan pasukan untuk menjadi *middleman* dalam perkara ini untuk membincangkan bagi membolehkan kedua-dua negeri boleh mendapat keputusan yang memihak kepada kedua-dua belah pihak.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Kami cuma hendak...

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Akan tetapi saya hendak tambah, pada masa...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: *Thank you for your help.*

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: ...Pada masa pihak di bawah Pakatan, mereka memberitahu kepada kawan mereka di Pulau Pinang bahawa mereka juga mahu caj. Jadi, itulah...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Ya lah...

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Dia mahu caj juga itu.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Ini *business*, kita faham. Jadi, kita cuma boleh mendapatkan penyelesaian yang baik dan minta Yang Berhormat Menteri membantu dalam mempercepatkan proses ini kerana kita mahukan air mentah. Air dirawat, *I mean* ia leceh, hendak di hantar ke sini, hantar ke sana. Kita mempunyai *track record* yang paling baik dalam negara daripada segi kepakaran merawat air. Jadi biarlah kami rawat air sendiri dan biar orang Pulau Pinang minum air yang mempunyai kualiti yang terbaik di Malaysia. Terima kasih.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Yang Berhormat Menteri, soalan saya tentang sistem pembetungan di kawasan saya.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* ...Kerana ada tiga, empat buah projek yang disebut tadi.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Boleh bagi jawapan bertulis?

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Saya akan menjawab secara bertulis, okey?

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Apa yang saya sedia maklum, ia termasuk dalam KPI saya, ia sedang berjalan tetapi statusnya saya perlu memberikan laporan kepada Yang Berhormat.

Saya rasa Tuan Pengerusi, setakat itu sahajalah yang saya dapat huraikan daripada segi permintaan, penjelasan dan teguran. Saya mengucapkan terima kasih. Mana-mana yang saya tidak sempat untuk memberikan ulasan, nanti saya jawab secara bertulis. Terima kasih semuanya.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM125,306,600 untuk Maksud B.29 di bawah Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]

[Wang sebanyak RM125,306,600 untuk Maksud B.29 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM2,136,649,700 untuk Maksud P.29 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2016 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]

[Wang sebanyak RM2,136,649,700 untuk Maksud P.29 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2016]

Maksud B.30 [Jadual] –
Maksud P.30 [Anggaran Pembangunan 2016] –

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Kepala Bekalan B.30 dan Kepala Pembangunan P.30 di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Hulu Langat.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pemberitaan suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Boleh dipertimbangkan selepas ini.

7.17 mlm.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Merujuk kepada Butiran 010200 – Dasar Sains Teknologi dan Inovasi Negara (STI). Bolehkah dasar STI ini diedarkan di Dewan ini untuk perhatian semua pihak? Mungkin di antara dasar STI ini, satu, memastikan R&D dikomersialkan tetapi adakah benar dalam tempoh lima sehingga 10 tahun, daripada 27,449 R&D, hanya dua peratus yang dapat dikomersialkan? Apakah sebabnya dan adakah ia tidak selari dengan kehendak industri?

Ini berkaitan juga dengan perkara yang kedua iaitu untuk menjalankan hubungan sektor awam dan swasta dalam melaksanakan STI. Adakah kerjasama ini berjalan lancar antara sektor awam dan swasta? Ini kerana ada kemungkinan swasta ini lebih suka atau senang melaksanakan sahaja pembinaan teknologi, bukannya mengambil ataupun menerima R&D daripada tempatan.

Butiran 020300 – Pusat Sains Negara (PSN). Saya masih menunggu penjelasan daripada kementerian mengenai kaedah-kaedah penyebaran maklumat STI terutamanya melalui media elektronik. Adakah TV arus perdana ini dapat digunakan untuk menyebarkan maklumat STI ini? Adakah PSN sentiasa mendapat sambutan dari masyarakat terutamanya daripada remaja-remaja kita?

Butiran 030100 – Agensi Nuklear Malaysia. Saya difahamkan mampu menjana pendapatan melalui R&D. Untuk pengetahuan Dewan ini, adakah Agensi Nuklear Malaysia hanya tertumpu kepada R&D bidang teknologi nuklear sahaja atau agensi ini dapat membantu menyelesaikan banyak masalah dalam bidang-bidang yang lain? Minta penjelasan.

Berkaitan dengan ini juga di bawah P.30, Butiran 00800 – Program Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) dengan peruntukan besar hampir RM296.97 juta. Apakah perancangan yang akan dibuat di bawah R&D? Adakah menyediakan sebuah institusi baru ataupun menggunakan peruntukan yang besar ini untuk meningkatkan lagi R&D?

Begitu juga di bawah P.30 Butiran 00605 – Bahagian Bioteknologi Kebangsaan (BIOTEK). Apakah hasil-hasil tumbuhan atau spesies baru yang dihasilkan? Peruntukan ini juga adakah termasuk untuk Institut Genom Malaysia?

■1920

Akhir sekali, saya merujuk kepada 050100 – Akademi Sains Malaysia (ASM) saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada kementerian kerana memberi peruntukan RM7.6 juta

yang dapat menjadi satu medan percambahan minda STI terutama oleh ahli-ahli sains yang senior dan berpengalaman dan juga boleh memandukan dasar STI. Mereka ini difahamkan aktif membuat program-program motivasi dan ceramah kepada pelajar-pelajar supaya mereka minat di dalam sains dan teknologi. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Dari hulu ke kuala, Yang Berhormat Kuala Langat.

7.21 mIm.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sungguh hebat memilih Kuala Langat untuk soalan Butiran.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Kebetulan Yang Berhormat Kuala Langat.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus menyenggung Butiran 060200 tidak henti-henti membicarakan soal kakitangan kontrak yang pada anggaran 2015, kosong. Anggaran 2016, 1.8 juta. Persoalan hari ini ialah keperluan pekerja itu memang ada dan mengikut dasar kerangka yang dibuat oleh kerajaan, mereka yang bekerja kontrak 15 tahun ke atas baru diconfirmkan. Tanpa jemu membicarakan soal ini, saya ingin merakamkan simpati saya pada pekerja kontrak ini. Bila mana mereka diperlukan, harus wajib mereka juga diconfirmkan. Jadi daripada segi kedudukan dan keperluan mereka ini, saya kira ia amat diperlukan.

Maka yang demikian, saya memohon Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi memastikan bahawa pekerja kontrak ini kalau sekiranya diperlukan dan mereka ini wajib diconfirmkan tanpa menganiaya mereka ini berterusan bila mana masa depan mereka itu dalam keadaan yang samar. Tidak boleh memohon *loan* perumahan, tidak boleh mendapat faedah-faedah yang telah diperuntukkan dalam pekerja penjawat awam yang tetap. Maka yang demikian, saya merayu kepada kementerian untuk memastikan pekerja kontrak ini juga diberikan hak mereka dan mereka juga mendapat apa yang sepatutnya dapat dan kalau keperluan itu wajib maka mereka saya mohon untuk diconfirmkan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Itu sahaja. Yang Berhormat Kuala Langat. Habis sudah ya. Yang Berhormat Bukit Gantang.

7.23 mIm.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat malam. Terima kasih kepada Tuan Pengerusi, terima kasih kepada Menteri. Saya hendak bicarakan berkenaan B.30 010200 - Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) kerana di sana ada laporan terdapat beberapa orang pelajar iaitu tentang Pertandingan Reka Cipta dan Inovasi Sains sekolah berasrama penuh yang telah pun berjalan sejak daripada tahun 1998. Malahan yang terbaru ini ada terdapat 12 orang pelajar sampai kepada peringkat pertandingan *International Science and Engineering* di Amerika.

Persoalan saya ialah adakah kementerian mempunyai *database* pelajar-pelajar yang terlibat dalam program inovasi ini? Ini kerana kalau ada, kita mengharapkan supaya mereka ini dijaga dan dididik kerana mereka ini mempunyai potensi untuk menjadi saintis di peringkat dunia suatu masa nanti. Kalau boleh kita berikan *scholarship* biasiswa mengikut potensi-potensi yang ada sebagai satu *human capital* kita dengan izin untuk pada masa akan datang. Itu satu.

Kedua ialah berkenaan B.30, 070300 – Penyelidikan dan Pembangunan Sains dan Teknologi. Rupa-rupanya Malaysia ini hebat. Rakyat Malaysia ini hebat. Sebab itu pernah pada tahun 2014, tiga orang saintis Malaysia yang tersenarai sebagai pakar terkemuka dunia oleh agensi *Thomson Reuters* yang berpangkalan di New York, Amerika. Mereka terdiri dari kalangan Profesor Dr. Abdul Latif Ahmad daripada USM, Profesor Dr. Ishak Hashim daripada Fakulti Sains dan Teknologi UKM dan Profesor Dr. Saidur Rahman Fakulti Kejuruteraan Universiti Malaya.

Berdasarkan laporan *Thomson Reuters*, mereka ini dipilih kerana banyak penerbitan mereka yang sering dijadikan rujukan di kalangan penyelidik-penyelidik saintis peringkat dunia. Soalan saya, adakah hasil kajian mereka ini terpelihara terutama segi *pattern* intelektual supaya orang lain tidak mudah ditiru dan dicuri.

Kedua, adakah hasil penyelidikan mereka ini dikomersialkan melalui MITI untuk dipasarkan di peringkat antarabangsa kerana pengiktirafan diberikan oleh *Thomson Reuters* kepada tiga orang saintis ini bukan satu benda yang kecil kerana ia menjadikan saingan di peringkat dunia. Sebab itu, kita mengharapkan supaya kementerian memberikan perhatian terutamanya sekurang-kurangnya kalau inilah yang dianggap sebagai intelektual kita. Maka, sudah tentu dijadikan satu daripada bahan komoditi kita untuk kita eksport keluar nanti. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jerlun.

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Terima kasih Tuan Pengerusi saya hendak sentuh Kepala 030100 – Agensi Nuklear Malaysia dan juga Kepala 030200 *Remote Sensing* Malaysia yang menjana maklumat terkini berkaitan dengan permukaan bumi dan juga pangkalan data bersepadu. Ia juga boleh mengukur kegunaan tanah dan sebagainya.

Jadi, di bawah Agensi *Remote Sensing* ini terdapat satu bahagian iaitu *Paddy Management System* yang menggunakan *Integrated Special Database System* dengan izin untuk pengurusan tanaman padi melalui sistem GIS, *Geographic Information System* dan juga teknologi ia mempunyai kapasiti untuk menganggarkan *actual planted area* setiap musim. Ia juga boleh memantau aktiviti tanaman padi yang berkaitan.

Jadi soalan saya, sejauh manakah *Paddy Management System* ini digunakan dalam negara kita? Saya difahamkan bagi negeri Selangor dan sebagainya. Jadi saya rasa sudah tentulah sampai masanya kita dapat menggunakan teknologi yang ada di *Remote Sensing* agensi ini untuk kebaikan dan faedah kepada petani-petani.

Seterusnya, 030100 Agensi Nuklear. Kita tahu bahawa selain daripada kita bercakap soal tenaga dan sebagainya. Nuklear juga mempunyai peranan yang penting dalam aktiviti ataupun dalam aplikasi dalam bidang pertanian. Jadi, difahamkan *radioisotopes* dan juga

radiation mempunyai pelbagai aplikasi sama ada dalam pembajaan, *plant breeding, insect control* dan juga pembangunan benih padi, benih tanaman dan sebagainya.

Jadi, sejauh manakah sehingga kini negara kita telah berjaya menggunakan teknologi tinggi ini untuk menghasilkan benih-benih yang bermutu tinggi? Mungkin dengan kolaborasi agensi-agensi tertentu seperti MARDI untuk kita hasilkan benda-benda yang juga akhirnya dapat mempercepatkan usaha kerajaan meningkatkan hasil tanaman, terutama sekali dalam bidang padi. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Gopeng. Selepas itu Yang Berhormat Menteri boleh menjawab.

7.30 ptg.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana diberi peluang saya untuk berbahas "P".30 di bawah MOSTI. Kebetulan kementerian ini adalah kementerian yang penting untuk menjamin kemajuan negara dan masa akan datang.

■1930

Malangnya, kalau kita lihat dari segi kementerian tersebut, ada beberapa agensi sepatutnya di bawah kementerian MOSTI tetapi di luar, yang saya maksudkan itu ada dua. Pertama, *Malaysian Industry-Government Group for High Technology (MIGHT)* dan kedua, *Malaysia Nuclear Energy*. Kedua-dua ini kebetulan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Sepatutnya MOSTI pasti ada pasukan kepakaran untuk uruskan kedua-dua agensi berikut. Saya hendak khusus kepada Butiran 03600 – Nano Malaysia Berhad, dengan peruntukan pembangunan RM15,000,000. Pasti sebahagian daripada peruntukan tersebut adalah untuk pelaksanaan *National Graphene Action Plan 2020*. Untuk maklumat Dewan ini, *National Graphene Action Plan* ini adalah satu bahan yang baru, di mana terdiri daripada *atom carbon* yang tipis, satu lapisan *atom carbon* yang ada kualiti yang istimewa dari segi *conductivity thermal, conductivity electricity* dan juga yang *transparent* dan bahan yang kuat. Jadi, bahan ini pasti ada kegunaan dari segi beberapa industri dan *potentialnya* memang besar.

Jadi, tahniah saya ucapkan kerana kementerian ambil langkah yang proaktif untuk adakan *National Graphene Action Plan 2020* ini. Cuma soalan saya, setakat manakah kejayaan ataupun pelaksanaan untuk merealisasikan *action plan* tersebut? Apa yang saya tahu, *Felda Global Ventures* telah umumkan adakan *manufacturing plant* untuk pembuatan *graphene* ini. Pembuatan *graphene* ini untuk Malaysia, kebetulan kita ada kelebihan kerana bahan untuk buat *graphene* ini terdiri daripada *methane gas*, di mana *biomass* boleh keluarkan *methane gas*. Industri gas pun boleh. Jadi, kita ada kelebihan. Jadi, setakat manakah kejayaan dari segi pelaksanaan *action plan* tersebut? Saya juga merujuk kepada Butiran 01600 – Cybersecurity Malaysia. Di mana peruntukan RM46,303,500 untuk pembangunan. Saya lihat ini *cybersecurity* Malaysia lebih- satu agensi di bawah kementerian, satu badan korporat di bawah kementerian. Kerja-kerja, tugas yang di bawah agensi tersebut lebih kepada menjamin *cybersecurity* Malaysia untuk syarikat, untuk agensi, untuk individu. Akan tetapi satu aspek yang lain adalah *cybersecurity* dari segi *national security*.

Bagaimana kita boleh menjamin negara kita daripada *cyber attack*, daripada kumpulan pengganas ataupun kumpulan atau organisasi penjenayah ataupun negara-negara yang mungkin *hostile* kepada negara kita. Jadi, dalam hal ini kalau kita lihat tugas yang dibuat oleh *cybersecurity* Malaysia, lebih kepada tugas yang *reactive* kepada *potential hacking* dan *attacks, fraud* dan sebagainya. Akan tetapi tidak ada kerja-kerja seperti perisikan ataupun siasatan terhadap organisasi-organisasi, misalnya ISIS dan sebagainya. Jadi, saya rasa dalam urusan *cybersecurity* dari segi keselamatan negara, kerjasama antara agensi tersebut dengan PDRM dengan perisikan tentera dengan MCMC harus diadakan. Jadi, setakat mana kita boleh menjamin bahawa *national security* keselamatan negara terjamin di bawah *Cybersecurity* Malaysia?

Saya ingin merujuk kepada Butiran 020300 - Pusat Sains Negara dan 00604 – Pusat Sains Negara (PSN). Saya lihat tadi Yang Berhormat Hulu Langat pun ada bangkitkan pasal Pusat Sains Negara. Cuma saya lihat dari segi penyertaan Pusat Sains Negara dalam setahun lebih kurang 400,000 orang. Setakat ini, kutipan tiket saya pasti pun tidak mencukupi untuk membiayai kos untuk pengendalian Pusat Sains Negara ini. Jadi, adakah Kementerian merancang supaya menjadikan Pusat Sains Negara ini sebagai mungkin satu *theme park*, mungkin bukan di tempat sedia ada. Akan tetapi di tempat-tempat di mana misalnya Iskandar Malaysia, di Pulau Pinang, di Perak dan sebagainya. Ini mungkin boleh mengembangkan pemahaman sains dan teknologi untuk rakyat jelata, bukan setakat di Pusat Sains Negara sahaja. Jadi, ini beberapa perkara yang saya harap perhatian Menteri dan mohon jawapan. Sekian, terima kasih.

7.36 mlm.

Tuan Penggerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Seri Panglima Madius Tangau]: Terima kasih, Tuan Penggerusi. Terima kasih juga kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan di peringkat Jawatankuasa Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Saya akan mulakan jawapan bermula daripada Yang Berhormat daripada Hulu Langat yang ingin bertanya adakah dasar, apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk meningkatkan lagi kesedaran tentang dasar STI dan sama ada dasar STI ini sudah diedarkan di dalam Dewan ini dan sebagainya. Tuan Penggerusi, memang saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Hulu Langat di atas minat yang begitu tinggi tentang pentingnya dasar STI ini. Sebenarnya, dasar ini ada dua perkara yang pentingnya. Pertamanya, dasar untuk sains ataupun *policy for science* yang memang pun kita sudah ada Dasar STI Negara. Akan tetapi satu lagi yang lebih penting juga ialah STI for *policy*, dengan lain perkataan, kita mahu supaya dasar-dasar yang dilaksanakan oleh semua kementerian, agensi dan jabatan kerajaan itu mempunyai input dan elemen sains, teknologi dan inovasi.

Oleh sebab itu, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Hulu Langat bahawa tahap kesedaran itu masih boleh dipertingkatkan. Oleh sebab itu, langkah-langkah sedang kita ambil

untuk merakyatkan STI ini melalui aktiviti di bawah kementerian. Pertamanya, disebutkan tadi Pusat Sains Negara. Sebenarnya Pusat Sains Negara ini lebih kepada memberi kesedaran dan mendidik pelajar-pelajar. Tidak secara langsung dengan STI. Apa yang terlibat dari segi STI sebenarnya adalah Akademi Sains Malaysia dari segi memberi buah fikiran dan di sini sebenarnya yang perlu kita tingkatkan. Keduanya, berkenaan dengan Agensi Nuklear Malaysia. Yang Berhormat Hulu Langat telah bertanya sama ada agensi ini membuat penyelidikan hanya dari segi nuklear ataupun *application*. Sebenarnya, Agensi Nuklear Malaysia ini ditubuhkan sekitar tahun 70-an dan fokus penyelidikannya memang tertumpu pada nuklear. Dengan harapan, akhirnya nuklear ini akan dijadikan salah satu daripada penjanaan tenaga dan sebagainya. Akan tetapi setelah kita mendapat tenaga daripada petroleum, maka penyelidikan dalam nuklear ini tidak lagi diutamakan. Apa yang telah dilakukan ialah Agensi Nuklear Malaysia telah menumpukan perhatian dalam *the application of radiation*.

Jadi, antara perkara barangkali ini juga saya akan jawab secara langsung persoalan yang telah ditanya oleh Yang Berhormat Jerlun tentang teknologi padi tadi.

■1940

Salah satu daripada hasil kajian daripada Agensi Nuklear Malaysia ialah menggunakan teknologi *radiation* dan menghasilkan newton padi yang telah terbukti menghasilkan pengeluaran yang jauh lebih tinggi. Contohnya kalau dahulu pengeluarannya setakat enam metrik tan, dia boleh tingkatkan sampai lapan metrik tan. Ini barangkali yang ditanya oleh Yang Berhormat Jerlun bagaimana kita ini boleh dilaksanakan oleh agensi-agensi kerajaan yang sedia ada seperti MADA dan sebagainya.

Setakat ini kita masih dalam perbincangan dengan NBOS dan Kementerian Pertanian bagaimana teknologi yang baru ini dapat dirakyatkan, diberikan kepada petani. Akan tetapi setakat ini kita sudah boleh gunakan untuk dilaksanakan oleh syarikat-syarikat.

Seterusnya saya akan beralih ke pertanyaan yang ditanya oleh Yang Berhormat Bukit Gantang yang telah bertanya tentang sama ada kementerian mempunyai pangkalan data pelajar-pelajar yang telah menyertai Pertandingan Sains Muda Asrama Penuh.

Saya pun daripada sekolah asrama penuh juga dahulu, Sekolah Menengah Sains. Sebenarnya kementerian mempunyai *database* mengenai pelajar yang terlibat dalam inovasi. Kita ada fokus golongan muda tetapi sama ada kita mempunyai pangkalan data daripada peserta-peserta itu, itu saya akan lihat balik. Kalau kita belum ada kita akan lihat sama ada kita boleh lihat sama ada peserta-peserta ini dapat kita gembleng.

Berkenaan dengan penyelidik yang disebut tadi itu, sama ada penyelidikan mereka itu sudah pun *dipattern* dan sebagainya, dan adakah kajian yang telah dapat diguna sebaik mungkin.

Untuk makluman, sama ada sesuatu penyelidikan itu *dipattern* atau tidak atau punya IP sebenarnya itu terletak daripada penyelidik, itu usaha daripada penyelidik. Kementerian MOSTI mempunyai dana untuk pendaftaran harta intelek. Jadi kepada penyelidik berkenaan bolehlah berjumpa dengan kita dan kita boleh pertimbangkan untuk memberi bantuan sebaik mungkin.

Seterusnya daripada Yang Berhormat Hulu Langat. Yang Berhormat Hulu Langat ini mesti dia bercerita tentang hal-hal pekerja.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Dahsyat.

Datuk Seri Panglima Madius bin Tangau: Dahsyat. *[Ketawa]* Yang Berhormat Kuala Langat, sorry Yang Berhormat Kuala Langat. Untuk makluman.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Siapa itu, Yang Berhormat Parit Sulong kah itu?

Datuk Seri Panglima Madius bin Tangau: Yang Berhormat Kuala Langat. MOSTI mengambil maklum bahawa pentingnya untuk supaya kakitangan dalam kontrak itu *diconfirm*. Kita ambil maklum itu.

Di MOSTI hanya terdapat beberapa orang kakitangan kontrak dan kita sentiasa mengambil berat kebijakan kakitangan kontrak ini. Namun MOSTI tertakluk kepada syarat-syarat lantikan yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam sekiranya ingin lantik kakitangan kontrak ini ke dalam perkhidmatan awam.

Saya melihat Yang Berhormat dari Gopeng ada beberapa perkara yang menarik yang disebutnya tadi. Pertamanya berkenaan dengan pertindihan agensi di antara MOSTI dengan kementerian lain khususnya Jabatan Perdana Menteri.

Laporan daripada OACD tentang perolehan ini, penilaian pihak OACD, kita akui memang sudah diperakui oleh pihak OACD dan laporan itu telah pun di bentang kepada kita. Kerajaan mengambil maklum malah laporan OACD itu nanti kita boleh edarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat supaya kita dapat sama-sama lihat bagaimana sebaik-baik mungkin hal-hal pertindihan itu dapat ditangani.

Akan tetapi untuk menangani ini pada ketika ini kerajaan telah menujuhkan sebuah Majlis Sains Negara di mana Majlis ini dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan saya sendiri selaku Menteri MOSTI adalah Ahli Jawatankuasa dan melibatkan beberapa agensi yang lain. Melalui Majlis ini kita dapat selaraskan apa yang dikatakan sebagai pertindihan tadi.

Berkenaan dengan CyberSecurity, kebimbangan Yang Berhormat tentang CyberSecurity barangkali menjalankan penyelidikan tentang bagaimana menangani hal-hal jenayah siber tetapi tidak kepada ancaman keselamatan negara.

Sebenarnya andaian itu tidak betul, sebenarnya CyberSecurity walaupun CyberSecurity ini adalah sebuah agensi di MOSTI, sebenarnya kita juga menjalankan kajian yang melibatkan tentang ancaman kepada keselamatan. Termasuklah hal-hal mereka yang terlibat menggodam laman-laman web yang sensitif dalam kerajaan dan sebagainya. Untuk makluman setakat ini kita berpuas hati dengan prestasi yang telah dijalankan oleh CyberSecurity dalam hal ini.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Mohon celah. Ini sebab kalau kita lihat kepada isu CyberSecurity, kita lebih bimbang bukan setakat penjenayah biasa yang ingin dapatkan faedah kewangan. Akan tetapi yang penting adalah pengganas misalannya yang mungkin boleh menggodam sistem dalam kerajaan ataupun sistem dalam komputer kewangan dan akan

membawa satu masalah yang besar. Ataupun daripada misalannya IS ataupun kebetulan kalau kita lihat di Malaysia kalau kita masuk kepada beberapa laman web dengan automatik laman web tersebut kita boleh lihat apa-apa agenda daripada IS. Kalau tidak percaya boleh cuba. Ada beberapa web yang ada kaitan dengan Islam, ada kaitan dengan Timur Tengah dan sebagainya. Apabila kita masuki web tersebut, IS itu keluar minta derma dan sebagainya.

Jadi kalau kita tidak ada *collaboration* dengan agensi yang lain dengan perisikan tentera, dengan PDRM mungkin daripada segi kementerian MOSTI ada hadnya, ada *limitation* daripada segi kebolehan untuk menangani isu tersebut. Ini maksud saya.

Datuk Seri Panglima Madius bin Tangau: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya keimbangan Yang Berhormat itu *I appreciated, your concern is appreciated*. Walau bagaimanapun keimbangan Yang Berhormat itu sudah pun diambil tindakan sebenarnya.

Saya ambil contoh, CyberSecurity Malaysia sebenarnya menjalankan apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat tadi termasuklah hal pengintipan siber, soal keganasan siber juga aktiviti jenayah siber di pasaran gelap internet, ini juga dan juga dalam hal-hal peperangan siber. Ini juga kita buat.

Untuk makluman Yang Berhormat, memang betul dalam hal-hal *cyber security* ini, negara kita tidak boleh bertindak secara persendirian. Kita perlu kerjasama di antara negara dan sebab itu kalau di negara-negara OIC, Malaysia adalah Pengerusinya dan kita adalah *Permanent Secretary OIC* dalam hal ini. Di Asia Pasifik kita adalah Timbalan Pengerusi di mana Pengerusinya adalah Australia. Baru-baru ini kita mengadakan satu persidangan di mana kita telah mempererat lagi, mempertingkatkan lagi kita punya kerjasama di kalangan negara-negara yang terlibat. So, terima kasih atas keprihatinan tadi tetapi memang sudah kita ambil tindakan.

■1950

Satu lagi perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Gopeng, terima kasih kerana telah menyebut tentang teknologi nano. Teknologi nano adalah satu teknologi yang *emerging*, satu teknologi yang amat penting dan memang betul bahawa pada hari ini apa yang dahulunya satu *effluent waste* daripada *effluent oil palm mills* sebagai contoh kita boleh dapatkan methane daripada situ. Daripada methane dan sebagainya dan memang benar bahawa pihak FELDA telah pun membeli teknologi daripada *Cambridge University* dan sekarang sudah dijenamakan sebagai FGV *graphene* dan kerajaan mempunyai Pelan Tindakan Graphene Kebangsaan 2020 ataupun *National Graphene Action Plan* di mana saya sendiri pengerusi bersama dengan pihak PEMANDU dan dalam pelan tindakan *graphene* ini, we are *on track actually* sebab peruntukan-peruntukan diperlukan sudah diberi dan syarikat-syarikat yang kita bantu, kewangan pun sudah diberikan dan kalau Yang Berhormat ingin tahu apakah teknologi-teknologi *graphene* yang dimasukkan dalam syarikat-syarikat ini, saya boleh bagi sebab panjang lagi kalau mahu cerita semua, Tuan Pengerusi. Akan tetapi, apa yang penting ialah pada tahun hadapan, Pelan Tindakan Graphene Kebangsaan akan menyasarkan sebanyak 10 projek baru yang akan diterajui dalam program ini dan fasilitis projek pembangunan yang dibawa ke hadapan daripada tahun 2015 akan diteruskan oleh pihak Nano Malaysia Berhad bagi memastikan impak

maksimum dapat dicapai sejajar dengan objektif utama pelan ini dalam meningkatkan GNP negara.

Satu lagi isu daripada Yang Berhormat Gopeng berkenaan dengan kebimbangan yang tadi itu. Yang Berhormat Gopeng bertanya sama ada pihak Cyber Security Malaysia bekerjasama dengan pihak keselamatan. Sebenarnya ini sudah sekian lama kita bekerjasama, berkolaborasi bersama dengan pihak PDRM dan sebagainya. Okey.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Yang Berhormat Menteri, ada cadangan untuk Pusat Sains Negara di tempat-tempat yang lain tak selain daripada yang itu.

Datuk Seri Panglima Madius bin Tangau: Okey, terima kasih. Berkenaan dengan Pusat Sains Negara sama ada kita bercadang membuka cawangan lain, sebenarnya satu cawangan Pusat Sains Negara sudah pun ditubuhkan di Alor Setar dan kita juga bercadang untuk membuka di negeri Sabah. Untuk makluman, memang benar pada ketika ini Pusat Sains Negara ini sedang dibuat *renovation* dan memang sudah ditutup. Kebimbangan Yang Berhormat tadi tentang sama ada pungutan hasil daripada pengunjung-pengunjung ke Pusat Sains Negara. Sebenarnya pengunjung bukan setakat 400 ribu Yang Berhormat, setiap tahun sebelum ditutup sebenarnya bilangan pengunjung menjangkau lebih 500 ribu lebih. Pada tahun 2013, terdapat 594,765 pengunjung dan meningkat. Akan tetapi oleh sebab kita ini dalam proses *renovation* jadi memang ada penurunan daripada segi pengunjung pada ketika ini. Cadangan sama ada Pusat Sains Negara di Bukit Kiara ini ditutup dan diletakkan di tempat yang sesuai, perkara ini tidak timbul pada masa ini sebab sebenarnya selepas nanti Pusat Sains Negara di Mont Kiara ini dibaiki semula, perkhidmatan-perkhidmatan dan keadaan bangunan terutama sekali keadaan yang begitu panas, agak panas sekarang akan dapat diatasi selepas ini dan mudah-mudahan dengan itu kita akan dapat menarik lebih ramai lagi pengunjung khususnya para ibu bapa dan juga pelajar.

Untuk makluman Yang Berhormat, walaupun Pusat Sains Negara beroperasi hanya di Bukit Kiara tetapi kita juga mempunyai *outreach program* malah kita ada *outreach program* khusus untuk Orang-orang Asli sebagai contoh di kawasan luar bandar. Jadi, kita membawa apa juga yang dapat dilihat di Pusat Sains Negara daripada segi aktiviti-aktiviti sains ini, kita bawa ke kawasan luar bandar tetapi memang kita bersetuju apabila kita membuat *outreach* ini, kosnya agak tinggi dan kita mengambil langkah-langkah lain untuk membawa para pelajar ke tempat-tempat ini. Sebab itulah kita sedang merancang supaya Pusat Sains Negara ini dibuat di tempat lain juga bukan di Kuala Lumpur sahaja khususnya di Sabah dan juga di sebelah utara Semenanjung.

Saya cuma hendak tambah sedikit apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat Bukit Gantang awal tadi berkenaan dengan keprihatinan beliau tentang penglibatan generasi muda dalam bidang sains. Memang kementerian juga amat prihatin tentang bilangan pelajar di universiti yang hanya setakat 30% yang mengambil sains setakat ini. Sasaran negara ialah 60% dan sebab itu sebenarnya pihak kementerian melalui Akademi Sains Negara telah membuat beberapa program antaranya kita mengadakan Anugerah Saintis Muda sebagai contoh di mana

ini adalah satu aktiviti tahunan dan kumpulan sasaran adalah saintis ataupun penyelidik yang berumur 35 tahun ke bawah dan yang telah menjalankan projek R&D di pusat penyelidikan dan institusi pengajian tinggi awam ataupun swasta ataupun organisasi penyelidikan swasta di Malaysia. Pemenang akan menerima hadiah bernilai RM20,000 dan beberapa hadiah lain dan untuk makluman Dewan yang mulia ini, pada tahun 2013 terdapat 31 orang penyertaan. Pada tahun 2014, 35 orang penyertaan dan pada tahun ini sebanyak 32 penyertaan.

Begitu juga pihak Akademi Sains Malaysia juga mengadakan Anugerah Juru Teknologi Negara untuk tujuan yang sama dan penyertaannya pada setakat ini belum berapa menggalakkan. Hadiahnya lebih kurang RM10,000 dan sebagainya. Apa pun yang penting ialah program untuk membawa minat saintis-saintis muda akan diteruskan oleh pihak Akademi Sains Negara. Tuan Yang di-Pertua, saya fikir semua persoalan yang telah dibangkitkan telah dijawab.

■2000

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri, tadi tajuk Agensi *Remote Sensing* ini ada di sebut lagi Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Panglima Madius Tangau: Ya, ya, Okey. Terima kasih Yang Berhormat Jerlun.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jerlun, Yang Berhormat Ampang pun tegur Yang Berhormat Jerlun.

Datuk Seri Panglima Madius Tangau: Remote sensing, Agensi *Remote Sensing* Negara sebenarnya telah mencipta, mengeluarkan beberapa aplikasi teknologi dan kita boleh, pihak kementerian boleh sebenarnya akan membuat Program NBOS dengan pihak Kementerian Pertanian bagaimana teknologi-teknologi ini dapat digunakan bersama dengan pihak kementerian yang lain.

Tuan Pengerusi, saya ingat itu sahaja yang saya akan sentuh. Mana-mana yang belum saya sentuh dan perlu, kita akan jawab secara bertulis. Sekian, dan terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM661,141,000 untuk Maksud B.30 di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]

[Wang sebanyak RM661,141,000 untuk Maksud B.30 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM865,822,800 untuk Maksud P.30 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2016 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]

[Wang sebanyak RM865,822,800 untuk Maksud P.30 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2016]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Majlis bersidang dalam Majlis Mesyuarat.

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Rabu, 25 November 2015.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 8.01 malam]